metodologi baru dalam sebaran fakta serta pandangan khususnya berkaitan teori-teori konspirasi.

Oleh itu, bagi pembaca yang belum memahami dunia konspirasi Yahudi atau masih baru di dalam hal ehwal konspirasi, kami amat menggalakkan agar buku ini dibaca bab demi bab. Tujuannya ialah bagi mengelakkan kekeliruan isu dan salah faham objektif buku ini.

Maklumat berkaitan simbol-simbol di dalam buku ini juga disusun dan dipersembahkan sedemikian rupa agar para pembaca dapat memahami susur-galur perjalanan konspirasi Yahudi dan kaedah-kaedah perancangan rahsia mereka. Bab-bab dibahagikan berdasarkan keutamaan maklumat masing-masing agar para pembaca yang baru mengenali dunia konspirasi tidak terkeliru dalam proses pemahaman konspirasi.

Maka dengan itu, pembacaan secara getus-getus dan tidak mengikut turutan kemungkinan menyukarkan pemahaman pembaca kelak kerana setiap bab akan mengandungi istilah-istilah tersendiri yang menggambarkan maklumat dalam keseluruhan bab tersebut. Manakala simbol-simbol yang dibentangkan dari permulaan bab akan berkembang maklumatnya serta berangkaian di antara satu sama lain sehingga ke akhir bab.

Berasaskan susun atur di dalam buku ini (walaupun ia tidaklah sesempurna mana), kami cuba menjadikan ia sebagai asas kepada masyarakat dalam memahami konspirasi Yahudi khususnya percaturan politik yang berlaku pada masa sekarang di seluruh dunia. Buku ini juga boleh disimpulkan sebagai *asas pemahaman konspirasi Yahudi.*

BAB 1
Agama Judais

Apa itu Judais?

Judais adalah nama agama bagi bangsa Yahudi tidak kira di mana mereka bermastautin sama ada di Israel, Eropah, Asia atau Timur Tengah. Agama Judais juga disebut sebagai *Yehudah* atau *Yahedut* oleh penganut mereka manakala di dalam bahasa Latin ia disebut *ludaismus.*[1]

Mengikut kepercayaan masyarakat Yahudi, agama Judais dibawa oleh Abraham (Nabi Ibrahim a.s.) yang mana berdasarkan pendapat mereka bahawa Abraham itu dianggap bapa kepada seluruh keturunan Yahudi walaupun hakikatnya ia menyimpang dengan ahli sejarah.

Walaupun mereka berpendapat Abraham sebagai pengasas Judais, tetapi kitab rasmi yang digunakan ialah Kitab Taurat yang dibawa oleh *Moses* (Nabi Musa a.s.). Selain dari Taurat, mereka juga berpegang kepada

Kitab Talmud yang dihasilkan sendiri oleh rabbi-rabbi mereka. Kitab Talmud lebih meluas penggunaannya berbanding Taurat (Torah) kerana Talmud mencakupi segala adat-istiadat kehidupan seharian masyarakat Yahudi walaupun pada hakikatnya ia sudah menyimpang 360 darjah dari ajaran sebenar Nabi Musa a.s.

Namun begitu, penganut agama Judais juga berpecah kepada beberapa puak mengikut pendapat rabbi masing-masing. Manakala puak-puak ini pula kebiasaannya mengikut suku masing-masing. Antara suku-suku Yahudi yang tinggal di Israel ialah:-

- Ashkenazi
- Sephardi
- Mizrahi
- Hasedic
- Samaritan

Mengenali Bani Israel

Perkataan *Israel* bermula sebagai satu gelaran yang diberikan Allah kepada Nabi Yaakub a.s. Menurut *Imam Al-Khazim* dalam kitabnya yang bertajuk *Lubab at-Takwil* menyatakan:

"Para ahli tafsir bersepakat bahawa Israel adalah Yaakub (Nabi) Bin Ishak (Nabi) Bin Ibrahim (Nabi), selawat dan salam Allah ke atas para nabi sekalian."

Pendapat ini juga disandarkan pada petikan dalam surah Al-Imran, ayat 63 yang bermaksud;

"Semua makanan adalah halal kepada Bani (keturunan) Israel kecuali apa yang Israel haramkan ke atas dirinya sebelum diturunkan Taurah."

Mengikut kepercayaan kuno Yahudi pula, Nabi Yaakub dianugerahkan gelaran Israel kerana Nabi Yaakub berjaya menewaskan tuhan *Yahweh* (nama tuhan Yahudi) semasa tuhan turun ke bumi. Menurut mereka, perkataan *Isra'* bermaksud *hamba* manakala *el* adalah singkatan dari perkataan *elohem* yang bermakna *tuhan*.

Namun demikian, ada pendapat lain pula mengatakan Israel di dalam bahasa Ibrani bermaksud *"orang yang berjalan malam"*. Makna ini disandarkan kepada baginda (Nabi Yaakub) yang suka mengembara dan memulakan perjalanan pada waktu malam.[2]

Simbol Agama Judais

Seperti kebanyakan agama, Judais juga mempunyai simbol-simbol tertentu yang boleh membuatkan kita mengenali imej mereka. Simbol-simbol mereka juga agak berlainan dan senang dikenal pasti.

Menorah

Simbol utama agama Judais ialah sebuah alat pembawa lilin yang boleh diletakkan antara 7 hingga 10 batang lilin di atasnya. Alat khusus ini dinamakan ***menorah*** di dalam bahasa Hebrew.

Terdapat dua jenis menorah iaitu Menorah Kuil dan Menorah Hanukkah. Menorah Kuil adalah menorah asal yang digunakan sejak 3000 tahun sebelum masihi dahulu dengan tujuh tiang lilin. Menorah ini digunakan dalam sebarang upacara agama Yahudi di dalam kuil.[3]

Manakala *Menorah Hanukkah* pula digunakan sempena sambutan Hari Hanukkah oleh masyarakat Yahudi. Tiang lilin untuk Menorah Hanukkah pula berjumlah lapan tiang. Bilangan lapan tiang ini diambil sempena lapan hari sambutan perayaan *Hanukkah*.

Synagogue (Kuil Yahudi)

Synagogue adalah nama bagi rumah ibadat agama Judais. Fungsi synagogue adalah sama seperti kebanyakan rumah-rumah ibadat yang lain. Selain digunakan untuk sembahyang, ia juga digunakan untuk melaksanakan upacara-upacara tertentu pada hari-hari kesucian mereka.

Synagogue boleh didapati di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Rekabentuk *synagogue* tidak tetap seperti masjid yang sentiasa berkubah dan mempunyai menara azan. *Synagogue* boleh didapati dalam pelbagai bentuk mengikut budaya negara masing-masing. Namun, susunan dalaman adalah sama dan tidak banyak yang berbeza.[4]

Pesta Hanukkah

Pesta ini disambut selama 8 hari 8 malam bermula 25 haribulan Klisev mengikut kalendar Yahudi (Hebrew). Sambutan Hanukkah adalah bersempena kemenangan umat Yahudi melawan tentera *Raja Antiochus IV* pada tahun 167 sebelum masihi. Pesta Hanukkah juga disebut sebagai Pesta Cahaya (*Festival of Lights*).[5]

Dua gambar di atas merupakan bangunan tempat ibadat masyarakat Yahudi beragama Judais. (Kiri) synagogue yang terdapat di bandar Lesko, Poland. (Kanan) Bangunan synagouge di Kherson, Ukrain.

Gambar di atas menunjukkan suasana dalam kuil Yahudi di Koci, India kelihatan ia dihiasi dengan lampu-lampu yang pelbagai corak disamping mimbar yang penuh ukiran untuk tempat rabbi membaca safar *torah, nevi'm* atau *ketuvim*.[6]

Konsep cahaya yang memenuhi ruang di dalam kuil Yahudi merupakan sebahagian dari simbol keagamaan mereka dan disambut di dalam pesta cahaya (Pesta Hanukkah). Begitu juga dengan agama Hindu yang turut mempunyai hari *Pesta Cahaya* yang dipanggil *Deepavali*.

Menorah Sebagai Simbol Kebangsaan Negara Israel

Simbol menorah yang digunakan agama Judais juga dijadikan sebagai simbol kebangsaan atau *emblem* (lihat gambar atas) bagi negara Israel. Simbol ini diguna pakai sebagai cop-cop mohor kerajaan Israel apabila membuat sebarang urusan rasmi.

Di sekeliling simbol menorah tersebut dihiasi dengan lingkaran dua ranting daun Zaiton sebagai pelengkap identiti Judais. Warna bagi latar belakang yang digunakan pada *emblem* ini ialah biru muda manakala daun zaiton, tulisan dan menorah diletakkan warna putih.

Keseluruhan *emblem* ini direka oleh *Gabriel* dan *Maxim Shamir* yang memenangi pertandingan mencipta *emblem* bagi kerajaan Israel pada 1948. Selain urusan surat rasmi, *emblem* ini juga boleh didapati pada muka hadapan pasport antarabangsa negara Israel.[7]

PERHATIAN

Yahudi dan Judais adalah dua perkara yang berbeza, Yahudi bukanlah merujuk kepada agama, Yahudi adalah suatu bangsa. Manakala agama bagi Yahudi itu ialah Judais yang diamalkan sehingga sekarang.

Istilah Bani Israel pula adalah istilah yang selalu digunakan oleh orang-orang Yahudi untuk melabelkan diri mereka sebagai anak-anak Israel yakni anak-anak kepada Nabi Yaakub a.s. Menurut agama Judais, Nabi Yaakub adalah bapa orang-orang Israel manakala Nabi Ibrahim adalah bapa bagi keturunan Yahudi walaupun Ibrahim secara genetiknya bukanlah seorang Yahudi sebenar.

Maka penerangan kami tentang Judais ini adalah merujuk kepada bangsa Yahudi yang beragama Judais sahaja. Umat Yahudi tidak semuanya beragama Judais dan ada dikalangan mereka yang beragama Kristian, Islam, Hindu dan sebagainya.

Pasangan adik-beradik *Shamir* yang terdiri daripada *Maxim* dan *Gabriel* (dari kiri) adalah pengasas kepada penciptaan simbol kebangsaan negara Israel yang menggunakan *menorah* sebagai simbol utama di dalam rekaan mereka. Kedua-dua mereka adalah pemilik syarikat rekaan grafik bernama *Shamir Brothers Studio* yang ditubuhkan pada 1934 di Latvia.[8]

Simbol Menorah Dalam Masyarakat

Simbol paling ketara yang mempengaruhi pentadbiran Amerika Syarikat sekarang ini ialah menorah. Walaupun ia tidak diguna pakai sebagai simbol peribadi masyarakat Amerika dalam kehidupan seharian tetapi pentadbiran Amerika secara keseluruhannya memberi isyarat bahawa pengaruh Yahudi wujud secara terang dan mempengaruhi 100 peratus segenap sektor pentadbiran sama ada luaran atau dalaman.

Bangunan pentadbiran rasmi Amerika seperti *White House* sendiri mempunyai satu simbol yang menjelaskan akan kenyataan pengaruh Yahudi iaitu menorah.

Pada rajah surat muka sebelah (gambar A) menunjukkan salah seorang anak George W. Bush memasang menghidupkan lilin pada menorah sempena menyambut hari perayaan Hanukkah walaupun Bush dan keluarganya bukan beragama Judais. Tindakan ini jelas menggambarkan penghormatan mereka terhadap orang-orang Yahudi.

Pada gambar B, kelihatan replika menorah hanukkah diletakkan ruang legar di dalam sebuah *mall* berdekatan White House. Manakala



gambar C menunjukkan menorah dipasang di hadapan White House sempena menyambut *Pesta Hanukkah*. Perayaan ini dilangsungkan pada 13 Disember 2009 selama 8 hari.[9]

Perlu diingat bahawa sehari sebelum perayaan itu, di Israel, sebilangan ekstremis Yahudi telah melakukan pembakaran Al-Quran dalam satu serangan hendap ke atas sebuah masjid di West Bank, Israel. Tindakan sebilangan pelampau Israel itu menyebabkan sebahagian karpet masjid terbakar akibat serpihan api dari helaian-helaian Al-Quran yang bertaburan di atas lantai masjid. Tindakan pelampau Yahudi itu dikecam pelbagai negara termasuklah pemimpin agama Kristian di Israel dan Palestin.[10]

Walaupun Amerika Syarikat sering dikaitkan dengan pengaruh Yahudi namun masih ramai rakyatnya tidak dapat menerima pengaruh bangsa ini dalam kehidupan mereka.

Pada 4 Disember 2002, sebilangan penduduk tempatan di bandar Cincinnati, Ohio telah mengadakan demonstrasi bagi mengecam tindakan majlis bandaraya tempatan yang membenarkan pemasangan simbol menorah pada sebatang tiang di bandar tersebut (gambar bawah).

Penentangan ini berterusan sehingga membawa kepada kes mahkamah antara puak penentangan dan sekumpulan minoriti Yahudi. Namun demikian, kes ini dimenangi oleh minoriti Yahudi sebagai menghormati hak amalan agama mereka.[11]

BAB 2
Simbol Singa Judah



Pengenalan

Logo yang mempunyai wajah singa merupakan logo yang sangat popular. Kita boleh melihat logo berwajah singa di mana-mana sahaja sama ada di televisyen atau di sekeliling kita. Logo berwajah singa paling banyak digunakan oleh pertubuhan-pertubuhan, kelab, syarikat dan sebagainya di negara barat.

Logo singa ini sebenarnya bermula dari mereka (orang Barat) juga. Ramai yang tidak mengetahui bahawa simbol singa diperkenalkan oleh orang-orang Yahudi dan ia merebak terlalu banyak di seluruh dunia termasuklah Malaysia sehingga umat Islam sendiri sudah merasa serasi dengannya.

Di Malaysia, singa popular di dalam cerita kanak-kanak dan diberi nama Raja Rimba dalam sesetengah cerita. Kebiasaannya watak singa boleh di dapati pada versi cerita sang kancil. Agak menghairankan juga apabila singa dijadikan watak utama bagi sesetengah cerita kanak-kanak sedangkan singa tidak terdapat di Malaysia melainkan hanya di Afrika sahaja.

Singa Judah dan Yahudi

Bani Israel menganggap watak singa adalah lambang keberanian kepada anak Nabi Yaakub iaitu Judah bin Yaakub. Singa diambil sebagai simbol keberanian Judah kerana sifat singa yang garang, ngauman yang kuat dan tangkas. Menurut lagenda Bani Israel, pada zaman dahulu, singa telah menjadi pengawal di pintu-pintu kuil Yahudi atau **Holy Ark** yang terletak di *Saids*, *Bara'am* dan *Horizin* (Palestin).

Simbol singa amat mendalam dan bermakna kepada Bani Israel dalam seluruh kehidupan mereka. Simbol singa dipuja sehingga ia dianggap sebagai kewajipan dalam upacara keagamaan. Budaya ini berlaku sehingga sekarang. Semua orang Yahudi menganggap bahawa Singa adalah lambang bagi keturunan Judah.

Selain itu, singa Judah juga mempengaruhi masyarakat Yahudi di dalam penentuan simbol tarikh-tarikh kelahiran. Di dalam sistem kalendar Yahudi malah Gregorian sekalipun, kita boleh melihat berbagai jenis bintang bagi melambangkan sifat kelahiran seseorang seperti Leo, Scorpio, Taurus, Aquarus dan sebagainya.

Pengaruh Singa Judah Dalam Masyarakat Moden

Di mana anda boleh melihat gambar singa ini? Ianya boleh dilihat di mana-mana sahaja sama ada di televisyen, buku, majalah, suratkhabar atau bendera. Atau mungkin anda sendiri adalah peminat singa ini tanpa disedari. Masyarakat moden sekarang sudah terbiasa dengan gambar-gambar singa yang dijadikan logo, simbol atau watak dalam sesuatu organisasi atau cerita. Keterbiasaan ini mungkin disebabkan sudah terlalu banyak gambar-gambar singa yang dilihat setiap hari sehingga kita tidak lagi peduli apa cerita disebalik gambar singa itu.

Berbeza dengan masyarakat Yahudi, mereka dengan apa cara sekalipun akan sentiasa cuba mengaplikasikan sebarang elemen yang terdapat dalam agama mereka. Mereka amat konsisten dalam membentuk pengaruh tersebut khususnya objek singa Judah ini.

Kalendar Gregorian
Kalendar ini adalah kalendar masihi yang kita gunakan sekarang selain dari kalendar hijrah umat Islam di Malaysia. Kalendar Gregorian mempunyai dua belas jumlah bulan iaitu Januari , Februari, Mac, April, Mei, Jun, Julai, Ogos, September, Oktober, November dan Disember. Sistem kalendar ini dibina oleh *Aloysius Lillius* dan diguna pakai secara rasmi pada 1582 masihi. Tarikh permulaan kalendar Gregorian bermula pada hari kelahiran Jesus.[1]

Metro-Goldwyn-Mayer (MGM)

Syarikat berlambang singa adalah antara syarikat perfileman yang terbesar di Hollywood. Semua orang mengetahui dan biasa melihat gambar singa mengaum *Metro-Goldwyn-Mayer*. Wajah singa mengaum biasanya dilihat sebelum sesebuah filem itu bermula sama ada di televisyen, DVD atau panggung wayang.

Metro-Goldywn-Mayer memilih singa sebagai maskot syarikat kerana tiga orang pengasasnya adalah berbangsa Yahudi. Jika ketiga-tiganya Yahudi adalah tidak mustahil lagi maskot singa yang dipilih itu adalah Singa Judah iaitu simbol keagamaan Judais.

Syarikat MGM ditubuhkan pada 1924 oleh *Marcus Loew* apabila beliau berjaya mengambil-alih tiga syarikat perfileman di Hollywood iaitu *Metro Pictures, Goldywn Pictures Corporation* dan *Louis B. Mayer Pictures*. Setelah mengambil alih, ketiga-tiga nama syarikat itu digabungkan menjadi satu syarikat iaitu *Metro-Goldywn-Mayer*.[2]

Pengasas MGM iaitu *Marcus Loew* dilahirkan pada 7 Mei 1870 di dalam sebuah keluarga Yahudi Amerika yang agak miskin. Walaupun berasal dari keluarga susah, akhirnya *Loew* berjaya menubuhkan Hollywood bersama beberapa ahli perniagaan lain yang berbangsa Yahudi iaitu *Adolp Zukor*.[3]

Syarikat kedua yang dibeli oleh Loew ialah *Goldwyn Pictures Corporation* juga asalnya dimiliki oleh ahli perniagaan Yahudi iaitu *Samuel Goldwyn*. Goldywn adalah pendatang Yahudi dari Poland di mana sebelum beliau berhijrah ke Amerika, beliau menggunakan nama *Schmuel Gelbfisz*.

Marcus Loew

Samuel Goldwyn

Louis B. Mayer

Syarikat ketiga yang dibeli Loew ialah *Mayer Pictures*. Syarikat ini diasaskan oleh *Louis Burt Mayer* yang juga seorang Yahudi pendatang dari negara Belarus. Nama asal beliau bukanlah *Louis B. Mayer* tetapi *Lazar Meir*.[4]

Singa Judah pada logo EPL

EPL atau *English Premier League* (Liga Perdana Inggeris) merupakan pertandingan bola sepak paling berprestij setakat ini. Dengan keahlian sebanyak 20 kelab ternama, EPL telah menguasai seluruh siaran televisyen dunia tanpa henti sejak ia mula diperkenalkan pada 20 Februari 1992.

Peminat-peminat EPL sudah tidak asing lagi dengan logo gambar Singa memakai mahkota sambil memijak bola yang sentiasa terpampang di televisyen sebelum perlawanan bermula. Simbol singa pada logo EPL dipercayai adalah singa Judah yang menggambarkan bahawa semua kelab-kelab di bawah EPL dan EPL sendiri adalah dikuasai oleh pelobi -pelobi Yahudi.

Kejohanan liga Inggeris kini ditaja oleh Barclays bermula tahun 2004 sehinggalah sekarang. Organisasi yang ditubuhkan oleh *John Freame* dan *Thomas Gould* kini telah berubah nama kepada Barclays setelah menantu Freame iaitu *James Barclays* mengambil alih pada 1736.

Kelab Lion dan Yahudi

Lion Club International (LCI) adalah antara kelab persendirian paling ramai ahlinya. Pada masa ini LCI dianggarkan mempunyai lebih 1.4 juta ahli serta 44,500 cawangan di 203 negara seluruh dunia. Kelab ini diasaskan oleh *Melvin Jones* pada 1917 di Amerika Syarikat.[5]

Matlamat penubuhannya adalah untuk memberi perkhidmatan kepada ahli-ahlinya dari segala sudut terutamanya dalam usaha membangunkan keupayaan komuniti. Misalnya membantu masyarakat miskin, khidmat perubatan percuma dan bantuan ubat-ubatan.

Pada 2 Februari 2009, Pengerusi Forum Ulama Rakyat di Indonesia iaitu *Atian Muhammad Dai* telah mendesak Presiden Bambang Susilo supaya mengharamkan penyertaan umat Islam di dalam *Rotary Club* dan *Lion Club* kerana dipercayai kedua-dua kelab ini memberi sumbangan dana kepada gerakan zionis di seluruh dunia. Berita ini dilaporkan oleh akhbar *Jakarta Globe Daily* dan *Asianews*.[6]

Oleh sebab itu amat dipercayai bahawa simbol singa yang digunakan pada logo *Lion Club* adalah simbol singa Judah yang diagung-agungkan oleh masyarakat Yahudi. Di Malaysia, *Lion Club* berkembang pesat di seluruh semenanjung sejak ia ditubuhkan pada 18 Februari 1959.

Bintang Leo dalam kalendar

Pengaruh singa Judah juga terdapat pada kalendar *Gregorian* yang sedang kita gunakan sekarang. Di dalam kalendar, singa Judah dipanggil sebagai bintang Leo selain dari bintang-bintang lain iaitu *Aqurius, Scorpio* dan sebagainya.

Salah satu kitab Judais yang bernama *Midrash Pesikta Rabbati* menyatakan bahawa bintang Taurus yang terdapat di dalam kalendar Gregorian merujuk kepada anak lembu yang disembelih oleh Nabi Ibrahim, bintang *Gemini* merujuk kepada Nabi Yaakub dan abangnya *Esau* manakala bintang Leo merujuk kepada anak Nabi Yaakub iaitu *Judah* yang juga digelar masyarakat Yahudi sebagai Singa Tuhan.[7]

BAB 3

Kabbalah



Takrifan Kabbalah

Kabbalah adalah suatu amalan mistik atau kerohanian yang diamalkan oleh masyarakat Yahudi di dalam agama *Judais*. Amalan kerohanian Yahudi ini diamalkan di seluruh dunia kerana ia sudah pun dianggap sebagai amalan mistik yang global tanpa sebarang sekatan.

Menurut kitab Talmud dalam agama Judais, *Kabbalah* diasaskan oleh empat orang rabbi iaitu *Akiva, Elisha bin Abuyah, Azzai* dan *Ben Zoma*. Keempat-empat rabbi ini telah bertemu bersama untuk mempelajari ilmu kerohanian dari tuhan. *Elisha bin Abuyah* mati setelah melihat ilmu itu, *Azzai* menjadi gila dan *Ben Zoma* memusnahkan tumbuh-tumbuhan. Kemudian hanya tinggal *Akiva* yang tinggal dalam keamanan dan tenang.[1]

Di dalam Islam, ilmu kerohanian yang sering dikaitkan dengan kebolehan-kebolehan luar biasa ialah Tasawuf. Doktrin Kabbalah ini boleh dikatakan suatu amalan mistik yang digunakan oleh Yahudi untuk menandingi kehebatan ilmu tasawuf Islam. Tasawuf di dalam Islam bermaksud mendekatkan diri kepada Allah dengan cara menjauhkan hal-hal yang mendatangkan maksiat dan kelalaian.

Konsep Kabbalah dan Kitab Zohar

Kitab terpenting di dalam amalan mistik *Kabbalah* dikenali sebagai *Zohar*. Kitab ini ditulis dengan bahasa *Aramic* di dalam mentafsirkan nilai-nilai kerohanian pada kitab utama Judais iaitu Taurat. Kitab Zohar yang dianggap sebagai salah satu kitab tafsir kejiwaan kepada Taurat ini dikarang oleh *Rabbi Simeon Bar Yochai* yang mana tulisannya kemudiannya disambung dan dihuraikan dengan lebih meluas oleh seorang rabbi dari Sepanyol iaitu *Moses de Leon* pada abad ke-13.[2]

Tujuan utama kaum Yahudi memperkenalkan kabbalah adalah untuk memupuk perasaan takut dan gentar orang bukan Yahudi atau *goyem* terhadap orang-orang Yahudi. Kabbalah dianggap jalan penyelesaian kebatinan oleh kaum Yahudi untuk menghalang sebarang usaha-usaha goyem menentang orang Yahudi.

Ajaran kabbalah dewasa ini berselindung disebalik konsep kemasyarakatan palsu yang direka oleh Yahudi. Mereka menawarkan kepada orang ramai mempelajari Kabbalah boleh meningkatkan perasaan kasih sayang, keikhlasan dan kesantunan dalam diri.

Selain itu, para rabbi Yahudi sekarang ini juga galak mempromosikan ajaran kabbalah sebagai satu alternatif kepada masyarakat untuk mendekatkan diri kepada tuhan. Boleh dikatakan sekarang *kabbalah* dijenamakan semula kulit luarannya supaya orang mengaplikasikan amalan mistik Yahudi tanpa disedari. Namun hakikatnya, ia merupakan suatu penyembahan kesihiran yang amat memesong dari ajaran Islam.

Hari-Hari Kesucian Berkaitan Kabbalah

Kabbalah sebenarnya amat dikenali sebagai satu upacara ritual kelompok Yahudi yang melibatkan pembunuhan orang-orang awam sebagai salah satu elemen upacara Kabbalah. Amalan pembunuhan mistik ini dilakukan untuk menyambut tiga jenis perayaan iaitu *Pesta Purim, Passover* dan *Esther*. Ketiga-tiga perayaan ini sering dikaitkan dengan amalan kabbalah kerana ia berkenaan sejarah Bani Israel yang diancam bangsa lain.

Moses de Leon

Moses De Leon dilahirkan pada 1250 di Sepanyol dengan nama asalnya dalam bahasa Hebrew iaitu *Moshe ben Shem-tov*. De Leon adalah penulis Zohar yang sangat kontroversi kerana dianggap meniru tulisan *Simeon Bar Yochai*. Namun begitu, beliau tetap dianggap penulis Zohar dan arca batu wajahnya sekarang ini boleh dilihat di Guadalajara, Sepanyol. (Jewish Encyclopedia)

Pesta Purim disambut setiap tahun oleh masyarakat Yahudi pada bulan *Addar* mengikut kalendar Hebrew. Pesta ini disambut bersempena sejarah Bani Israel yang melarikan diri dari komplot kejam menteri *Haman* pada zaman empayar Parsi. Masyarakat Yahudi memulakan pesta ini dengan amalan yang dikenali sebagai puasa *Esther*.[3]

Ketika sambutan *Purim*, kuil-kuil Yahudi (synagogue) akan dibacakan fasal *Esther* seperti terkandung dalam kitab *Talmud*. Ketika bacaan tiba pada perkataan Haman, mereka akan membunyikan sesuatu dari alat khas yang dipanggil *ra'ashan*. Antara amalan lain yang dilakukan ketika pesta Purim ialah bertukar-tukar hadiah sesama mereka dan membuat kuih yang dinamakan *Hamantaschen* atau 'telinga Haman'.[4]

Manakala *Passover* pula adalah satu perayaan sempena meraikan kejayaan Bani Israel melarikan diri dari Raja Firaun ketika zaman Nabi Musa a.s. Di dalam kalendar Hebrew, perayaan ini disambut pada bulan *Nissan* iaitu bermula 15 haribulan. *Passover* juga merupakan salah satu daripada tiga perayaan yang disambut sebagai peristiwa penghijrahan Bani Israel selain pesta *Sukkot* dan *Shuvot*.[5]

Peristiwa-Peristiwa Pembunuhan dalam amalan Kabbalah

Di dalam laporan panjang tulisan *Dr. Arnold Leese* yang bertajuk *Jewish Ritual Murder; My Irrelevent Defense*, telah didedahkan beberapa amalan mistik melibatkan pembunuhan orang awam di dalam beberapa hari perayaan Yahudi. Pembunuhan ini dipercayai sebagai salah satu konsep yang diamalkan dalam Kabbalah.

Peristiwa 1 : Pembunuhan Paderi Thomas di Syria 1840

Pada tahun 1840, *Paderi Thomas* telah diminta oleh penduduk Yahudi membuat derma makanan kepada kanak-kanak Yahudi di situ. Sewaktu ingin pulang, seorang Yahudi bernama *Daud Hariri* telah menjemput *Paderi Thomas* ke rumahnya. Beliau menerima pelawaan lelaki tersebut.

Paderi Thomas tidak mengetahui bahawa di rumah Daud ada beberapa lelaki Yahudi telah siap menunggu untuk membunuhnya. Lelaki yang menunggu di rumah Daud ialah *Mourad al-Fathal, Aslan Farkhi, Sulaiman*, dua orang adik Daud iaitu *Ishak Hariri* serta *Harun Hariri* dan dua orang Rabbi Yahudi iaitu *Musa Abu Al-Afieh* dan *Yaakub Al-Antabi*.

Setelah tiba, *Paderi Thomas* diserbu dan disembelih oleh adik Daud iaitu *Harun Hariri*. Darah beliau ditadah dalam sebuah bekas dan diserahkan kepada rabbi Yahudi yang turut berada di situ iaitu *Yaakub al-Antabi*. Darah itu kemudiannya dikumpulkan untuk dijampi dan disapukan di atas sekeping roti yang diberi nama *Fathir Suci* sempena menyambut perayaan *Pesta Purim* pada 15 Februari 1840. Bukan itu sahaja, mereka menunggu pula kedatangan pembantu Paderi Thomas iaitu *Ibrahim Ammar* yang datang mencari Paderi Thomas. Ibrahim juga dibunuh dan diperlakukan seperti Paderi Thomas.

Mayat kedua-dua mereka telah dipotong kecil-kecil, dibungkuskan di dalam sebuah plastik dan dibuang ke tempat pembuangan sampah berhampiran. Kes kehilangan Paderi Thomas dan *Ibrahim Ammar* telah diserahkan kepada *Sherif Pasha* untuk disiasat. Amat menghairankan apabila kesemua mereka disyaki dan ditangkap, mereka mengaku dengan mudah tanpa perlu dipaksa oleh pihak berkuasa.[6]

Peristiwa 2 : Kejadian di Velisch, Russia 1823

Pada hari Ahad *Esther*, seorang remaja lelaki berusia 21 tahun didapati hilang. Seminggu kemudian, mayatnya ditemui penduduk di dalam kawasan paya dengan kesan luka-luka yang teruk. Mayat lelaki tersebut tidak berpakaian, ada kesan balutan darah pada kaki, manakala kemaluannya pula cedera seperti disunatkan. Hasil bedah siasat mendapati remaja tersebut diseksa sebelum dibunuh. Selang beberapa tahun kemudian, lima orang lelaki dan tiga wanita Yahudi ditahan kerana disyaki terlibat dalam pembunuhan remaja tersebut. Tiga orang wanita Yahudi mengaku bersalah dan memberitahu mereka telah menculik remaja tersebut seminggu sebelum perayaan *Passover*. Sebelum menculiknya, mereka memastikan remaja tersebut mabuk, kemudian dia diseksa dengan cara memasukkannya di dalam tong besar berpaku. Tong tersebut diguling-gulingkan di atas tanah sehingga kulit badan remaja tersebut terkoyak mengeluarkan darah. Darah dari tong tersebut diambil dan diberikan kepada isteri seorang rabbi Yahudi. Ia dibacakan mantera dan diberikan semula untuk diminum oleh orang-orang yang terlibat dengan sambutan *Passover*. (*Jewish Encyclopedia*, 1903, Vol III, muka surat 267).

Peristiwa 3 : Kejadian di Valreas, Perancis 1247

Pada tahun 1247 masihi, sehari sebelum *Hari Esther*, seorang kanak-kanak perempuan berusia 2 tahun ditemui mati dalam keadaan yang mengerikan. Dahinya cedera parah berserta tangan dan kaki. Pihak berkuasa telah menangkap beberapa orang Yahudi dan memaksa mereka menceritakan hal sebenar.

Mereka akhirnya mengaku telah membunuh kanak-kanak itu kerana amat memerlukan darahnya tetapi mereka tidak mengaku pembunuhan yang dilakukan adalah untuk tujuan upacara Kabbalah. Akhirnya pada 1903 masihi, *Jewish Encylopedia* telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa kes pembunuhan oleh Yahudi di Valreas, Perancis itu adalah untuk tujuan upacara mistik Kabbalah. (Jewish Encyclopedia, Vol III, muka surat 261).

Konsep Tree of Life

Antara konsep terpenting di dalam amalan Kabbalah ialah konsep *Pokok Kehidupan* (Tree of Life). Konsep *Pokok Kehidupan* menunjukkan langkah-langkah bagaimana seseorang Yahudi itu boleh mendekatkan diri kepada tuhan *Hashem* iaitu salah satu nama tuhan Yahudi.[7]



Tree of Life

1. **Crown**
2. **Understanding**
3. **Freedom**
4. **Judgement**
5. **Knowledge**
6. **Beauty**
7. **Memory**
8. **Victory**
9. **Foundation**
10. **Kingdom**

Konsep *Pokok Kehidupan* (Tree of Life) adalah pegangan utama bagi pengikut ajaran Kabbalah. Konsep ini perlu diikuti dan diamalkan sebagai salah satu cara memastikan seseorang individu memperoleh kejayaan pada setiap perkara yang dilakukannya.

Kabbalah pada zaman moden

Memandangkan hampir sebahagian besar masyarakat mengetahui akan kezaliman upacara dalam kabbalah, kini para rabbi Yahudi mengubah pula rentak amalan mistik ini kepada amalan yang lebih 'mesra masyarakat'. Dengan kuasa media dan kewangan yang ada, kabbalah dijenamakan semula dengan satu imej baru yang mengelirukan sesetengah orang.

Tidak lagi berpakaian tradisional seperti di Israel, berkot hitam, bertopi hitam dan berjambang panjang. Mereka berpakaian biasa dan bercampur-gaul dengan masyarakat awam sama ada Islam, Kristian atau lain-lain agama. Mereka mengubah segala kehidupan mereka tetapi fahaman kabbalah serta zionis tetap tersemai erat dalam diri mereka.

Satu laman web khusus tentang kabbalah (www.kabbalah.com) diwujudkan untuk mendekatkan konsep kabbalah ini dalam masyarakat. Pelbagai program kemasyarakatan dianjurkan untuk mengkaburkan mata masyarakat. Bukan itu sahaja, mereka menyediakan juga tabung biasiswa pelajar dan menerbitkan buku-buku ajaran kabbalah yang kelihatan amat kontemporari dengan masyarakat moden.

Di dalam memperkenalkan kabbalah pada zaman moden, ada dua jenis simbol kabbalah yang boleh dilihat di mana-mana malah dipakai pula oleh kebanyakan selebriti barat. Simbol itu ialah *Hand of Fatima* dan *Red String* (Tali Merah). Kedua-dua simbol ini kononnya dipercayai boleh memberi kekuatan kejiwaan kepada si pemakai dalam menghadapi kehidupan seharian. Maka tidak hairanlah golongan yang paling ramai memakainya adalah selebriti-selebriti antarabangsa.

Simbol Kabbalah 1 : Tangan Fatimah

Bagi masyarakat Yahudi yang mengamalkan Kabbalah, penggunaan simbol *Hand of Fatima* memberikan makna lain kepada mereka. *Hand of Fatima* atau disebut juga *hamsa* dalam bahasa Hebrew merupakan satu simbol semangat kerohanian kepada pemakainya.

Simbol ini merupakan rupa bentuk tapak tangan yang lengkap dengan lima jari. Di tengah-tengah tapak tangan tersebut merupakan mata kejahatan yang bakal dihapuskan oleh tangan tersebut. Kebiasaannya *hamsa* dibuat sebagai rantai leher oleh pengamal-pengamal ajaran *Kabbalah*. *Hamsa* adalah dalam bahasa Hebrew yang bermaksud lima.

Dikalangan masyarakat Islam arab, ada juga yang mempercayai bahawa memakai simbol *Hand of Fatima* ini akan memberikan mereka ke-

kuatan tersendiri dalam melakukan sesuatu kerja. Konsep fahaman ini adalah syirik kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam. Namun begitu, masyarakat arab seperti juga masyarakat Islam di tempat lain, tidak semua yang memahami dengan betul ajaran Islam. Di negara Arab, *Hand of Fatima* dikenali sebagai *khamsa* atau lima.

(1) Khamsa yang dijadikan loket rantai leher atau rantai tangan. (2) Khamsa yang dicap pada beg (3) khamsa yang dicetak dalam bentuk pelekat dan dilekatkan di tempat-tempat tertentu untuk mendapat tuah atau menghalang bencana.

Simbol Kabbalah 2 : Tali merah

Menurut laman web *kabbalah.com*, penggunaan tali merah pada pengamal kabbalah boleh menghindarkan diri si pemakai dari unsur-unsur negatif yang berada di sekeliling. Si pemakai juga boleh menyerap unsur-unsur positif di sekeliling dan dipercayai dapat mengelakkan dari sebarang gangguan unsur-unsur kejahatan.

Menurut sejarah, tali merah ini berasal dari Israel di mana satu lingkaran tali merah telah didapati meliliti batu nisan *Rachel*. Rachel adalah seorang perempuan Yahudi yang telah meninggal dunia lebih 3000 tahun

dahulu. Tempat ini kemudiannya menjadi tempat popular untuk masyarakat Yahudi melakukan penyembahan. *Rachel* adalah nama bagi isteri kedua Nabi Yaakub yang telah melahirkan Nabi Yusuf dan *Bunyamin*.[8]

Menurut laman *kabbalah.com*, *red string* harus dipakai di pergelangan tangan sebelah kiri kerana dipercayai bahagian kiri badan manusia adalah bahagian yang menerima kuasa jahat, maka pemakaian tersebut menghalang kuasa jahat dari memasuki badan. Warna merah pula adalah melambangkan 'bahaya' dan dipercayai mempunyai tenaga tersembunyi untuk menghalang kuasa jahat dari mempengaruhi si pemakai.

Golongan Selebriti dan Tali Merah



Michael Jackson antara individu yang disyaki memakai *red string* di tangannya. Pemakaian itu dipercayai atas nasihat bekas penasihatnya, *Rabbi Smoley Boetech,* seorang pendeta Yahudi. Namun begitu, sebelum Michael meninggal dunia, *Boetech* tidak lagi menjadi penasihatnya kerana mengetahui Michael sudah mula berjinak-jinak dengan Islam selepas abang Michael dilantik sebagai pengawal peribadi sepenuh masa.

Selepas kematiannya, isu agama sebenar Michael Jackson masih dipertikaikan oleh media massa. Manakala pihak kerajaan Israel pula memberi bantuan kewangan kepada bekas isteri keduanya iaitu *Deborah* yang berketurunan Yahudi untuk mengambil semula hak penjagaan anak-anak mereka. Mereka bimbang anak-anak Michael akan memeluk Islam kerana pengasuh anak-anaknya iaitu *Rwanda* adalah muslim kulit hitam yang juga ahli pertubuhan *Nation of Islam* di Amerika.[9]

(Kiri) *Ashton Kusher* adalah pelakon dan model fesyen. Kerjaya model pertamanya ialah menjadi model iklan *Pizza Hut* di Amerika manakala *Madonna* (kanan) merupakan penyanyi veteran yang masih lagi aktif bernyanyi hingga sekarang. Kedua-duanya disyaki menyertai program *Kabbalah* kerana memakai *red string* di tangan (lihat anak panah).

(Kiri) *Mick Jagger* atau *Michael Phillips Jagger* adalah penyanyi kumpulan rock lagenda *Rolling Stone* yang terkenal pada era 1970-an. (Kanan) Penyanyi *Britney Spears* juga adalah pengamal Kabbalah. Sebelum memulakan kerjaya sebagai penyanyi, *Britney* adalah pelakon tari bagi rancangan *Disney Mickey Mouse Club House.*

BAB 4
Bintang Nabi Daud



Maksud simbol dan penggunaannya

Simbol bintang di atas dinamakan *Star David* atau Bintang Nabi Daud. Simbol ini mudah dikenali kerana ia digunakan oleh kerajaan Israel di dalam bendera rasminya. Israel adalah antara negara yang bertanggungjawab mempopularkan simbol ini kepada masyarakat dunia.

Penggunaan simbol *Star David* pada bendera negara mereka bukanlah sekadar simbol semata-mata. Ia mempunyai maksud tertentu yang tidak dapat dibaca oleh masyarakat selain daripada penganut agama Judais. Simbol *Star David* (dinamakan juga *Magen David*) ini membawa maksud lambang keberanian raja bagi Bani Israel pada zaman dahulu iaitu Nabi Daud.[1]

Sebenarnya tujuan asal penggunaan simbol ini adalah bagi melambangkan identiti agama Judais dan juga bangsa Yahudi. Masyarakat Yahudi amat terkenal dengan sikap ingin menonjolkan identiti keyahudian mereka. Penggunaan simbol ini pada sesuatu tempat dianggap dapat membanggakan mereka. Bendera Israel sendiri diletakkan lambang bintang ini sebagai penonjolan identiti Yahudi mereka.

Bentuk *Star of David* adalah gabungan dari dua buah segitiga yang bersilang antara satu sama lain. Kombinasi dua bentuk segitiga ini membawa kepada bentuk *heksagram* (geometri 6 sudut). Di dalam fahaman *Kabbalah* (lihat bab 3), enam sudut tersebut mewakili 6 arah angin iaitu utara, timur, selatan, barat atas dan bawah. Kebanyakan penganut Judais juga percaya enam sudut tersebut adalah berasal dari tiga sudut yang mewakili Tuhan, Israel dan *Torah* (taurat).[2]

Upacara Penyembahan Syaitan

Golongan yang menjalankan aktiviti penyembahan Syaitan menggunakan simbol *Star David* ini untuk kegunaan upacara penyembahan mereka. Dalam konteks ini, simbol *Star David* diubahsuai kepada bentuk *pentagram* (geometri 5 sudut) agar roh-roh kesyaitanan dapat dibangkitkan.

Pada gambar di sebelah, di tengah-tengah bintang terdapat gambar kepala kambing jantan manakala abjad -abjad di setiap penjuru bintang adalah huruf Hebrew. Setiap huruf tersebut pula akan membawa maksud tertentu bagi tujuan upacara pemujaan syaitan.

Sebenarnya kepala kambing itu melambangkan tuhan pemujaan golongan ini. Dewa pemujaan berkepala kambing yang disembah oleh penganut kesyaitanan ini digelar sebagai *Baphomet*.[3] Tuhan *Baphomet* akan diperbuat daripada patung dan dipamerkan pada setiap upacara penyembahan syaitan.

Pengaruh Baphomet, Pentagram dan Star David

Ketiga-tiga unsur ini iaitu *Baphomet, Penthagram* dan *Star David* mempunyai pengaruh yang kuat dalam bidang-bidang tertentu. Ada pula sebahagian masyarakat Islam kita khususnya di Malaysia telah menggunakan simbol-simbol ini secara tidak sedar. Kebanyakan mereka yang menggunakannya adalah gologan artis yang terlibat dalam persembahan muzik genre *Black Metal* atau *Death Metal*.[4]

Kumpulan Rock Black Metal

Simbol-simbol ini digunakan sebagai salah satu simbol imej kumpulan-kumpulan rock *Black Metal*. Kumpulan rock genre ini lebih menonjolkan ciri-ciri pemujaan syaitan bagi setiap konsert yang diadakan. Gaya pakaian, perilaku, upacara penyembahan seringkali mempunyai ciri-ciri pemujaan syaitan ketika di pentas.

Kumpulan rock pertama yang dianggap sebagai pengasas kepada irama *Black Metal* ialah *Black Sabbath*. Kumpulan ini diasaskan oleh seorang lelaki Yahudi bernama *Ozzy Osborne*, yang sehingga sekarang ini (setakat buku ini ditulis), *Ozzy* masih mengamalkan upacara pemujaan syaitan walaupun sudah berumur hampir 60 tahun.

Latar belakang *Ozzy* yang beragama Judais dan berbangsa Yahudi dianggap sebagai faktor mengapa ia memasukkan upacara pemujaan syaitan dalam muzik baru ini. Kebiasaan masyarakat Yahudi pengamalan sihir dan pemujaan syaitan dibenarkan bagi sesetengah keadaan.

Malangnya, apabila muzik genre ini berkembang di Malaysia, ia telah mempengaruhi dengan begitu cepat malah berjaya menyesatkan pula sebahagian golongan muda-mudi Islam dalam negara. *Na'uzubillahimzaalik....*

Ozzy Osborne

Dilahirkan pada 3 Disember 1948, di Birmigham, England. Pada usia kanak-kanak, Osborne disyaki menghidap *dyslexic*, iaitu sejenis penyakit sukar membaca dan mengeja. Disebabkan penyakit itu, dia ditempatkan ibu bapanya di Sekolah *Prince Albert Road Junior*.[5]

Pada awal kariernya bersama kumpulan *Black Sabbath*, *Osborne* dikecam ramai ibu bapa dan pertubuhan Kristian. Mereka mendakwa *Osborne* telah membawa imej sesat yang berunsurkan penyembahan syaitan kepada anak-anak mereka dan juga masyarakat.[6]

Pada tahun 1985, seorang remaja dari California, *John Maccalum* telah membunuh diri akibat terlalu taksub dengan lirik lagu *Black Sabbath* yang dinyanyikan oleh *Osborne*. Lirik lagu tersebut menggalakkan cara membunuh diri sebagai penyelesaian masalah. Bukan itu sahaja, *Osborne* juga bermasalah dengan dirinya sendiri akibat ketagihan alkohol dan dadah yang kronik. Ketagihannya itu juga telah menyebabkan rakan-rakannya sendiri tidak menyenanginya dan dipecat dari kumpulannya sendiri iaitu *Black Sabbath* pada 1979.[7]

Pentagon, Star David dan Kesyaitanan

Ciri-ciri pentagram atau *Star David* juga boleh dilihat pada ibu pejabat Kementerian Pertahanan Amerika Syarikat di Pentagon. Ciri-ciri ini tidak dapat dilihat jika kita duduk di luar atau berdiri di dalam bangunan. Kami percaya bangunan ini dibina dengan menerapkan unsur-unsur kesyaitanan sebagai daya penguat kepada sistem pertahanan Amerika Syarikat. Walaupun agak janggal apabila kita mengandaikan Mat Salleh percayakan perkara tahyul tetapi hakikatnya merekalah yang lebih gemar mengamalkannya.

Ciri-ciri unik pada bangunan Pentagon yang berbentuk Bintang Nabi Daud itu ialah mempunyai 5 penjuru bangunan, mempunyai 5 tingkat dengan 5 blok yang disusun secara berlapis-lapis dan dibina di atas tanah seluas 5 ekar.

Hukum Mengamalkan Budaya Black Metal

Pada 2 November 2006, *Majlis Fatwa Kebangsaan* telah mengeluarkan fatwa rasmi bahawa hukum mengamalkan budaya muzik *Black Metal* adalah "Haram" dan "sesat". Kenyataan rasmi ini dikeluarkan setelah banyak akhbar mendedahkan isu-isu penghinaan agama Islam dalam aktiviti budaya muzik tersebut.

(Rujukan Pewartaan: M.P.U 32)

Pengerusi *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan* ketika itu, *Datuk Shukor Husin* mengatakan pengikut *Black Metal* didapati jauh menyimpang dari agama. Menurutnya lagi, *"Ini termasuklah memijak Al-Quran, memuja Syaitan, seks bebas, dan anti-Tuhan adalah terkeluar dari ajaran Islam"*.

(Harian Metro, *Black Metal memperngaruhi murid sekolah*, 25 Januari 2006)

Rahsia Pentagon dengan angka 5

Selain itu, Pentagon dengan angka 5 bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan tetapi ianya sesuatu yang dirancang sejak dari mula. Kami percaya bahawa pembinaan Pentagon dengan ciri-ciri angka 5 ada kaitan dalam usaha menerapkan unsur-unsur kesyaitanan agar sistem pertahanan Amerika kukuh dan kuat.

Oleh itu, setiap tindakan peperangan yang dirancang dari Pentagon harus melibatkan angka 5 agar kemenangan tercapai. Berikut ialah rahsia angka 5 yang dianggap berkaitan pentagon.

1. Presiden *George Bush* melancarkan serangan ke atas Iraq pada jam 5.50 petang waktu Baghdad pada 20 Mac 2003.
2. *George Bush* mengumumkan perang Iraq tamat pada bulan May iaitu 1.5.2003
3. Manakala bulan *May* atau 1 May adalah hari ulang tahun pemujaan Syaitan yang disambut seluruh dunia setiap tahun. Perayaan ini juga dikenali sebagai *Beltane Day* atau *Walpurgis Day*.

Latar Belakang Bangunan Pentagon

Bangunan ini mula dibina pada 15 January 1943 oleh seorang arkitek dari Amerika Syarikat iaitu *George Bergestrom*. Manakala kontrak-



tor yang bertanggungjawab membina pelan asas *Bergestorm* pula ialah *John McShain*. Bangunan ini terletak di atas kawasan seluas 5 ekar dengan kakitangan tentera seramai 25,000 orang dan 3,000 orang kakitangan bukan bidang ketenteraan.[8]

Untuk menampung keperluan kakitangan yang seramai itu, kementerian Pertahanan Amerika telah membuka ruang kedai-kedai makanan segera. Antara restoran yang boleh didapati di dalam bangunan Pentagon ialah *McDonald, KFC, Pizza Hut, Starbucks, Dunkin Donut, Taco Bell* dan *Subway*. Selain itu, bangunan ini juga menjadi tempat popular untuk golongan anti-perang melakukan demonstrasi atau tunjuk perasaan. Pada 17 Mac 2007 lalu, dianggarkan hampir 15000 orang awam berarak dari *Memorial Lincoln* hingga ke bangunan Pentagon bagi melancarkan tunjuk perasaan membantah penglibatan kerajaan Amerika terhadap perang Iraq.[9]

Pada 11 September 2001, bangunan Pentagon ini telah dirempuh oleh salah satu kapal terbang penumpang yang melanggar bangunan *World Trade Centre (WTC)*. Ramai penyelidik konspirasi mempercayai rempuhan ini telah dirancang berdasarkan cara ia terhempas dan waktu terhempas. Tujuan rempuhan ini diwujudkan adalah untuk mencipta suatu alasan palsu kepada pentadbiran Amerika agar dapat menyerang Negara Iraq dan seterusnya membunuh Presiden Saddam Hussein.

Jika dilihat pada rajah di atas, jika setiap penjuru dilukiskan garisan lurus dan disambung setiap sudutnya maka akan kelihatan bentuk bintang Nabi Daud atau *Star David* yang sangat jelas.

Pengaruh Star David pada organisasi

Di bawah adalah sebahagian logo syarikat-syarikat dari luar negara yang mempunyai unsur *Star David* serta menyumbang dana kepada kerajaan Israel Zionis. Semua syarikat-syarikat ini tergolong di dalam kempen senarai barang-barang yang perlu diboikot oleh umat Islam.

Dodge Brothers (kanan) adalah syarikat pembuat kereta di Amerika Syarikat. Simbol *penthagram* pada logo syarikat arak antarabangsa iaitu *Heineken* (kiri). Malaysia antara negara yang mengeksport arak jenis ini.



TEXACO CALTEX

Syarikat *Texaco* (kiri) adalah syarikat pengeluar petroleum terbesar milik Yahudi di Amerika. Ditubuhkan pada 1901 dan kini bergabung dengan sebuah lagi syarikat petroleum gergasi iaitu *Chevron*.[10] Syarikat minyak *Caltex* (tengah) juga berasal dari Amerika Syarikat. Ia salah satu syarikat yang menyumbang dana kepada Israel selain *Texaco*.[11] Pasaraya *Walmart* (kanan) dengan logo pentagram di tengah-tengahnya diasaskan oleh *Sam Walton*. Beliau berbangsaYahudi dari sebelah ibunya iaitu *Nancy Lee Lawrence. Sam Walton* juga pernah menjadi presiden *Kelab Rotary*.[12]

Takrifan 'Freemason' dan Istilah-Istilah Berkaitannya

Memandangkan ia daripada bahasa Inggeris maka ada beberapa perkataan yang perlu kita fahami berkaitan dengan Freemason. *Free* secara umumnya di dalam Bahasa Melayu bermaksud bebas manakala *Mason* jika diterjemah akan membawa maksud 'tukang batu'. Sekiranya digabungkan amat janggal bunyinya di dalam Bahasa Melayu iaitu *Tukang Batu Bebas*.

Kebanyakan para penyelidik konspirasi berpendapat Freemason adalah satu pertubuhan Yahudi yang mendidik ahli-ahlinya bekerja bagi mencapai matlamat dan cita-cita bangsa Yahudi. Corak bekerja mereka pula diikat oleh satu bentuk budaya yang unik antara ahli-ahli.

Di dalam memahami pergerakan kumpulan Freemason ini, beberapa istilah berkaitannya perlu diketahui. Istilah-istilah ini adalah sebagai mana istilah-istilah yang terkandung di dalam buku-buku Freemason.

Freemason - nama pertubuhan
Mason - Anggota Freemason
Grand Master - Mahaguru
Lodge - tempat khas ahli-ahli Freemason berjumpa dan berbincang
Grand Lodge - ibu pejabat utama Freemason
Freemason Hall - dewan bangunan Freemason
Degree (^{0}) - darjah kebesaran, pangkat atau status

Sejarah Freemason dan Keyahudiannya

Gerakan ini sebenarnya sudah bertapak lama di muka bumi. Tarikh tepat penubuhan dan siapa pengasasnya tidak dapat dikenal pasti. Namun, berdasarkan fakta-fakta sejarah Freemason dianggap wujud secara rasmi pada 24 Jun 1717. Ini berdasarkan tarikh penubuhan *Grand Lodge of England* untuk Freemason di bandaraya London.[1]

Selepas penubuhan *Grand Lodges of England*, wujud lagi beberapa *Grand Lodge* di negara-negara lain seperti *Grand Lodge of Ireland* pada 1725 dan *Grand Lodge of Scotland* pada 1736. Selepas Revolusi Amerika, pertubuhan Freemason dilihat mula berkembang ke Amerika Syarikat. Dari situ hampir setiap negeri di Amerika telah mempunyai *Grand Lodge* sendiri. Penubuhan *Grand Lodge* di Amerika ini dipercayai dibawa oleh penjajah-penjajah British yang datang ke Amerika.[2]

Satu perkara yang ganjil tentang Freemason ialah ia hanya menerima keahlian dikalangan orang lelaki sahaja. Tidak dapat dipastikan mengapa syarat-syaratnya seperti demikian. Yang jelasnya, pertubuhan ini mengajak ahli-ahlinya patuh kepada *Grand Master* (Mahaguru) tanpa sebarang soal. Ia juga pertubuhan yang mengengkari kewujudan Tuhan walaupun kebanyakan ahli-ahli Freemason menafikannya.

Pada 28 April 1738, Ketua Paderi bagi Gereja Roman Katholik iaitu *Pope Clement XII* telah mengemukakan isu menentang penyertaan orang-orang Kristian Katholik dari menyertai Freemason. Menurut dakwannya, Freemason cuba menyerap pendidikan agama samawi Judais di dalam budaya pertubuhannya.[3]

Larangan Gereja Roman Katholik tidak berhenti setakat itu sahaja. Pada 15 Oktober 1890, Gereja Roman Katholik telah menggubal Undang-Undang Kanun baru yang menyatakan sesiapa ahli Katholik yang menyertai Freemason akan diisytihar 'murtad' dari agama Katholik. Selain itu, kanun baru tersebut juga melarang semua buku-buku terbitan Freemason dibaca oleh umum.[4]

Sehingga kini pertubuhan Freemason masih wujud malah ahli-ahlinya kian bertambah ke seluruh dunia. Menurut penulis buku *Freemason for Dummies* iaitu *Christopher Hodapp*, ahli Freemason seluruh dunia dianggarkan lima juta orang. Hampir dua juta berada di Amerika dan 480,000 orang dari lain-lain negara.

Logo Freemason dan Takrifannya

Logo Freemason terdiri dari tiga elemen utama iaitu jangka lukis, pembaris sudut **L** dan huruf **G**. Ketiga-tiga elemen ini disusun seperti bentuk heksagon sementara huruf **G** pula diletakkan di tengah-tengah antara jangka lukis dan pembaris sudut **L**.

Di antara ketiga-tiga elemen tersebut hanya satu elemen yang masih menjadi persoalan para pengkaji iaitu huruf **G**. Tidak diketahui apakah maksud yang diwakili oleh huruf **G** tersebut. Di dalam laman web pertubuhan Freemason sendiri pun tidak dinyatakan akan maksud sebenar berkaitan huruf **G**.

Namun begitu, para pengkaji membuat kesimpulan sendiri di atas maksud disebalik huruf **G** tersebut. Ada sesetengah pendapat mengatakan **G** bermaksud *Great Architect* (Arkitek Agung) kerana elemen jangka lukis dan pembaris tersebut adalah kegunaan para arkitek. Manakala pendapat lain mengatakan **G** membawa maksud *Geometri* yang mana kedua-dua alat tadi adalah kegunaan di dalam bidang geografi. Namun, pendapat yang paling kukuh dan agak rasional ialah pendapat yang mengatakan **G** mewakili maksud *Great Pyramid*.

Great Pyramid merujuk kepada monumen Piramid yang menjadi lambang simbol gerakan rahsia Yahudi terbesar di dunia iaitu Illuminati (rujuk bab 6).

Secara ringkasnya, elemen-elemen dalam logo Freemason bukanlah bermaksud kesemua ahli-ahlinya bekerja di dalam bidang pembinaan atau arkitek. Tetapi ia merujuk kepada ketekunan, kebijaksanaan dan kepatuhan ahli dalam mencapai sesuatu misi yang ditetapkan oleh *Grand Master* dalam Freemason. Ahli-ahli tersebutlah arkitek-arkitek yang bertindak sebagai pelaksana kepada pemikir-pemikir rahsia yang berada di dalam Freemason.

Struktur organisasi dalam Freemason

Pertubuhan rahsia ini amat unik jika diteliti dari segi susunan peringkat kepimpinannya. Di dalam membezakan taraf seseorang ahli, Freemason menggunakan bilangan dalam darjah (^{0}) bagi setiap peringkat gelaran. Di dalam Freemason, terdapat 33 darjah (33^0) tingkatan gelaran untuk menggambarkan semua peringkat taraf tersebut.

Darjah	Gelaran
33^0	Sovereign Grand Inspector General
32^0	Sublime Prince of Royal Secret
31^0	Grand Inspector Inquisitor Commander
30^0	Grand Elect Knight Kadosh
29^0	Knight of St. Andrew
28^0	Knight of the Sun
27^0	Commander of Temple
26^0	Prince of Mercy
25^0	Knight of Brazen Serpent
24^0	Prince of Tabernacle

Sumber: *Valley of Tolado, Ancient Accepted Scottish Rite, toledoaasr.com*

Peringkat kepimpinan tertinggi di dalam Freemason ialah 33^0 bukannya 1^0. Ia boleh dianugerahkan lebih kepada seorang untuk setiap gelaran mengikut sumbang khidmat orang tersebut sepanjang penglibatannya.

Di mana simbol Freemason boleh dilihat?

Logo Freemason tidak banyak diaplikasikan pada logo-logo syarikat atau pertubuhan seperti mana simbol *Singa Judah* dan *Kabbalah*. Freemason lebih mempengaruhi masyarakat sedunia dengan simbol-simbol pergerakan badan dan cara bersosial. Penerangan lebih lanjut akan diterangkan pada bab seterusnya.

Gambar di atas menunjukkan memoir Freemason yang dibina di tengah-tengah bulatan jalan di persimpangan antara Bandar Eilat dan sempadan Mesir di Israel. Plat pada batu tersebut tertulis *"The Freemason Circle's Solomon Pillars Lodge No 59 Eilat"*. Ia ditulis dalam dua bahasa iaitu Inggeris dan Hebrew.

Ibu pejabat utama Freemason di Israel terletak di Bandar Tel Aviv dan mula ditubuhkan pada 7 Mei 1873 di bawah seliaan *Grand Lodge of Canada*. Manakala ibu pejabat rasmi yang ditubuhkan oleh mason dari Israel sendiri adalah pada 20 Oktober 1953. Ibu pejabat ini hanya dibuka pada setiap hari Selasa pada minggu terakhir bulan Januari, Mac, Jun dan September. Mesyuarat terakhir yang diadakan adalah pada 12 Ogos 2009 yang melibatkan ahli-ahli peringkat 1^0 dan 3^0.[5]

Gambar di sebelah menunjukkan batu tanda tanah perkuburan yang terukir logo Freemason pada bahagian atas nama. Pada batu tersebut tercatat nama si mati iaitu *T.J. Swaim*, lahir pada 17 November 1844 dan mati pada 25 November 1922. Di bawahnya tercatat ayat berbunyi, *"Gone but not forgotten."*

Gambar ini diambil oleh seorang jurugambar bebas berusia 60-an, *Judith Richard Shubert* di tanah perkuburan Kristian, Hood County Texas, Amerika. Blognya banyak memaparkan pelbagai ukiran batu nisan di pelbagai tempat di Amerika.[6]



Simbol (kiri) ini adalah simbol sebuah pertubuhan di Israel yang bernama *Taglit-Birthright Israel*. *Taglit* ditubuhkan khusus untuk golongan remaja Yahudi seluruh dunia yang berumur antara 18 hingga 26 tahun. Tujuan penubuhannya ialah merancang suatu program lawatan pendidikan dari negara luar ke Israel melalui pakej-pakej yang tersedia.

Taglit bekerjasama dengan banyak pertubuhan di luar Israel antaranya ialah *North American Jewish Federation* (NAJF). Antara program yang dianjurkan ialah Program Musim Panas Jun 2009. Program ini berlangsung selama 10 hari di Israel yang melibatkan rombongan dari remaja-remaja Yahudi Amerika. Antara aktiviti program musim panas ini ialah nyanyian dan tarian yang berlangsung sehingga lewat malam. Penubuhan *Taglit-Birthright Israel* tidak lain ialah ingin mendidik sifat kecintaan remaja-remaja Yahudi dari luar Israel kepada negara Israel.[7]

Freemason dan Kabbalah

Kebanyakan penyelidik konspirasi mendakwa bahawa semua amalan ritual yang terdapat di dalam Kabbalah dijadikan amalan formal di dalam Freemason.

Grand Lodge British Columbia and Yukon (GLBCY) cuba menafikan semua dakwaan ini dengan mengeluarkan artikel yang bertajuk *"Freemasonry and Kabbalah"* di dalam laman web mereka. Dalam artikel tersebut, mereka cuba menghuraikan perbezaan sejarah Freemason dan Kabbalah serta bagaimana keduaduanya berkembang tanpa sebarang keberkaitan antara satu sama lain. Namun begitu, hujah itu tidak diendahkan oleh kebanyakan penyelidik kerana sudah ada sesetengah bekas ahli Freemason yang berani mendedahkan aktiviti misteri kelompok Freemason yang tidak diketahui oleh orang ramai - *penulis*.

Adakah Freemason terdapat di Malaysia?

Ya, pertubuhan Freemason sudah lama bertapak di Malaysia dan pejabat pertama Freemason ialah di Singapura yang mana ketika itu Singapura masih lagi menjadi ahli Persekutuan Tanah Melayu.

Pertubuhan Freemason mula bertapak di Tanah Melayu pada 1845 sebagai sebuah restoran yang boleh dikunjungi oleh orang ramai. Bangunan kelab Freemason Singapura terletak di *Coleman Street* dan masih beroperasi sehingga sekarang. Restoran Freemason tersebut dibuka setiap hari bermula 11.30 pagi hingga 10.30 malam manakala pejabat kelab dibuka pada pukul 9 pagi hingga 12 malam.[8]

Bangunan ini (gambar) dinamakan *Freemason Hall* yang terletak di alamat 23, Jalan Coleman, 179806 Singapura. Di bahagian atasnya adalah Lodge, iaitu tempat aktiviti kelab manakala tingkat bawah adalah ruang restoran, bar, perpustakaan dan bilik kasino. Semua kemudahan yang terdapat dibangunan ini boleh digunakan oleh orang ramai. Selain itu, ruang restoran ini juga boleh ditempah untuk mengadakan sebarang sambutan keramaian.

Menurut kajian yang dilakukan oleh *Neoh Thean Hup* (juga anggota Mason), pertubuhan Freemason mula bertapak di Singapura pada 8 Disember 1845. Di awal penubuhannya, kelab ini dinamakan dengan *Lodge of Zetland* dan menumpang sementara di Jalan Armenian. Kelab ini hanya mula berpindah ke Jalan Coleman setelah bangunan pejabat utama siap di bina pada 1879.[9]

Bangunan Freemason di Jalan Coleman itu direka bentuk oleh jurutera Inggeris bernama *Thomas Cargill* dan dirasmikan oleh *William Henry Macleod Read* yang berpangkat *Grand Master*. Kemudiannya pada tahun yang sama 31 Disember 1879, jurutera bangunan itu sendiri iaitu *Thomas Cargill* telah dianugerahkan darjah *Master of Lodge Zetland in-the-East*. Kemudiannya, pada 1936 suatu mesyuarat khas telah diadakan di

Kuala Lumpur yang mana ia dihadiri oleh *District Grand Master, Bro. Trimmer.*[10]

Kehadiran pengaruh Freemason di Singapura dipercayai dimulakan oleh seorang Residen Inggeris di Negeri-Negeri Selat iaitu *Sir Stamford Raffles*. Kini Singapura cuba mengubah sejarah dengan meletakkan nama *Stamford Raffles* sebagai pengasas Singapura bukannya *Parameswara*. Patung *Stamford Raffles* juga sekarang berdiri tegak di pulau singa itu.

Di Semenanjung Tanah Melayu, *lodge* pertama dipercayai dibuka di Pulau Pinang pada 6 September 1806 dengan nama *Lodge Neptune*. Kemudian pada 27 Disember 1878, sebuah kuil khas untuk ahli Freemason dipercayai dibina di Pulau Pinang. Pada 14 April 1888 pula, golongan Freemason telah mengadakan mesyuarat pertama di Perak bersempena sambutan Jubli Perak.

Manakala di Kuala Lumpur, *lodge* Freemason yang pertama mula bertapak pada 21 Oktober 1889 dengan nama *Lodge Read*. Selepas itu banyak *lodge-lodge* dibuka di Semenanjung Tanah Melayu oleh pegawai-pegawai Inggeris yang berkhidmat antaranya ialah:-

1. Pada 9 Oktober 1909 di Klang, Selangor.
2. Pada 6 Januari 1910 di Seremban, Negeri Sembilan.
3. Pada 7 Disember 1910 di Melaka dengan nama Lodge Elliot,
4. Pada 2 Ogos 1916 di Sungai Petani, Kedah.
5. Pada 14 Disember 1929, lodge bernama Johor Royal Temple dibina di Johor.
6. Pada 10 Oktober 1931, lodge bernama Tiger Lane dibina di Ipoh, Perak.
7. Pada 6 Februari 1932, sebuah lagi Lodge dibina di Johor Utara.
8. Pada 26 Januari 1951, sebuah Lodge dibina di Kota Kinabalu, Sabah.
9. Pada 2 November 1957, tiga bulan selepas merdeka, sebuah Lodge dibina lagi di Sandakan, Sabah.
10. Pada 20 Februari 1960, sebuah Lodge ditubuhkan lagi Kuala Lumpur dengan nama Sentosa Lodge.
11. Pada 31 Oktober 1964, sebuah Lodge ditubuh di Beaufort, Sabah.
12. Pada 28 November 1964, Lodge yang bernama Edward Holiday Lodge ditubuh di Kuala Lumpur.
13. Pada 1 Julai 1967, seorang Melayu Islam bernama Mustapa bin Osman dianugerahkan gelaran Grand Master Freemason (mungkin orang Melayu pertama terima gelaran tersebut).
14. Pada 10 Februari 1973, Lodge bernama Fidelity ditubuh di Kuala Lumpur.

(Sila lihat laman web Freemason Malaysia : *http://www.dglea.org*)

Semua *lodge* yang terdapat dalam senarai di atas menggambarkan bahawa walaupun Tanah Melayu menghadapi pelbagai jenis perang, konfrontasi antara kaum dan sebagainya, tetapi penubuhan kelab rahsia Yahudi ini tetap berkembang pesat tanpa pengetahuan orang Melayu Islam. Malangnya, ia tidak diharamkan oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan.

Kebanyakan ahli-ahli Mason di Malaysia dikuasai oleh golongan profesional berpendidikan *PhD* (Doktor Falsafah). Manakala majoriti bangsa yang memegang darjah tertinggi seperti gelaran *Master Mason* adalah berbangsa Cina, India dan Singh.

Pertubuhan Freemason di Malaysia sekarang ini diketuai oleh jurutera bernama Ir. Cheah Kok Cheong yang berpangkat *District Grand Lodge of Mark Master Masons of South East Asia*. Kemudian diikuti oleh Dr. Yan Poh Lok (*Deputy District Grand Master*), Dr. Santok Singh (*Deputy District Grand Master*), Lau Kee Siong (*District Principal Conductor of the Work*) dan Dr. Henry Lee (*District Grand Secretary*).[11]

Di Mesir, dua tokoh pembaharuan yang amat disegani juga terlibat di dalam organisasi Yahudi ini. Mereka ialah *Syeikh Muhammad Abduh (bekas Mufti Mesir)* dan *Jamaluddin al-Afghani* iaitu guru kepada *Syeikh Muhammad Abduh*. Jamaluddin juga orang yang bertanggungjawab memperkenalkan Freemason kepada *Muhammad Abduh*. Kedua-dua mereka juga dipercayai pendakwah fahaman Wahabi di Mesir ketika itu.

Isu Freemason dalam Pentadbiran Malaysia

Persoalan tentang Freemason juga pernah dibangkitkan oleh *Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat* di Parlimen pada 25 Oktober 1978. Ketika itu Tuan Guru (Ahli Parlimen Pengkalan Chepa) mempersoalkan Perdana Menteri *Tun Hussein Onn* tentang tindakan kerajaan yang membiarkan organisasi Freemason didaftarkan dengan banyaknya di Malaysia.

Menjawab persoalan itu, Menteri Dalam Negeri, *Tan Sri Ghazali Shafie* menjawab kerajaan tidak berhasrat menghalang pendaftaran pertubuhan itu walaupun ianya jelas bercanggah dengan akidah umat Islam. Ketika membangkitkan isu tersebut, Tuan Guru mempersoalkan tentang bilangan organisasi Freemason yang begitu banyak malah sudah mencapai lebih 55 *lodges* dengan 2,984 ahli termasuk seorang menteri.[12]

Sehingga sekarang ini, organisasi Freemason terus berkembang pesat dan mempunyai cawangan di seluruh Malaysia. Apa yang membimbangkan ialah ramai pula dikalangan golongan profesional Muslim termasuk ahli-ahli politik menyertai pertubuhan tersebut.

Kuil-Kuil Freemason di Malaysia

Berikut ialah beberapa gambar bangunan Freemason atau *lodge* yang masih aktif sehingga sekarang di Malaysia.

alamat : No.136, Jalan Utama, Georgetown (berhampiran Kebun Bunga)



Alamat : No. 27, Jalan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak.

Alamat : Jalan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor

Alamat : No. 100, Jalan Junid, 84000 Muar, Johor

Alamat : Jalan Chan Koon Cheng, 75000 Melaka.

Alamat : Jalan Penghulu Cantek, Seremban, Negeri Sembilan.

Peranan Freemason Abad ke-21

Jika dilihat pada masa sekarang yakni selepas 1970-an, pertubuhan Freemason mula menampakkan diri secara meluas dan bergerak sebagai organisasi rasmi yang berdaftar, mesra masyarakat dan berkebajikan. Mereka juga sudah mula membuka laman-laman web organisasi masing-masing dengan mendedahkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada waktu-waktu tertentu.

Tindakan organisasi Freemason keluar dari kepompong 'tersembunyi' bagi kami adalah satu langkah kelompok tersebut untuk menjernehkan pandangan masyarakat dunia terhadap aktiviti-aktiviti sulit mereka. Kami juga beranggapan Freemason cuba menjadi mesra masyarakat dengan melibatkan diri dalam forum-forum, kerja-kerja amal dan menubuhkan kelab di universiti-universiti antarabangsa.


John Quincy Adams

Namun begitu, perkembangan sebegini tidak boleh dijadikan alasan untuk kita tidak mencurigai visi dan misi organisasi ini. Freemason sendiri mempunyai sejarah hitam dikalangan ahli-ahlinya khususnya yang melibatkan pembunuhan dan seksaan fizikal mengikut ritual organisasi.

Malah bekas-bekas ahli Freemason sendiri mengakui akan kelencongan organisasi ini dan cuba mendedahkannya kepada orang ramai tentang kejahatan-kejahatan yang cuba disembunyikan pemimpin Freemason.

Antara individu yang mendedahkannya ialah *John Quincy Adams* (gambar) presiden Amerika Syarikat yang ke-6. *Adams* juga adalah bekas anggota Freemason tetapi sejak mengetahui kes pembunuhan yang melibatkan ahli di dalam pertubuhan itu, *Adams* terus mengambil keputusan untuk meninggalkan organisasi Yahudi.

Bimbang akan pengaruh Freemason dikalangan orang awam, beliau telah menulis suatu buku yang menceritakan hal-hal dalaman Freemason yang sangat misteri dan membahayakan masyarakat awam. Buku itu diterbitkan pada 1833 dengan tajuk *Letters on Freemasonry*. Di dalam bukunya itu *Adams* mengatakan dengan nada yang tegas;

> *"Freemason harus dihapuskan selama-lamanya. Ia sangat menyalahi dan salah sama sekali. Ia benih kesyaitanan yang tidak membawa sebarang kebaikan."* [13]

BAB 6

Simbol Illuminati

Simbol Illuminati

Simbol piramid ini sebenarnya adalah logo rasmi bagi satu pertubuhan rahsia Yahudi terbesar di dunia iaitu *Illuminati*. Pertubuhan ini bukanlah pertubuhan berdaftar atau pertubuhan yang mempunyai pejabat dan pusat aktiviti. Ia sebenarnya bergerak secara rahsia tanpa diketahui siapakah yang menganggotainya.

Walaupun bergerak secara rahsia dan tersembunyi tetapi pengaruh pertubuhan Yahudi ini sangat kuat sehinggakan hampir 80 peratus sudut-sudut di dunia ini dikuasai oleh ahli-ahli Illuminati. Semua negara-negara Arab langsung tidak terlepas dari pengaruh Illuminati termasuklah pentadbir-pentadbir di Mekah dan Madinah. Hatta syarikat kontraktor yang mengubahsuai *Masjidil Haram* juga disyaki dimiliki oleh agen-agen Illuminati walaupun pemiliknya orang Islam.

Negara-negara kecil yang tidak kaya juga dijajah oleh orang-orang Illuminati sehinggalah sekarang ini aspek ekonomi, sosial, hiburan, politik dan pendidikan telah pun dimonopoli oleh pemikiran Illuminati yang sudah pun merencanakannya sejak lebih 300 tahun dahulu. Illuminati bergerak secara terancang dan penuh misteri dan sehingga sekarang dunia tidak mengetahui siapakah perancang utama di dalam Illuminati.

Sejarah Illuminati dan Pengaruhnya

Pertubuhan Illuminati ini diasaskan oleh *Prof. Adam Weishaupt* pada 1776 di Ingolstadt, Jerman manakala sumber kewangannya ditanggung sepenuhnya oleh Rothschild, seorang billionaire Yahudi Jerman. Pada ketika itu *Weishaupt* yang berbangsa Yahudi dan beragama Judais bertugas sebagai profesor Undang-Undang di Universiti Ingolstadt.

Pada awal 1770-an, Adam Weishaupt telah mengambil keputusan mengejut iaitu memeluk agama Kristian Katholik. Tujuan beliau beralih agama tidak pula diketahui. Atas kesungguhannya dalam Katholik, Weishaupt dilantik sebagai paderi yang bertugas di Gereja Besar Ingolstadt. Semenjak perlantikan itu, Weishaupt dilihat cuba mengambil kesempatan atas jawatannya sebagai paderi untuk mempengaruhi ahli-ahli akademik lain. Pengaruhnya sebagai paderi telah digunakan untuk satu tujuan rahsia yang tidak diketahui pihak pengurusan gereja.

Pada tahun itu juga dia mula menulis perancangannya di dalam sebuah buku yang menceritakan impiannya untuk membina *Synagoge of Satan* (Kuil Syaitan). Tujuan pembinaan kuil ini ialah untuk menjadikan ia tempat berkumpul ahli-ahli Illuminati yang berjaya dipengaruhi oleh Adam Weishaupt khususnya ahli-ahli akademik, ahli perniagaan dan golongan korporat. Weishaupt juga mengajar pengikut-pengikutnya melakukan penyembahan berhala dan kesyaitanan.

Malangnya, kegiatan sulit Weishaupt itu disedari oleh pihak pengurusan gereja dan akhirnya beliau dipecat dari jawatan paderi serta dikeluarkan dari jawatan kuasa pengurusan Gereja Ingolstadt. Perkara yang diterapkan oleh Weishaupt kepada pengikut-pengikutnya ialah dunia tidak akan aman selagi terdapat banyak kerajaan dengan pelbagai jenis sistem pemerintahan. Beliau menegaskan seluruh kerajaan dunia harus dihapuskan dan digabungkan di bawah satu pemerintahan yang adil. Pemerintahan mestilah dipimpin oleh Yahudi.

Pada 1 Mei 1776, Weishaupt tamat menulis buku perancangannya dan mengumumkan penubuhan Illuminati. Tarikh 1 Mei juga adalah hari ulang tahun fahaman Komunis yang disambut setiap tahun. Sebenarnya itulah tarikh Weishaupt menyiapkan segala perancangannya untuk memusnahkan seluruh kerajaan dunia dan agama-agama yang ada bagi memastikan Yahudi memegang tampuk pemerintahan secara tersembunyi seperti sekarang.

Perancangan pertama Illuminati ialah mencetuskan Revolusi Perancis pada 1789 dengan tujuan menggulingkan pemerintahan beraja

Perancis. Amat menghairankan bagaimana Weishaupt yang berada di Jerman mahu mencetuskan revolusi tersebut malah ahli-ahlinya juga tiada berbangsa Perancis.[1]

Takdir Allah Membongkar Rancangan Illuminati

Bagi merealisasikan impian peliknya itu, Weishaupt menyerahkan semua buku karangannya kepada salah seorang pengikutnya iaitu *Xavier Von Zwack* (seorang peguam). *Zwack* diarahkan oleh Weishaupt untuk memberikan buku tersebut kepada ketua pengikut-pengikut Illuminati di Perancis iaitu *Maximillian Robespierre* agar rancangan mencetuskan Revolusi Perancis dapat dijalankan.

Malangnya bagi *Zwack*, ketika dalam perjalanan dari Jerman ke Perancis, dia telah dipanah petir dan mati serta-merta di tempat kejadian. Pasukan polis Jerman menjumpai dokumen-dokumen rahsia tersebut pada mayat *Zwack*. Mereka mengkajinya dan mengeluarkan satu kenyataan rasmi untuk mendedahkan konspirasi sulit Weishaupt dan Illuminati.

Adam Weishaupt dan pengikut-pengikutnya ditangkap polis Jerman, manakala *lodge* (tempat perjumpaan) mereka juga disita. Pada 1785, kerajaan *Bavaria* (Jerman) mengumumkan pengharaman gerakan Illuminati. Selepas itu, polis Jerman menghebahkan rancangan *Weishaupt* itu kepada semua kerajaan-kerajaan Beraja di seluruh Eropah khususnya Perancis. Laporan pendedahan itu dinamakan *The Original Writings of the Order and Sect of the Illuminati* dan dikeluarkan pada 1786.[2]

Kebodohan Raja Perancis dan Kebangkitan Revolusi

Menurut sejarah, Raja Perancis adalah antara yang paling sombong dan bodoh dari kalangan raja-raja di Eropah. Malah suka menindas rakyat jelata khususnya golongan petani dan orang-orang miskin.

Selepas dibebaskan, Weishaupt menjemput *Prof. John Robinson* ke Eropah untuk membincangkan perancangan Illuminati mencetuskan Revolusi Perancis. Ketika itu, *Robinson* adalah Ketua Gerakan Freemason di Scotland. Tetapi *Robinson* tidak bersetuju dengan agenda Weishaupt malah merancang untuk mendedahkan rahsia tersebut kepada umum.

Di Perancis, gerakan revolusi dimainkan sepenuhnya oleh seorang Yahudi yang bernama *Maximillian Robespierre*. Dengan kepetahannya berpidato dan sifat simpati pada golongan bawahan. Rakyat Perancis Berjaya dihasut dalam masa yang singkat untuk mencetuskan revolusi.

Raja Perancis ketika itu *Louis XVI* tidak mempercayai berita dari polis Bavaria malah masih lagi menganggap rakyat tetap takut kepada

keangkuhannya. Akhirnya, pada 1789, revolusi tercetus dengan sendirinya apabila rakyat jelata marah dengan sikap sambil lewa *Louis XVI* yang masih tidak mempedulikan suara rakyat.

Kejayaan Illuminati dalam mencetuskan Revolusi Perancis pada tahun yang ditetapkan telah mendorong beberapa perancangan lain. Selepas kejayaan di Perancis, Illuminati mencetuskan pula Perang Napolean dengan tujuan kerajaan beraja di seluruh Eropah dapat ditumbangkan.[3]

Adakah Adam Weishaupt ahli Freemason?

Asalnya *Adam Weishaupt* bukan seorang ahli Freemason. Dia hanya menjadi ahli Mason selepas menubuhkan Illuminati pada 1 Mei 1776. Sebelum menyertai Freemason, Weishaupt mendapati budaya setiakawan dan corak kerahsiaan yang diamalkan dalam Freemason sesuai diaplikasikan di dalam Illuminati.

Pada 1777, Weishaupt menyertai Freemason melalui sebuah *lodge* yang bernama *'Theodore of Good Counsel'* di Munich, Jerman. Selepas Weishaupt, pembantunya *Zwack* pula menyertai Freemason pada 27 November 1778 kemungkinan atas arahan Weishaupt. Dalam tempoh penyertaan mereka berdua, organisasi Freemason yang bertempat di Munich telah dipengaruhi sepenuhnya oleh pengaruh Illuminati pada 1779. Kesemua ahli -ahli Mason di Munich bersetuju dengan idea *Satu Kerajaan Dunia* yang dipromosikan oleh Weishaupt.[4]

Pada 20 Disember 1781, satu perjumpaan untuk membincangkan masa depan Freemason diadakan. Perjumpaan tersebut yang bernama *Congress of Wilhemsbad* telah memutuskan bahawa Freemason harus menerima idea-idea Illuminati dan memastikan misi yang dirancangkan oleh tercapai walau mengambil masa yang lama.[5]

Penyertaan Weishaupt ke dalam Freemason ini menunjukkan Illuminati dan Freemason adalah dua pertubuhan Yahudi yang berbeza walaupun kedua-duanya dilihat memusuhi Islam secara tersembunyi. Di sini dapat disimpulkan bahawa penggabungan ideologi kedua-dua organisasi tersebut yang diusahakan oleh Weishaupt telah menyebabkan misi pertubuhan Freemason lebih agresif dalam menghancurkan Islam.

Tindakan bijak Weishaupt ini secara tidak langsung mempercepatkan matlamat Illuminati untuk mencetuskan revolusi besar di Perancis. Mason terdapat di seluruh dunia khususnya Eropah manakala persefahaman yang diputuskan di dalam kongres di Munich, Jerman sudah pasti diketahui ahli-ahli mereka di Perancis. Memandangkan Mason terdidik untuk patuh arahan ketua tanpa berbelah-bagi, maka arahan dari *lodge* di Jerman untuk ahli-ahli yang berada di Perancis sudah pasti akan dilaksanakan.

Organisasi Illuminati selepas digabungkan dengan sistem organisasi Freemason. Tangga yang bertingkat itu menujukkan blok -blok piramid manakala simbol mata di sebelah atas (kanan) adalah penguasa tersembunyi yang memerhati dari luar.

Gerakan Illuminati abad ke-20

Bermulanya pada zaman kebangkitan Eropah iaitu ketika zaman revolusi Industri, gerakan Illuminati mula memperkasakan organisasi mereka dalam bentuk perniagaan dan pertubuhan politik.

Kebanyakan syarikat-syarikat Yahudi yang wujud sekarang adalah dalam bidang perbankan dan kewangan. Disebabkan itu, pengaruh perbankan telah membuatkan pemimpin-pemimpin politik dari serata dunia terpaksa bergantung kepada keperluan kestabilan ekonomi untuk meneruskan kelangsungan politik.

Dasar-dasar ekonomi yang meyakinkan rakyat harus dibentuk, manakala dasar-dasar yang dibentuk pula harus selari dengan kehendak pengusaha-pengusaha bank yang sememangnya dikuasai oleh Yahudi.

Selepas Perang Dunia Pertama dan kedua, syarikat-syarikat Yahudi terus menular ke serata dunia tanpa dapat disekat. Ini kerana, penjajahan-penjajahan yang dilakukan sama ada British, Amerika, Sepanyol, Belanda atau Portugis adalah di bawah pengaruh Illuminati yang telah dirancang oleh *Adam Weishaupt* sejak 1776 lagi.

Dewasa ini, gerakan Illuminati semakin canggih dan amat sistematik pergerakan mereka. Mereka tidak lagi berbincang secara rahsia di tempat-tempat tersembunyi. Perancangan mereka dilakukan di dalam bentuk seminar, ceramah, kajian dan sebagainya. Pengaruh Illuminati dan kaitannya dengan unsur-unsur Yahudi hanya boleh difahami apabila kita meneliti asal-usul perkataan Illuminati, takrifan simbolnya dan pengaruh simbol-simbol tersebut pada logo-logo organisasi.

Asal-Usul perkataan ILLUMINATI

Perkataan Illuminati berasal dari perkataan Latin iaitu *Illuminatus* yang bermaksud "pencahayaan" atau mencahayakan. Di dalam kamus dwibahasa Oxford, Illuminati berasal dari kata pangkal *Illuminate* (mencerahkan).[6] Lain pula takrifan dari Adam Weishaupt, menurutnya perkataan Illuminati itu adalah *Lucifer* (Iblis) yang membawa maksud pemegang cahaya. Weishaupt tidak berselindung dan meyakini sendiri akan takrifan ini di dalam buku tulisannya.

Manakala perkataan *Lucifer* pula adalah dalam bahasa Latin yang bermaksud gelaran kepada Iblis. Masyarakat Kristian memanggil Iblis dengan perkataan *Lucifer* berdasarkan ungkapan-ungkapan yang terdapat pada kitab Injil mereka. Kristan juga mempercayai *Lucifer* adalah nama asal Iblis sebelum ia dihalau dari syurga dan menjadi makhluk yang dilaknat.[7]

Takrifan Simbol Illuminati

Adam Weishaupt tidak pernah mengatakan logo di sebelah adalah lambang Illuminati. Tetapi hasil beberapa analisis dari penyelidik konspirasi barat sejak era selepas Perang Dunia Kedua, mereka yakin inilah logo Illuminati. Keyakinan mereka berasaskan ciri-ciri misteri yang terdapat pada logo ini.

Berdasarkan penelitian, simbol yang dipercayai kepunyaan Illuminati ini dibina berasaskan 5 elemen asas. Lima elemen ini pula akan mewakili satu hubungkait yang amat rasional antara satu sama lain mengikut peredaran masa. Kelima-lima elemen itu juga akan membawa maksud-maksud yang tersendiri sesuai dengan istilah masing-masnig. Lima elemen itu ialah:

1. Ungkapan **ANNUIT COEPTIS**
2. Gambar **mata satu** dalam puncak segitiga.
3. Bangunan **piramid** separuh siap.
4. Huruf-huruf di bawah piramid : **MDCCLXXVI**
5. Ungkapan **NOVUS ORDO SECLORUM**

Ungkapan ANNUIT COEPTIS adalah perkataan latin yang dalam bahasa Inggerisnya bermaksud *Approved of undertaking*. Gambar mata satu di atas piramid pula membawa maksud *All-seeing-eye* atau mata yang melihat semua. Mata ini dipercayai milik penguasa Illuminati yang memerhatikan segala gerak geri perancangan dan masyarakat dunia.[8]

Manakala huruf roman MDCCLXXVI adalah mewakili nombor 1776. Nombor ini bermaksud tahun pertubuhan Illuminati ditubuhkan iaitu 1 Mei 1776. Kemudian, bangunan piramid itu pula mempunyai 13 tingkat yang mewakili 13 negeri asal di Amerika. Menurut pendapat kebanyakan penyelidik konspirasi, piramid itu adalah adaptasi dari kerajaan Firaun.[9]

Manakala ungkapan di bawah sekali iaitu *Novus Ordo Seclorum* adalah perkataan Latin yang bermaksud *New World Orde* atau Dunia Orde Baru. *New World Orde* dipercayai konsep diktator pemerintahan alaf baru yang bakal dibawa oleh Illuminati dan kini telah pun terbukti Yahudi yang menguasai seluruh aspek dunia.[10]

Bagaimana simbol ini mempengaruhi masyarakat?

Simbol ini boleh dilihat di merata-rata tempat di dunia ini. Kebanyakan masyarakat tidak menyedari bahawa mereka dikelilingi pengaruh simbol Illuminati. Manakala organisasi yang biasa mempunyai ciri-ciri simbol ini ialah organisasi antarabangsa yang berpengaruh dan dikenali ramai. Keberkaitan hanya dapat dilihat apabila kita menyelidik latar belakang Illuminati seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Setiap organisasi yang disyaki terlibat biasanya akan menggunakan sama ada bentuk tiga segi piramid, mata satu atau kedua-duanya sekali. Kebiasaan organisasi yang mempunyai ciri-ciri ini adalah organisasi yang menyumbang dana kepada Israel atau syarikat milik Yahudi sendiri.

Information of Awareness Office (IAO)

Antaranya logo *Information of Awareness Office* (IAO) didapati ada simbol piramid mata satu Illuminati dengan jelas. Mata yang memancar ke arah bumi menggambarkan bahawa penduduk bumi sentiasa diperhatikan dan dianalisis tingkah laku mereka. Organisasi ini ditubuhkan pada Januari 2002 lanjutan dari berlakunya kejadian 11 September 2001 di Amerika.

Fungsi utama IAO ialah mencipta teknologi-teknologi terkini untuk kegunaan pihak tentera bagi melawan musuh seperti pengesan haba badan dan alat komunikasi jarak jauh. Salah satu teknologi terkini yang diperkenalkan oleh IAO ialah *Human Identification of the Distance* (HumanID). Sistem ini mampu mengesan identiti orang awam dari jarak jauh sama ada rupa bentuk, sejarah keluarga atau rekod jenayah dari jarak jauh. Sistem ini telah pun digunakan sekarang oleh kebanyakan lapangan-lapangan terbang antarabangsa di Amerika, Kanada dan Australia.[11]

America Online

Manakala *America Online* pula adalah satu perisian internet yang membolehkan seseorang bercakap antara satu sama lain tanpa sebarang bayaran. Simbol piramid jelas terdapat di atas perkataan Amerika dan di tengah-tengahnya adalah lakaran grafik mata yang tidak jelas.



Trilateral Commission

Di atas merupakan logo pertubuhan ekonomi Yahudi yang terbesar di dunia dan antara yang paling berbahaya iaitu *Trilateral Commission* (TC) yang ditubuhkan pada 1973 di Amerika Syarikat. Simbol segitiga piramid lebih jelas dilihat jika dibuat lakaran segitiga pada bahagian tengah logo. Selepas lakaran dibuat, segitiga akan terbentuk seperti gambar kanan.

Majoriti penyelidik konspirasi bersepakat bahawa *Trilateral Commission* memainkan peranan khusus di dalam mempengaruhi dasar-dasar kewangan serta perancangan strategik ekonomi bagi kebanyakan negara-negara di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Cara mempengaruhi ekonomi sesebuah negara adalah melalui pengambilan ahli-ahli dari kalangan negara-negara terpilih termasuklah Malaysia.

Antara rakyat Malaysia yang menyertai *Trilateral Commission* ialah *Tan Sri Azman Hashim*, Ketua Pengarah *AmBank Berhad* dan *Allahyarham Dato' Noordin Sapiee*, bekas Ketua Pengarah *Institut Perancangan Strategik Antarabangsa.*[12]

Kecurigaan golongan akademik terhadap *Trilateral Commission* ialah berpaksikan kepada sejarah penubuhannya. TC telah diasaskan oleh bapa konspirasi Yahudi iaitu *Dr. David Rockefeller*, billionaire Yahudi dan menguasai kekayaan separuh dari bumi ini. *Rockefeller* juga antara individu yang terlibat dalam konspirasi mencetuskan Perang Dunia Kedua.

BAB 7
Isyarat Tangan Illuminati dan Freemason



Isyarat tangan dan kerahsiaannya

Pengaruh paling besar organisasi Yahudi Illuminati dan Freemason kepada masyarakat dunia ialah isyarat-isyarat tangan yang menjadi amalan kita semua dalam kehidupan seharian. Kebanyakan kita tidak menyedari dan mungkin juga kurang mahu ambil berat dari manakah simbol-simbol tangan itu berasal atau bagaimana ia diadaptasikan.

Semua persoalan ini akan kita ketahui hanya apabila kita meneroka amalan budaya Yahudi Judais, ahli Illuminati dan Freemason yang telah diterangkan serba sedikit latar belakang sebelum ini. Dalam isyarat itu, agama Judais dilihat telah berfungsi sebagai sumber utama pengaruh isyarat tangan kepada dua organisasi besar iaitu Illuminati dan Freemason.

Budaya dalam agama Judais juga diamalkan sebagai sebahagian budaya kedua-dua organisasi ini kerana dipercayai pengasasnya kedua-duanya (Illuminati dan Freemason) adalah berbangsa Yahudi.

Adakah hanya Yahudi menganggotai Illuminati dan Freemason?

Dewasa ini, penyertaan dan keahlian bagi kedua-dua organisasi ini tidak hanya tertakluk kepada orang-orang Yahudi, ianya dianggotai oleh segenap lapisan masyarakat dengan pelbagai latar belakang agama serta budaya. Freemason sudah menjadi sebuah organisasi global yang komersial disamping mengekalkan nilai-nilai mistik tersendiri. Manakala Illuminati tetap sebagai organisasi misteri yang penuh kerahsiaan tetapi dipercayai didalangi oleh ahli-ahli Mason.

Terdapat juga sebahagian umat Islam yang sanggup menyertai pertubuhan Freemason walaupun ianya jelas bertentangan dengan prinsip keIslaman dan syariat. Namun begitu, ketaksuban dan kekaguman terhadap kemajuan bangsa lain sudah mendahului umat Islam serta memimpin mereka untuk mengutamakan yang batil.

Budaya Illuminati-Freemason dan amalan kesyaitanan

Dengan termeterainya satu persefahaman dalam *Congress of Wilmsbad* pada 1781, kami mentafsirkan bahawa Illuminati dan Freemason adalah satu gabungan padu yang dirancang oleh kelompok elit Yahudi dalam merealisasikan matlamat sebenar Illuminati. Apabila berlakunya persefahaman ini, bolehlah diandaikan bahawa semua ahli Illuminati adalah ahli Freemason dan bukan semua ahli Freemason itu ahli Illuminati.

Dalam maksud lain, Illuminati-Freemason lebih kepada satu unit rahsia dalam sebuah pasukan besar. Perbezaan ahli Freemason dan Illuminati ialah Mason boleh mendedahkan dirinya kepada orang awam tetapi ahli Illuminati merahsiakan dirinya sebagai Illuminati. Apabila seseorang menyertai Freemason, ia mestilah juga mempelajari cara-cara menjadi ahli mengikut turutan darjah. Manakala setiap darjah (pangkat) pula mempunyai cara pergerakan dan simbol yang tersendiri.

Cara menjadi ahli Freemason juga unik dan misteri malah dianggap melampau bagi kebanyakan orang. Ia bukan semudah mengisi borang seperti pertubuhan-pertubuhan lain, ia lebih kepada suatu upacara ritual yang menyeramkan dan tidak masuk akal untuk manusia biasa.

Untuk menyertai Freemason, seseorang itu perlulah mempunyai sahabat yang sudah pun sedia menjadi Mason. Fungsi ahli Mason itu ialah sebagai pencadang atau penyokong kepadanya untuk menjadi ahli baru. Kebanyakan *lodge* menggalakkan individu yang berminat menelefon sendiri *lodge* yang berdekatan dan membuat temujanji.

Upacara kemasukan ahli peringkat pertama (1^0)

Untuk menjadi ahli, seseorang itu akan dikehendaki memakai seperti di bawah. Beberapa dialog dan upacara harus diikut oleh ahli baru atau *apprentice*.



Tidak kira apa jawatannya di dalam masyarakat, seseorang ahli baru hendaklah mengikut gaya pemakaian seperti hamba di atas. Ahli baru akan diiring oleh pembantu upacara yang digelar *Worship Master*.



(Gambar) ahli baru membaca angkat sumpah.

Gambar di sebelah menunjukkan kedudukan sesiku L dan jangka lukis yang diletakkan di atas kitab utama Freemason semasa upacara perlantikan. Upacara penerimaan ahli baru (*Entered Apprentice*) akan dibuka pada bahagian *Psalm*. *Psalm* adalah nama kitab Injil bertulisan Hebrew. Di dalam Islam, *Psalm* dikenali sebagai kitab Zabur.

Cara pemakaian ganjil di dalam penganugerahan darjah

Bermula sebagai ahli yang ditakrifkan sebagai darjah pertama (first degree), maka setiap darjah yang perlu dianugerahkan untuk ahli-ahli perlu melalui pelbagai upacara dan cara pemakaian. Di bawah ini ditunjukkan gaya pemakaian untuk penganugerahan darjah 2^0, darjah 3^0 dan darjah 4^0. Setiap darjah itu pula membawa gelaran-gelaran yang berlainan.



(Gambar) Pada awal kemasukan, ahli baru digelar *Entered Apprentice* (1^0), ahli peringkat kedua digelar *Fellow Craft* manakala ahli peringkat ketiga digelar *Master Mason*. Upacara ini dijalankan di tempat tertutup dan biasanya di *lodge* kepunyaan Mason sendiri. Gaya pemakaian tersebut masih menjadi tanda tanya kebanyakan orang luar malah bagi ahli Mason sendiri mempunyai tafsiran yang berbeza berkaitan pakaian tersebut.

Cara angkat sumpah selepas penganugerahan darjah

Selepas berpakaian sedemikian rupa, melafazkan beberapa ayat yang diarahkan, ahli Mason dikehendaki mengangkat sumpah dengan cara duduk berlutut. Buku rujukan utama Freemason akan diletakkan di hadapan sambil mata ahli mason tersebut masih tertutup.



Angkat sumpah yang dilakukan di atas adalah untuk peserta *Entered Apprentice* (darjah pertama). Upacara tersebut akan diiringi oleh dua orang iaitu *Master Mason* (memegang tukul) yang berada di hadapan dan *Conductor* yang sentiasa berada di belakang ahli Mason.





Gambar di atas menunjukkan upacara angkat sumpah bagi ahli Mason yang akan dianugerahkan darjah *Master Mason* atau 3^0. Cara pemakaian masih sama cuma kali ini ahli Mason tidak mengenakan baju.

Tingkah laku ganjil semasa penganugerahan darjah

Umumnya semua manusia tidak suka dikasari apatah diperlakukan seperti seorang hamba tetapi apabila menyertai Freemason, semua yang tidak dijangka itu perlu dihadapi oleh ahli seperti gambar di bawah.



Selepas memakai pakaian yang lengkap dengan lencana-lencana pangkat, ahli Mason akan diikat matanya dan diperlakukan seperti rajah di bawah.



(Gambar bawah) Peserta akan diperlakukan dengan kasar oleh *Junior Warden* (bertopi) dengan cara memegang kolar sebelah kiri. *Junior Warden* akan memperlakukan peserta seperti ingin bertengkar. Kemudian peserta akan ditolak dan dijatuhkan ke belakang seperti gambar di bawah.

Pernyataan-Pernyataan yang melambangkan keyahudian

Umat Islam amat dilarang menyertai pertubuhan Freemason kerana di dalamnya terdapat ungkapan-ungkapan penghormatan yang tinggi terhadap *King of Israel* (Raja Israel), *Hiram Abiff* (arkitek Kuil Sulaiman) dan *Sanctum Sactorum* (Holy of Holies). Ketiga-tiga ungkapan ini membawa maksud yang menjurus ke arah entiti agama Judais.

Dalam salah satu upacara penganugerahan darjah, *conductor* atau *Senior Deacon* akan menyebut seprti berikut:

"Brother, it was the usual custom of our Grand Master, Hiram Abiff (this is the first he hears about Hiram Abiff), to enter into the unfinished "Sanctum Sanctorum, or Holy of Holies," of King Solomon's Temple, each day at high twelve, while the craft were called from labor to refreshment, for the purpose of drawing out his designs upon the trestle-board, whereby the craft might pursue their labors; after which, it was further his custom to offer up his devotions to the Deity. "

"Then he would retire at the south gate of the outer courts of the Temple; and, in conformity with the custom of our Grand Master, whose memory we all so reverently adore, we will now retire at the south gate of the Temple. "

Ungkapan-ungkapan di atas disebut dalam pelbagai amalan di dalam Freemason. Manakala 'temple' merujuk kepada Kuil Sulaiman yang dikatakan menjadi impian negara Israel sekarang untuk membinanya di atas tapak Masjidil Aqsa. Jadi, bagaimanakah boleh seseorang Islam itu ingin menyertai Freemason? Penglibatan umat Islam di dalam Freemason umpama menyokong tindakan Zionis memusnahkan Masjidil Aqsa.

Kuil Sulaiman

Menurut kitab Injil, Kuil Sulaiman yang pertama dibina pada 960 SM, kemudian kuil itu musnah ketika peperangan dengan tentera Babylon pada 586 SM. Selepas kemusnahan itu, kuil kedua pula dibina pada 516 SM dengan kebenaran Raja Prusia yang memerintah ketika itu. Namun begitu, Kuil Sulaiman sekali lagi mengalami kemusnahan apabila tentera Rom menyerang bumi Palestin.

Kini pihak Israel berusaha mengembalikan semula kegemilangan Bani Israel dengan cara membina semula kuil ini. Keseluruhan reka bentuk kuil yang bakal dibina ini (seperti rajah sebelah) adalah berasaskan konsep yang diutarakan dalam kitab Perjanjian Lama iaitu *Tanakh*. Tanakh adalah singkatan daripada nama gabungan tiga kitab utama Judais iaitu *Taurat, Nevi'im* dan *Ketuvim*.



Gambarajah atas menunjukkan lakaran model Kuil Sulaiman yang bakal dibangunkan di atas tapak Masjidil Aqsa. Manakala gambarajah bawah adalah pelan asas dan ukuran bagi keluasan kuil tersebut.



Simbol 1: Tangan Tersembunyi Tuhan Jahbulon

Menurut kebanyakan pengkaji konspirasi, *Jahbulon* adalah nama tuhan bagi gerakan Freemason. Ungkapan *Jahbulon* terdapat di dalam salah satu upacara yang diamalkan oleh ahli-ahli Freemason dan ia juga tercatat pada salah satu pingat yang dipakai oleh ahli-ahli Freemason berpangkat tinggi.

Terdapat banyak perdebatan antara ahli-ahli sejarah tentang apakah sebenarnya *Jahbulon*. Pada masa sekarang, pendapat bahawa *Jahbulon* itu sebagai Tuhan Freemason adalah lebih diterima pakai oleh kebanyakan pengkaji kerana menurut *Texe Marrs* (penyiasat konspirasi), ahli-ahli Freemason kebanyakannya cuba mengelak untuk membincangkan tentang *Jahbulon* apabila ditanya.

Ini berlaku semasa beliau cuba menanyakan tentang hal Jahbulon kepada salah seorang pendokong Freemason di Amerika iaitu *D.C. Yermark*. Ahli Mason tersebut terus meninggalkan Marrs tanpa sebarang jawapan.

FIG. 34.

SIGN OF THE MASTER OF THE SECOND VEIL.

Gambar di sebelah diambil dari buku *Duncan's Masonic Ritual and Monitor* (edisi ke-3) yang digunakan ahli-ahli Freemason sebagai panduan terhadap sesuatu ritual.

Isyarat yang ditunjukkan di sebelah ialah menyembunyikan salah satu tangan di dalam baju. Freemason menamakan isyarat tangan jenis ini sebagai *Sign of the Master of the Second Veil.*

Namun, Texe Marrs menamakan isyarat ini sebagai *The Hidden Hand of the Men of Jahbulun* (Tangan Tersembunyi Tuhan Jahbulon) kerana beliau percaya ia melambangkan sifat tuhan tersembunyi Freemason yang bernama *Jahbulon*.

Menurut Marrs juga, nama tuhan *Jahbulon* adalah gabungan daripada tiga nama tuhan kuno iaitu *Yahweh @ Jahweh*, *Baal* dan *Osiris @ On*. Maka disitu terbentuk nama gabungan *Jah-Baal-On* atau *Jahbulon*.

Rajah di atas adalah keratan mukasurat 74 di dalam buku panduan Freemason bertajuk *Richardson's Monitor of Freemasonry*. Rajah kedua adalah keratan muka surat 123 di dalam buku yang sama yang menerangkan berkaitan isyarat tangan tersembunyi. Isyarat tangan kedua pula dinamakan *Knights of Christian Mark* yang menunjukkan tangan kiri disembunyikan di dalam baju.

Rahsia sebenar disebalik tingkah laku ganjil (sembunyi tangan) ini tidak dapat dipastikan oleh kebanyakan pengkaji. Banyak andaian yang dibuat tentang tingkah laku ini tetapi andaian yang paling masyur adalah konsep tuhan tersembunyi *Jahbulon* yang dibongkarkan oleh Texe Marrs.

Setakat ini, kami bersetuju dengan pandangan Texe Marrs kerana persefahaman yang dibina di antara ahli-ahli Freemason teramat kuat seolah -olah ahli-ahlinya mengikut suatu agama. Lazimnya, sesebuah agama mesti mempunyai tuhan yang menjadi sembahan penganut-penganutnya. Sekiranya ianya tepat maka tuhan gerakan Freemason adalah *Jahbulon*.

Pendedahan Texe Marrs juga telah membuktikan bahawa simbol tangan seperti ini telah diamalkan oleh ramai personaliti-personaliti terkenal sejak ratusan tahun dahulu. Tingkah laku personaliti-personaliti tersebut sudah tentulah membuktikan bahawa mereka adalah ahli-ahli Freemason peringkat tertinggi dan sesuai dengan jawatan semasa mereka.

Karl Marx (atas, kiri) dan *Leftenan Elisya Hunt Rhodes* (atas, kanan). Kedua-duanya berbangsa Yahudi dan memainkan peranan yang tersendiri dalam bidang kerja masing-masing.

Karl Marx merupakan pencetus idea kepada fahaman Komunis yang mengengkari kewujudan tuhan. Beliau merealisasikan fahaman itu di dalam buku terkenalnya bertajuk *The Communist Manifesto*. Amat menghairankan fahaman komunis ciptaan Marx merebak dengan cepat di seluruh dunia seolah-olah ia satu agama yang ditunggu-tunggu masyarakat kelas bawah. Ideologi komunis yang diperkenalkan Marx juga telah mempengaruhi dua orang diktator terkenal iaitu *Lenin* dan *Trostky* yang mana kedua-duanya telah berjaya mengubah lanskap politik Rusia.

Leftenan Elisya yang dilahirkan pada 21 Mac 1842 adalah seorang pegawai tentera Amerika yang berkhidmat di dalam tentera darat. Selepas tamatnya Perang Dingin, *Elisya* beralih ke bidang perniagaan. Selepas kematiannya pada 1917, cucunya yang bernama *Robert H. Rhodeas* telah mengumpul semua tuliasan-tulisan diarinya dan menerbitkan diari tersebut dengan tajuk *All for the Union*. Diari tersebut menjadi popular sehingga diterbitkan dalam bentuk filem bertajuk *The Civil War* pada tahun 1990.

Rutherford B. Hayes (atas, kiri) dengan simbol tangan *Jahbulon*. *Hayes* adalah Presiden Amerika Syarikat ke-19 iaitu dari 1877 hingga 1881. *Franklin Pierce* (atas, kanan) juga Presiden Amerika ke-14 pada 1853 - 1857. Kedua-dua mereka mengakui sebagai ahli Freemason.

Diktator komunis di Rusia era Perang Dunia Pertama, *Vladimir Lenin* (kiri) mempamerkan simbol tangan Jahbulon. Lenin atau nama sebenarnya *Vladimir Ilyich Ulyanov* mula memegang pemerintahan Rusia pada 1917 selepas menghapuskan kekuasan raja monarki Rusia iaitu *Tsar Nicholas*. Pemerintahan itu dirampas melalui satu seruan revolusi propaganda yang digelar *Revolusi Bolshevik*.

Sepanjang pemerintahannya, Lenin mengambil kesempatan menghapuskan fahaman anti-Yahudi dikalangan penganut Kristian Orthodoks Rusia. Lenin yang juga dipercayai berketurunan Yahudi sentiasa memperbesar-besarkan sikap anti-Yahudi yang diamalkan oleh golongan bangsawan Rusia sebelum ini iaitu raja *Tsar Nicholas*. Pada 1923, *Lenin* diserang sakit angin ahmar yang teruk dan meninggal dunia pada 21 Januari 1924 di rumahnya di daerah *Gorki*.

Empat komanden *Gulag* di Rusia (atas) mempamerkan simbol Yahudi Freemason iaitu tangan tersembunyi *Jahbulon*. *Gulag* adalah singkatan dari nama ***G**lavnoye **U**pravleniye Ispravitelno-trudovykh **Lag**erey i kolonii (GULAG)* iaitu satu unit khas yang bertugas menahan musuh-musuh politik komunis dan dijadikan buruh paksa pada era 1920-an.

Tiga orang penting dalam zaman *Revolusi Bolshevick* di Rusia ialah (dari kiri) *Sergei Kirov, Mikhael Livandovsky* dan *Konstantin Mekhonoshim*. Dapat dilihat pegawai bernama *Livandovsky* (tengah) memberi isyarat tangan Freemason ketika gambar diambil.

Kemunculan pengaruh *Revolusi Bolshevick* dikalangan tentera di Rusia telah pun menular sejak 1915. Pengaruh ini menular kerana golongan tentera mula menerima perjuangan hak-hak asasi manusia yang mendesak golongan bawahan menuntut hak kesempurnaan hidup.

Lyold Sheerer (kanan) atau nama penanya *Skip* bergambar bersama pelakon *James Dean*. *Sheerer* adalah penulis popular era 1950-an yang menulis bagi kolum bertajuk *Personality Parade* dalam majalah Parade. Beliau dipercayai seorang Freemason dan meninggal dunia akibat penyakit *Parkinson* ketika umur 84 tahun.

Bapa sekular Turki yang menjatuhkan kerajaan Khalifah Turki Uthmaniyah iaitu *Mustapha Kamal Atartuk* (bawah) memberi isyarat tangan tersembunyi *Jahbulon*. Kamal adalah salah seorang ahli Freemason diyakini mempunyai pertalian darah keturunan Yahudi beragama Islam. Beliau amat terkenal sebagai perosak agama Islam di Turki dengan menyemai fahaman-fahaman sekular dikalangan rakyatnya.

Mustafa Kamal (atas) dengan isyarat Jahbulon bergambar bersama ahli keluarga dan tetamu dalam suatu majlis. Menurut sejarah, nama 'Kamal' bukanlah nama sebenarnya, ia nama gelaran yang diberi oleh guru matematiknya yang membawa maksud *'kematangan'* atau *'kesempurnaan'*. Gelaran ini diberi kerana Mustafa adalah antara pelajar bijak dalam akademik ketika menuntut di sekolah sekular bernama *Semsi Efendi*.

Namun begitu, di awal persekolahannya dikhabarkan ibunya mendesak Mustafa supaya bersekolah di sekolah agama tetapi beliau enggan. Selepas itu, Mustafa terkenal sebagai perosak budaya Islam manakala isterinya iaitu *Latife Ussaki* (sebelah kiri Mustafa) yang dahulunya bertudung juga mengikut fahaman suaminya dengan mendesak wanita Islam Turki agar tidak memakai *hijab* atau tudung kepala.

Mikhail Nikiforovich Katkov (kanan) adalah seorang Freemason dan merupakan peminat dalam dunia mistik. Katkov adalah penerbit akhbar *Moscow Gazette* bermula 1863 sehingga 1887.

Menurut Texe Marrs, Katkov juga bertanggungjawab membawa fahaman Hindu dan kefalsafahan ke Rusia serta menjadi penerbit buku kepada pengamal mistik terkenal dari Rusia iaitu *Helena Blavatsky*.

Jose Rizal, Marcelo de Pilar (tengah) dan *Mariano Ponce* (duduk), adalah ahli Freemason. Isyarat tangan Jahbuhlun dapat dilihat pada gaya yang dibuat oleh *Marcelo de Pilar*. *Jose Rizal* atau nama sebenarnya *José Protasio Rizal Mercado* pengasas kepada pertubuhan *La Solidaridad* pada 1888 yang berfungsi sebagai penuntut kemerdekaan bagi negara Filipina daripada kerajaan Sepanyol. Semasa di dalam Freemason, *Rizal* dianugerahkan darjah *Master Mason* pada 1884.

Frederic Auguste Bertholdi (bawah, kiri) adalah pencipta patung besar *Liberty* di Amerika Syarikat. *Bertholdi* sebenarnya berasal dari Perancis dan pernah memenangi anugerah rekabentuk dari kerajaan Amerika pada 1879. Diktator perang dari Perancis iaitu *Napolean Bonaparte* (bawah, kanan) dipercayai juga sebagai Freemason. *Napolean* terkenal sebagai jeneral gila perang walaupun menghadapi masalah kanser perut dan buasir yang teruk. Ketika pemerintahannya sahaja, banyak perang besar yang dianjurkannya sehingga mengakibatkan populasi rakyat Perancis susut, kucar-kacir dan ketinggalan dalam pembangunan.



Putera *Raja Alexander* (atas) dari Yugoslavia yang kini hidup dalam buangan di London mempamerkan simbol tangan yang membuktikan bahawa dia adalah seorang Freemason.

Presiden pertama Amerika Syarikat, *George Washington* (kanan) adalah ahli Freemason yang sah. Beliau yang dilahirkan pada 1732 pernah berkhidmat sebagai tentera Amerika sehingga menjawat jawatan Leftenan Kolonel pada 1754.

Penyertaan Washington dalam Freemason sudah sekian lama disyaki. Para pengkaji konspirasi membuat kesimpulan ini berdasarkan isi kandungan beberapa surat beliau yang dihantar kepada *lodge* dan individu-individu tertentu.

Antara surat yang memberikan bukti jelas ialah suratnya kepada *Massachusetsts Mason Grand Lodges* pada 27 Disember 1792 dan surat kepada *George Synder* pada 25 September 1798.

Simbol 2 : Jabat Tangan Freemason

Antara simbol rahsia yang diamalkan oleh golongan Freemason adalah pada pergerakan berjabat tangan (handshakes). Golongan ini mempunyai cara-cara tersendiri dalam berjabat tangan khusus dalam memperkenalkan antara ahli-ahli Freemason.

Simbol ini kerap kelihatan di akhbar dan majalah tetapi kebanyakan masyarakat kurang mengetahui akan adanya satu bentuk komunikasi tersembunyi di antara mereka yang menipu pandangan mata dunia.

Semua ahli Freemason mempelajari cara-cara berjabat tangan Freemason. Mereka perlu memahaminya kerana setiap cara mempunyai maksud-maksud yang tersendiri. Malah berjabat tangan cara Freemason juga mempunyai pelbagai jenis iaitu

- *The Grip an Entered Apprentice,*
- *Fare Grip of Fellow Craft,*
- *Real Grip of Fellow Craft,*
- *Fare Grip of Master Mason dan*
- *Real Grip of Master Mason.*



Gambar beberapa jenis berjabat tangan di atas ditunjukkan di dalam buku *Duncan' Masonic Ritual and Monitor*, edisi ke-3. Setiap jenis genggaman tangan itu akan membawa maksud tertentu yang hanya diketahui oleh pelaku-pelaku tersebut. Apabila ianya dilakukan di luar *lodge*, kemungkinan satu bentuk maklumat yang telah pun dirancang sebelum ini disampaikan melalui cara berjabat tersebut.



Di atas adalah keratan helaian buku panduan Freemason bertajuk *Richardson Monitor of Freemasonry* pada muka surat 30 dan 32 yang menunjukkan bagaimana ahli Freemason perlu membuat jabat tangan sebagai salah satu cara komunikasi rahsia.

Menurut pendapat *Marrs*, gaya berjabat tangan *Tony Blair* dan *Muammar Gadaffi* misalnya mempunyai maksud tersendiri dan dinamakan *Shibboleth Grip*. Gambar (bawah) ini dimuatkan dalam banyak akhbar-akhbar utama Britain pada 25 Mac 2004 sebagai alat komunikasi untuk memberitahu pengikut-pengikut Freemason seluruh dunia bahawa *Gaddafi* dan *Blair* adalah 'satu' dan bergerak di atas misi yang sama. Tanggapan ini dikira tepat kerana selepas 2004 ramai ulama di Libya ditangkap, dipenjara dan dibunuh oleh Gaddafi jika terdapat penentangan.

Bekas setiausaha kerajaan Amerika, *Donald Rumsfeld* (atas, kiri), dan *Hamid Karzai* (berkopiah), Presiden Afghanistan ini memberi isyarat Freemason melalui berjabat tangan. *Karzai* sering dipertikaikan kredibilitinya oleh ramai pemerhati politik kerana dianggap boneka bagi polisi-polisi Amerika di Aghanistan. Begitu juga dengan *Mahmoud Abbas* (atas, kiri) yang berjabat tangan dengan *Ariel Sharon* (atas, kanan), beliau juga dianggap sebagai orang suruhan Israel seperti mana *Allahyarham Yasser Arafat*.

Franz Fischler (berjambang), pegawai Suruhanjaya Perladangan Eropah menunjukkan isyarat Freemason bersama Menteri Pertanian Jerman, *Karl Heinz Funk* (bawah, kanan). Manakala pembela Yahudi Amerika, *Jerry Falwell* berjabat tangan dengan ahli *Skull & Bones* (rujuk bab 14), *George H.W. Bush,* Presiden Amerika ke-41.

Simbol 3 : Laung Agung

Di dalam amalan ritual Freemason, terdapat satu amalan tingkah laku yang berbentuk penghormatan seakan-akan penyembahan zaman Mesir Purba. Menurut Texe Marrs, amalan ini dipanggil *Sign of Admiration of Astonishment.*



Apabila kedua-dua tangan diangkat melepasi paras bahu berserta tapak kedua-dua belah tangan dihalakan ke hadapan maka ia membawa maksud penerimaan yang tidak berbelah bagi, pasif dengan arahan, isyarat diri yang merayu-rayu untuk sesuatu atau merayu-rayu untuk belas kasihan.

Rajah di sebelah menunjukkan gambar yang terdapat di dalam buku *Duncan Masonic Ritual and Monitor* pada muka surat 212. Gambar ini membuktikan bahawa konsep mengagungkan sesuatu kuasa lain wujud di dalam Freemason.

Pendedahan *Texe Marrs* juga membuktikan bahawa konsep 'Laung Agung' ciptaan Freemason ini ditiru dari gaya penyembahan berhala masyarakat Mesir Purba ketika zaman Firaun. Gambar di sebelah menunjukkan bagaimana *Firaun Ramses* mempamerkan simbol laung agung terhadap *Tuhan Horus*, anak *Dewa Osiris* iaitu tuhan matahari yang menjadi penyembahan pada zaman Firaun. (gambar ini diambil dari buku *Readers Digest* dalam artikel bertajuk *Other World* tulisan *Hillary Evans* tahun 1998).

Gambar kecil di bawah pula adalah lakaran yang terdapat di dalam buku *Richardson Monitor of Freemasonry* (1860).

Di dalam masyarakat Babylon, satu amalan ritual berkaitan laung agung ini juga boleh dilihat pada gambarajah di atas. Gambar di atas menunjukkan bagaimana seorang individu (berjambang & duduk) melakukan laung agung selepas meminum air dari mangkuk yang dipegang oleh perempuan yang duduk di sebelahnya. Sementara lelaki di sebelah kanan yang berdiri itu adalah pendeta agama yang sedang melakukan angkat sumpah.



Gambar pada muka surat sebelah menunjukkan *Bill Clinton* sedang melakukan Laung Agung ketika selepas ia baru diisytiharkan sebagai Presiden Amerika Syarikat menggantikan *George W. Bush* (majalah *Time*, edisi 4 Januari 1993, muka surat 29)

Pemuzik Heavy Metal kontroversi iaitu *Ozzy Osborne* (gambar sebelah) sedang mempamerkan isyarat laung agung ketika gambarnya diambil oleh wartawan. Gambar ini diambil ketika Ozzy dijemput sama menghadiri majlis makan malam oleh Presiden *George W. Bush* dan isterinya, *Laura Bush* di White House. (gambar diambil dari buku Codex Magica, tulisan Texe Marrs).

Menurut *Marrs,* sekiranya hanya sebelah tangan yang diangkat maka ia membawa maksud isyarat yang mengatakan pelaku tersebut telah menerima pertolongan dari syurga atau sesuatu sumber yang amat berkuasa yang tidak diketahui oleh orang lain. Isyarat sebelah tangan juga kebiasannya dipamerkan oleh pemerintah-pemerintah yang pernah melancarkan peperangan seperti *Napolean* dan *Clinton*.

Gambar penunggang kuda tanpa pakaian di muka surat sebelah menunjukkan akan wujudnya isyarat jenis Laung Agung pada golongan Illuminati dan Freemason. Gambar penunggang kuda itu didapati daripada bahagian hadapan jurnal bulanan terbitan organisasi bernama *Council of Foreign Relation* (CFR).

CFR amat dipercayai sebagai organisasi tajaan Illuminati yang paling berpengaruh di dunia. Walaupun mereka mendakwa organisasi mereka bukan berasaskan keuntungan tetapi ramai pemerhati politik melihat setiap kertas kerja yang dibentang oleh ahli-ahli CFR diterima pakai bulat-bulat oleh kerajaan Amerika malah dijadikan pula sebagai dasar utama kerajaan.

Gambar menunjukkan presiden *Bill Clinton* mempamerkan simbol Laung Agung sebelah tangan ketika melihat potret bekas Presiden Amerika Syarikat iaitu *Harry Truman*. Bersama dengannya adalah isteri beliau iaitu *Hillary Clinton*. Perlu diingat juga *Harry Truman* adalah ahli Mason berpangkat *Grand Master* peringkat 33^0.

Pelukis dari Perancis (gambar) iaitu *Baron Antoine Jean Gros* menggambarkan *Napolean* sedang mempamerkan isyarat laung agung sebelah tangan ketika berlakunya Perang *Napolean*. Lukisan beliau ini dinamakan sebagai *The Battle of the Pyramids* kerana lukisan tersebut menggambarkan tentera-tentera *Napolean* sedang bergerak menghala ke bangunan besar Piramid di Semenanjung Gaza.

Perlu diingat juga bahawa gambar *Napolean* di atas kuda seolah-olah menyerupai penunggang kuda tanpa pakaian pada jurnal terbitan CFR.



Simbol 4 : Genggaman Syaitan



Di dalam pertubuhan Freemason, isyarat ini kebiasaannya diamalkan oleh ahli Mason peringkat 2^0 yang digelar *The Fellow Craft*. Isyarat ini dilakukan dengan meletakkan sebelah tangan di bahagian bawah dada sambil kesemua jari berada dalam posisi menggenggam. Menurut Marrs, isyarat ini juga (seperti gambar atas, kiri) ada disebut di dalam buku *The Masonic Report* tulisan *C.F. McQuaig* dan ia dinamai sebagai *The Penal Sign.*

Isyarat 'genggaman syaitan' ini membawa maksud bahawa si pelaku telah berjanji atau bersumpah melakukan sesuatu yang telah dirancang dan sekiranya ia membongkar rancangan tersebut atau melanggar peraturan-peraturan pemimpin Illuminati, dia sendiri (si pelaku) bersedia untuk menerima hukuman termasuklah kematian.

Cara melakukan isyarat 'genggaman syaitan' ini atau *The Fellow Craft Sign* ada disebutkan di dalam buku *Duncan Masonic Ritual and Monitor*, muka surat 16.

Di dalam konspirasi Yahudi, kemungkinan isyarat seperti ini tidak dilakukan oleh golongan ahli-ahli Freemason berpangkat tinggi. Ia mungkin dilakukan oleh ahli-ahli bawahan sahaja yang bertindak sebagai pekerja-pekerja yang disuruh untuk melaksanakan sesuatu agenda tersembunyi.

Isyarat ini tidak sama seperti isyarat *Tangan Tersembunyi Tuhan Jahbulun* (simbol 1). Isyarat pada simbol 1 memperlihatkan permukaan sebelah tangan sebahagiannya berada di dalam baju si pelaku manakala isyarat 'genggaman Syaitan' ini menunjukkan sebelah tapak tangan berada di luar baju dan dibuat dengan cara menggenggam kelima-lima jari.

Rajah di atas menunjukkan patung masyarakat *Khufu* (atas, kiri) yang sedang melakukan gerakan hampir sama seperti 'genggaman syaitan' ahli Freemason. Masyarakat *Khufu* atau *Cheops* ini menurut sejarah adalah jurubina bagi piramid Firaun di Semenanjung Gaza. Manakala patung *Firaun Netjerykhet Djoser* (atas, kanan) dari Mesir juga melakukan cara genggaman yang sama dengan *The Fellow Craft Sign* (2^0).



Pat Robertson (gambar kiri) adalah pengasas kepada syarikat CBN dan Kelab 700 menunjukkan isyarat tangan 'genggaman Syaitan' ketika bergambar bagi majalah TIME edisi 17 Februari 1986. *Robertson* dipercayai pengikut Freemason dan Illuminati peringkat 2^0.

Peranan beliau lebih kepada urusan menyebarkan propaganda Zionis melalui siaran berita televisyen. Dengan statusnya sebagai billionaire dan mempunyai pelbagai rangkaian siaran berita seperti CNN, CNBC dan CBC adalah tidak mustahil untuk *Robertson* berbuat demikian.



Nama *Jesse and Frank James* atau *Jesse James* (gambar) amat terkenal pada era 1960-an dahulu. Kisah pasangan perompak ini tersebar ke seluruh dunia malah ia juga difilemkan sehingga menjadi seperti sebuah ikon koboi.

Gambar kulit buku tulisan *Philip W.Steele* ini membuktikan kedua-duanya adalah pengikut Freemason dan kemungkinan aktiviti merompak itu sengaja dibuat untuk mempopularkan identiti mereka.

Nama *JesseJames* juga ada disebut di dalam filem lakonan P.Ramlee dan M.Zain yang bertajuk *Labu Labi*, yang mana ketika itu kedua-dua mereka sedang bermimpi berlagak menjadi koboi.

Billy Graham (bawah, kiri) menunjukkan isyarat 'genggaman Syaitan' di dalam bukunya bertajuk *The Challenge*. Manakala bekas presiden Amerika sebanyak 5 kali iaitu *Eugene Victor Debs* (bawah, tengah) mempamerkan isyarat yang sama. Beliau merupakan pemimpin parti Sosialis di Amerika dan menjawat jawatan presiden pada tahun 1900,





1904, 1908, 1912 dan 1920. Lelaki yang lahir pada 1855 ini amat menentang keras terhadap sebarang agenda peperangan khususnya penglibatan Amerika di dalam Perang Dunia Pertama. Kempen-kempennya penuh dengan penampilan imej kebajikan masyarakat tetapi hakikat sebenarnya beliau juga adalah boneka Illuminati yang diarahkan bermain sebagai watak hero masyarakat.

Anton Szandor LaVey (kanan sekali) menunjukkan isyarat yang sama seperti *Graham* dan *Eugene*. *LaVey* pula terkenal sebagai pengasas Gereja Syaitan di Amerika. *LaVey* mempamerkan kepada umum isyarat 'genggaman Syaitan' itu melalui bukunya yang bertajuk *Satans Speaks*.

Johannes Kepler (kiri) adalah seorang ahli matematik dan astronomi terkenal dari Jerman. Potret ini menunjukkan lukisan beliau sedang mempamerkan isyarat 'genggaman Syaitan'. *Kepler* dilahirkan pada 27 Disember 1571 di Stuttgart, Jerman. Bapanya iaitu *Heinrich Kepler* seorang askar upahan dan dipercayai meninggal dunia di dalam perang ketika beliau berumur 5 tahun. Manakala ibunya pula iaitu *Katharina Guldenman* seorang pengamal perubatan tradisional tetapi akhirnya menceburkan diri di dalam pengamalan ilmu-ilmu sihir. *Kepler* meninggal dunia pada tahun 1630 ketika beliau berumur 58 tahun.

Sir James De Rothschild (kanan) sedang melakukan pose 'genggaman Syaitan' pada tangan kirinya. Menurut *Texe Marrs*, beliau percaya buku yang terletak di bawah tangan kanannya itu adalah buku ajaran mistik *Kabbalah*.

Gambar ini diambil oleh *John Bigelow Taylor* bagi majalah *Publisher* tahun 2002. Sejarah telah membuktikan bahawa keturunan *Rothschild* adalah keluarga Yahudi yang menguasai bank di seluruh dunia. Keluarga *Rothschild* juga iaitu moyang kepada *James* ini merupakan penyumbang dana kepada asas penubuhan Illuminati pada 1776.

Simbol 5 : Jerut Leher

Di dalam buku *Richardson Monitor of Freemasonry* (muka surat 84) terdapat juga simbol yang berupa 'jerut leher' iaitu meletakkan sebelah tangan di bawah dagu atau leher dalam keadaan seperti mencekik.

Orang yang melakukan simbol ini kemungkinan dilihat seperti sedang 'berfikir' sesuatu tetapi menurut *Texe Marrs*, simbol ini boleh dilihat kepada dua maksud.

Pertamanya, si pelaku mempamerkan simbol ini untuk ditujukan kepada pengikut-pengikutnya agar mematuhi arahan. Sekiranya arahan dilanggar, mereka haruslah menerima akibatnya atau sebarang hukuman. Kedua, simbol ini berkemungkinan ditujukan untuk dirinya sendiri yang bermaksud si pelaku sanggup mengorbankan dirinya jika ia langgar arahan.

Kedua-dua pendapat *Texe Marrs* ini amat logik, tetapi kami lebih cenderung meyakini bahawa jika simbol ini dilakukan oleh orang-orang kenamaan atau ahli politik maka ia mempamerkan maksud 'pertama' dan jika sebaliknya maka ia mempamerkan maksud 'kedua'.

Simbol ini paling masyur pada gambar potret *Benjamin Franklin* yang terletak di dalam pejabat presiden Amerika di White House (kiri). Potret ini dilukis oleh *David Martin* pada 1766 iaitu 10 tahun sebelum organisasi Illuminati ditubuhkan.

Potret *Franklin* ini sentiasa tergantung di White House di dalam bilik bernama *'Green Room'*. Pada pandangan kami, ia cuba memperlihatkan satu

amaran tersembunyi kepada sesiapa yang menjadi presiden Amerika agar sentiasa mengikut arahan-arahan yang telah ditetapkan jika ingin selamat. Potret ini juga membuktikan bahawa setiap presiden Amerika sentiasa mengambil dasar-dasar politik yang sama dalam menghadapi negara Islam. Pembunuhan ke atas Presiden Amerika ke-35, *John F. Kennedy* pada 1963 kemungkinan disebabkan *Kennedy* tidak mengikut arahan 'pihak-pihak tertentu' yang belakang.



Bro. Michael Anthony Richard (kiri) iaitu seorang pelakon komedi terkenal Hollywood mempamer-kan simbol 'jerut leher'. *Richard* dilahirkan pada 24 Julai 1949 dan berbangsa Yahudi. Gambar *Richard* dengan gaya 'jerut leher' ini didapati pada majalah rasmi pertubuhan Freemason yang bernama *Scottish Rite of Freemasonry* edisi September 2000. Richard adalah ahli Mason peringkat 32^0 malah dia sendiri mengakui bahawa dia amat berminat dengan Freemason. *Richard* juga mendakwa dia menyimpan lebih daripada 1000 buah koleksi buku berkaitan pertubuhan itu di rumahnya.

Menteri Luar Negeri Soviet Union, *Eduard Shevardnadze* (bawah, kiri) dipercayai ahli Illuminati dan menunjukkan isyarat 'jerut leher'. Manakala *James Jesus Angleton* (bawah, kanan) salah seorang pengarah di *Central Investigation Agency* (CIA) menunjukkan simbol yang sama. Salah seorang Senator Dewan Senat Amerika, *Kay Bailey Hucthinson* mempamerkan simbol 'jerut leher' di dalam majalah *Newsweek* keluaran 26 Jun 2000.

Simbol 6 : Faktor X atau Tanda Kematian

Antara simbol lain yang terdapat di dalam buku *Richardson Monitor of Freemasonry* ialah isyarat tangan yang diletakkan kedua-dua belahnya secara bersilang di dada (gambar atas). Pengkajian yang dilakukan Marrs mendapati isyarat seperti ini kemungkinan besar ditiru daripada patung-patung pada makam Raja Firaun di Mesir. Patung-patung ini (gambar bawah) kelihatan melakukan isyarat yang benar-benar sama dengan gambarajah di dalam buku panduan Freemason. Di dalam buku panduan tersebut, isyarat ini dilakukan oleh ahli-ahli Mason yang berpangkat 17^0 yang digelar *Knight of East and West*.

Texe Marrs percaya bahawa fungsi isyarat ini sama seperti mana isyarat 'jerut leher' iaitu si pelaku sedang 'menghantar mesej' secara tersembunyi kepada ahli-ahli Mason lain yang berbunyi barang "*siapa yang membocorkan rahsia, dan melanggar arahan, ia akan dikenakan hukuman yang berat.*"

Nava, isteri kepada Menteri Pertahanan Israel iaitu *Ehud Barak* (Duduk, kiri) menunjukkan isyarat 'Faktor X' atau tanda kematian. Manaka -la *Gloria Steinman* (kanan) juga adalah ahli Freemason wanita dengan menunjukkan isyarat yang sama.

Penulis novel terkenal Amerika, *Stephen King* (bawah, kiri) menunjukkan isyarat yang sama di dalam majalah *Newsweek* edisi 28 Ogos 2000. Pelakon filem, *Boris Karloff* (bawah, kanan) menunjukkan isyarat 'faktor X' dalam sebuah filem bertajuk *'The Mummy'*.



Dalam majalah *Fortune* edisi 20 Disember 1999, terdapat gambar *Michael B. Laskoff* dan *Stephen Polly* (atas, kiri) yang mana kedua-dua mereka mempamerkan isyarat duduk secara bersilang kaki dan tangan. Manakala *Allen Ginsberg* (atas, kanan) juga menunjukkan simbol X pada tangannya ketika dalam majalah *Newsweek* keluaran 22 Disember 1997.

Paderi berpangkat *Archbishop* di Paris pada 1870, *Georges Darboy* mempamerkan simbol kesyaitanan pada tangannya dengan membuat simbol X. Gambar ini diambil dari buku bertajuk *How The Pope Become Infillible*, tulisan *August Bernhard Hasler* pada 1981 terbitan *Doubleday & Co*, New York.

Georges darboy dilahirkan pada 16 Januari 1813 di *Haute-Marne*, Perancis dan dilantik menjadi Bishop pada 1859 bagi kawasan Nancy, Perancis.

Pada 4 April 1871, *Darboy* telah ditahan oleh pengikut *Komune Paris* dan ditempatkan di penjara Mazas. Pada 27 April 1871, *Darboy* dihukum tembak sehingga mati di penjara.

Simbol 7: Tolong Diam



1 - Buku Richardson Monitor of Freemasonry. ms 133
2 - Buku Richardson Monitor of Freemasonry. ms 189
3 - Buku Duncan's Masonic Ritual and Monitor. ms 81

Isyarat yang sering kita lakukan ialah 'diam' dengan meletakkan jari telunjuk secara menegak pada hujung mulut. Isyarat ini biasanya kita pamerkan ketika menyuruh seseorang untuk diam tanpa menyebut sebarang perkataan. Di dalam amalan Freemason dan berdasarkan buku-buku panduannya, simbol diam dipercayai digunakan golongan ini sebagai satu isyarat amaran khusus untuk ahli-ahlinya agar tidak memperkatakan sesuatu. Kemungkinan ia juga merupakan amaran kepada ahli-ahli agar sesuatu perancangan rahsia tidak didedahkan.

Menurut Marrs, setiap peringkat darjah Freemason yang bakal dipakai oleh ahli-ahlinya haruslah mengemukakan satu angkat sumpah yang menyebut bahawa dirinya (ahli yang mengangkat sumpah) berjanji tidak akan membocorkan arahan-arahan rahsia yang diamanahkan. Ahli itu juga harus berjanji bahawa dirinya haruslah sanggup menerima hukuman yang telah ditetapkan.

Berikut ialah contoh lafaz angkat sumpah berkaitan isyarat 'diam' ini di dalam Freemason yang membuktikan bahawa isyarat itu adalah satu amaran keras yang bersifat tersembunyi.

"...binding myself under no less penalty than that of having my throat cut across, my tongue torn out by its roots, and my body buried in the rough sands of the sea, at low-water marks, where the tide ebbs and flows twice in twenty-four hours, should I never knowingly violate this my Entered Apprentice obligation."

Rajah di atas menunjukkan keratan dari buku *Richardson Monitor of Freemasonry,* muka surat 142 dan 143 berkenaan hukuman-hukuman yang bakal dikenakan kepada ahli-ahli yang membocorkan rahsia arahan-arahan yang diberikan kepada mereka. *Philip J. Kaplan* (bawah, kiri) adalah jutawan dan pakar dalam bidang komputer. Beliau telah mencipta pelbagai produk pengiklanan komputer berasaskan talian. (Kiri) Gambar *Kaplan* dengan gaya sebagai seorang Mason yang mempamerkan isyarat 'diam' ini ditunjukkan di dalam majalah *News & World Report*, keluaran 10 Julai 2000, muka surat 41.

Dot-com gallows humor

A chronicle of the great Web shakeout

Bekas Presiden Universiti Harvard iaitu *Lawrence Summers* (kanan) mempamerkan isyarat Freemason 'diam'. *Summers* dilahirkan pada 30 November 1954 di Connecticut, Amerika dan berbangsa Yahudi tulen. Kedua-dua ibu bapanya adalah ahli ekonomi sepertinya yang kini menjawat jawatan Pengarah bagi *White House National Econo-mic Council* di bawah pentadbiran Presiden *Barrack Obama.*

BUSINESS

Brainy economist Larry Summers replaces Wall Street wizard Robert Rubin at the Treasury. Can he leave well enough alone?

TAKING THE HANDOFF

Isyarat tangan yang ditunjukkan beliau membuktikan bahawa *Summers* adalah salah seorang yang berperanan di dalam organisasi Freemason. (Majalah *Time*, 24 Mei 1999)

Menurut *Marrs*, simbol 'diam' yang diamalkan golongan Freemason ditiru daripada dewa langit Mesir Purba iaitu *Harpocrates*. Di bawah sebelah kiri adalah patung *Dewa Harpocrates* (bawah, kiri) yang disembah masyarakat Greek purba. Patung *Dewa Harpocrates* yang terdapat di Muzium Kabul, Afghanistan (bawah, tengah). Patung *Dewa Harpocrates* (bawah, kanan) yang dijumpai di Mesir. Masyarakat Mesir Purba menggelarkan *Harpocrates* sebagai *God of Silence* (Dewa Senyap).

Simbol 8 : Angkat Sumpah

Perbuatan angkat sumpah biasanya dilakukan di mahkamah untuk membuktikan bahawa seseorang itu akan memberi keterangan yang benar dan tidak menyeleweng. Perbuatan isyarat angkat sumpah ini bertebaran di seluruh dunia sehingga menjadi amalan 'perjanjian khusus' sesuatu organisasi.

Apa yang mencurigakan ialah terdapat sesetengah golongan terkenal melakukan isyarat ini di dalam akhbar-akhbar dan majalah. *Texe Marrs* membuktikan bahawa isyarat ini ada kaitannya dengan Freemason kerana terdapat sebahagian ritual pertubuhan itu yang menyamai tingkah laku angkat sumpah.


22 RICHARDSON'S MONITOR OF FREE-MASONRY.

This sign is given by taking hold of the left breast, with the right hand, as though you intended to tear out a piece of it, then draw your hand, with the fingers partly clenched, from the left to the right side, with some quickness, and drop it down by your side.—The due-guard is given by raising the left arm until that part of it between the elbow and shoulder is perfectly horizontal, then raising the rest of the arm in a vertical position, so that that part of the arm below the elbow, and that part above it, forms a square. The two

Sign and Due-guard of a Fellow-Craft.

After the Worshipful Master has given the candidate these gripe in due form, he says—Arise, brother Jachin, from a square to a perpendicular; go and salute the Junior and Senior Wardens, and convince them that you have been regularly passed to the degree of Fellow Craft. [The candidate goes and salutes the Wardens with the Fellow Craft sign.]

After saluting the Wardens he is conducted back to the Worshipful Master in the east, who thus addresses him: Brother, I now have the honor of presenting you with a lamb-skin apron, as before, which I hope you will continue to wear with honor to yourself, and satisfaction to the brethren; you will please carry it to the Senior Warden in the West, who will teach you how to wear it as a Fellow Craft Mason.

The candidate goes to the Senior Warden, who ties on his apron, and turns up one corner of the lower end, tucking it

Gambarajah di atas menunjukkan isyarat angkat sumpah yang terdapat di dalam buku *Richardson's Monitor of Freemasonry* (muka surat 22). Isyarat seperti ini dilakukan oleh ahli yang berpangkat *Fellow Craft*.

Menurut Marrs, seorang bekas ahli Freemason iaitu *Captain William Morgan* telah menerbitkan sebuah buku yang mendedahkan simbol -simbol amalan golongan Freemason yang bertajuk *Freemasonry Exposed* pada tahun 1826. Sebagai seorang yang berpengalaman lebih 30 tahun di dalam Freemason, banyak amalan-amalan ritual kelompok tersebut didedahkan kepada masyarakat awam. Tetapi malangnya, tindakan mendedahkan rahsia itu telah meragut nyawanya sendiri.

Menurut Marrs lagi, *Morgan* telah diculik oleh ahli-ahli Mason sendiri dan beliau diseksa mengikut upacara amalan yang terkandung di dalam ajaran Freemason. Berita pembunuhan itu tersebar di seluruh Amerika yang mana akhirnya menyebabkan ramai ahli-ahli Freemason lain meninggalkan pertubuhan tersebut.


Candidate taking Fellow Craft Obligation.

[The left arm should be perpendicular.]

Due Guard.

Sign.

Due Guard of a Fellow Craft.—Hold out the right hand a little from the body and on a line with the lower button of the vest, the palm being open and turned down-ward; also raise the left arm so as to form a right angle at the elbow, from the shoulder to the elbow being horizontal and fore-arm perpendicular.

Sign of a Fellow Craft.—Made from the due-guard by dropping the left hand carelessly to the side and at the same time raise the right hand to the left breast, with the palm towards the breast and the fingers a little crooked; then draw the hand smartly across the breast from left to right and let it drop perpendicularly to the side.

Sign without Due Guard.—The usual way out side the lodge). Draw the right hand, palm open and fingers a little crooked, smartly across the breast from left to right and drop it carelessly by your side.

Pass grip of a Fellow Craft.—Take each other's hands as in ordinary hand-shaking and press the top of your thumb hard against the space between the first and second knuckles of the right hand. Should the person whose hand you hold be a Fellow Craft, he will return a like pressure on your

Gambarajah sebelah menunjukkan keratan sebahagian muka surat 107 dari buku karangan Captain William Morgan yang bertajuk *Freemasonry Exposed*. Gambar tersebut menunjukkan terdapat tiga isyarat utama yang dilakukan oleh ahli berpangkat *Fellow Craft*. Pendedahan *Morgan* dan peristiwa pembunuhannya juga bukan sekadar mengejutkan ahli-ahli Mason yang lain malah Presiden Amerika Syarikat ketika itu, *John Quincy Adam* juga mengambil langkah untuk menghentam tindakan golongan ini. Sebagai seorang yang terlibat juga dengan Freemason, Adam mengambil kesempatan ini untuk mendedahkan rahsia-rahsia Freemason melalui bukunya yang bertajuk *Letters on Freemasonry* yang diterbitkan pada 1833.

John Quincy Adam (kiri) merupakan presiden Amerika Syarikat yang ke enam bermula 1825 hinggalah 1829. Di dalam bukunya itu, Adam menyebut bahawa Freemason adalah organisasi benih Syaitan yang perlu dihapuskan malah amat merbahaya kepada masyarakat.

Grigori Yefimovich Rasputin (atas, kiri) merupakan paderi Gereja Kristian Orthodoks di Rusia. Rasputin terkenal sebagai pengamal ritual yang melampau pada zaman pemerintahan *Tsar Nicholas* II. *Ozzy Osborne* (atas, tengah) adalah pengamal *Gothik* yang kronik dan bekas penyanyi utama kumpulan rock tahun 1970-an, *Black Sabbath*. Pelakon TV Amerika *E.G. Marshal* (atas, kanan) mempamerkan simbol 'sumpah' Freemason. *Marshal* yang berbangsa Yahudi ini terkenal melalui drama bersiri *The Defenders* era 1960-an.

Di dalam amalan bersumpah ahli-ahli Freemason juga, genggaman tangan dilakukan dalam posisi yang unik. Di bawah menunjukkan keratan gambar cengkaman tangan dalam buku *Richardson's Monitor of Freemasonry* (muka surat 36) dan gengaman yang sama juga dibuat oleh *Robert Schuller* iaitu paderi Gereja Besar California.

Timothy McVeigh (atas, kiri) telah dijatuhkan hukuman mati dengan cara suntikan maut selepas didapati bersalah membunuh 168 orang awam. *McVeigh* membunuh dengan cara meletupkan bangunan persekutuan kerajaan di bandar Oklahoma. Gambar yang diambil dari penjara sebelum McVeigh dijatuhkan hukuman bunuh membuktikan dia terlibat dengan gerakan Freemason. Tiada rasa bersalah yang ditunjukkannya ketika ditemuramah wartawan dan dia juga menunjukkan tanda cengkaman tangan 'bersumpah' ahli Freemason. Kisah *McVeigh* ini dipetik dari *US News & World Report*, terbitan 9 April 2001.

Michael Chertoff (atas, kanan) bertugas sebagai pendakwaraya di Jabatan Keadilan Amerika Syarikat. Selain peguam pendakwa, beliau juga menjawat jawatan Pengarah *Homeland Security* ketika era pentadbiran *George W. Bush*. *Chertoff* yang merupakan anak kepada seorang rahib Yahudi dipercayai oleh ramai pemerhati politik sebagai salah seorang agen perisik Israel iaitu *Mossad*. Tanggapan ini timbul mungkin kerana penglibatannya yang aktif di dalam organisasi anti-Kristian iaitu *Anti-Defamation League* (ADL).



Simbol 9 : Tangan Di Hati

Perbuatan meletakkan sebelah tangan di dada membawa pelbagai maksud. Sesetengah masyarakat sesebuah negara melakukan demikian seba -gai tanda menghormati lagu kebangsaan, pengisytiharaan kemerdekaan dan sebagainya.

Namun, di dalam permasalahan simbol-simbol Yahudi ini, terdapat beberapa perbuatan demikian yang dilakukan oleh ahli Freemason sebagai mana tercatat di dalam buku-buku panduan Freemason itu sendiri. Berkenaan hal ini, Texe Marrs menyenaraikan beberapa amalan ritual yang mengkehendaki ahli-ahlinya meletakkan sebelah tangan di dada.

- Peringkat *Degree of Sublimel Knight Elected* - ahli diarah meletakkan tangan sebelah kiri di atas dada sambil ibu jari dihalakan ke atas. (buku *Richardson's Monitor of Freemasonry*, halaman 147)
- Peringkat *Degree of Companion Select* - melakukan perbuatan yang sama menggunakan tangan kiri. (*Richardson's Monitor of Monitory*, halaman 86)
- Peringkat *Degree of Select Master* - ahli perlu meletakkan tapak tangan sebelah kiri di dada sambil menyebut perkataan 'SECRESY'. (*Richardson's Monitor of Freemasonry*, halaman 80)
- Peringkat *Degree of Knights of the Pelikan and Eagle Sovereign Prince Rose Croix of Heredom* - Semasa melalui Bilik Hitam, ahli diminta meletakkan tapak tangan kiri di atas dada bahagian kanan. (*Degree Secret Initiation Ceremony* ke-18)
- Peringkat *Degree of Mark Master* - di dalam ritual peringkat ini ahli-ahli terlibat akan bernyanyi menyebut *"Mark Masters all appear before the Chief Overseeer .... You who have passed the square, For your rewards prepare,* ***Joint heart and hand*** *... Wages to you are due, At your command."* (Duncan's Masonic Ritual and Monitor, halaman 161)

Kelima-lima perkara di atas membuktikan bahawa perbuatan meletakkan sebelah tangan di dada adalah sesuatu yang bersifat 'kerahsiaan' bagi sesetengah orang. Ini bermakna, golongan Freemason mempunyai cara berkomunikasi tersendiri yang meliputi perbuatan-perbuatan yang biasa dilakukan oleh masyarakat awam.

Di dalam hal tangan di hati ini, sudah pasti ia menggambarkan sesuatu maklumat yang ingin disampaikan oleh ahli-ahli Freemason dan Illuminati sesama ahli-ahli mereka. Jika tidak, masakan mereka memilih tingkah laku ini di dalam setiap pergerakan yang dirakam atau dilukis.

Gambar potret *Elizabeth Aldworth* (atas, kiri) di dalam buku *Mac Key's Encyclopedia of Freemasonry* (muka surat 353) menunjukkan *Elizabeth* membuat isyarat 'tangan di hati'. Menurut buku tersebut, *Elizabeth* adalah ahli Freemason berpangkat 33^0.

Christopher Columbus (atas, tengah) yang terkenal sebagai ahli pelayaran yang menjumpai benua Amerika mempamerkan isyarat yang sama. Potret *Columbus* ini dilukiskan oleh *Sebastiano del Piambo* pada 1519. *Michael Servetus* (atas, kanan) yang dikenali juga sebagai *'Father of Unitarianism'* telah dibakar oleh pengikut *Calvin* pada 1555 kerana dianggap pencemar dan anti-Kristian.

Iklan barangan POLO (bawah, kiri) diperagakan model lelaki yang memberi isyarat Freemason. *Christopher Walken* (bawah, tengah) pula antara pelakon Hollywood yang terkenal dengan watak-watak lelaki ganjil dan psiko. *George Clooney* (bawah, kanan) menunjukkan isyarat Freemason ketika pelancaran filem bertajuk *A Perfect Storm* pada 2000.



Eugene Vintras (atas, kiri) adalah paderi Kristian yang dipercayai pengamal amalan songsang serta mistik di Perancis. Selain menunjukkan isyarat Freemason pada tangannya, didapati baju yang dipakainya juga mempunyai simbol *Antichrist* (salib terbalik). *Vintras* yang pernah dipenjarakan oleh pemerintah Perancis pada 1842 terkenal dengan dakwaannya bahawa Dajjal adalah tuhan di bumi dan akan muncul memerintah bumi ini.

Potret seorang paderi Yahudi, *Rabbi Rabbatai Sevi* (atas, tengah) zaman empayar Turki Uthmaniyah yang terdapat di dalam buku karangan John Freely bertajuk *The Lost Messiah : In the Search of Mystical Rabbi Rabbatai Sevi* terbitan tahun 2001. Sabbatai Sevi dilahirkan di Bandar Izmir, Turki pada 1 Ogos 1626 dan dia mendapat pendidikan agama Judais daripada *Rabbi Isaac Luria.*

Semasa menuntut, *Sevi* amat tertarik dengan amalan-amalan mistik Judais dan fahaman Kabbalah. Sifat fanatiknya terhadap mistik dan Kabbalah mendorongnya untuk mengakui dia sebagai Penyelamat Yahudi yang ditunggu-tunggu. Pengakuannya itu telah menimbulkan kemarahan paderi-paderi yang lain dan dianggap melampau.

Salah seorang paderi Kristian Orthodoks (atas, kanan) di Greece memberikan isyarat tangan Freemason. Ketiga-tiga individu di atas membuktikan bahawa pengaruh Freemason juga tidak terhad kepada orang awam dan politik tetapi ia turut meresapi golongan agama.

Simbol 10 : Tanduk Syaitan atau I Love U Satan



Buku *Codex Magica* susunan *Texe Marrs* telah merungkaikan tiga versi isyarat 'Tanduk Syaitan' ini (gambar atas). Ketiga-tiga isyarat ini merupakan simbol yang sering dipertonjolkan oleh kebanyakan masyarakat dunia sebagai suatu isyarat komunikasi tanpa lisan.

Bagi pencipta bahasa-bahasa isyarat untuk orang bisu dan pekak seperti *Helen Keller* (bawah), simbol ini dicipta untuk membawa maksud 'I love U'. Sehingga sekarang, isyarat tangan seperti ini telah diterima pakai sebagai isyarat yang universal untuk semua bangsa bagi menggambarkan perasaan 'I love U' atau 'Aku cinta kamu'.



Namun, analisis *Texe Marrs* di dalam *Codex Magica* menunjukkan suatu tanda yang jelas bahawa simbol ini sebenarnya digunakan oleh golongan-golongan tertentu sebagai menunjukkan sifat 'penyembahan' dan rasa kecintaan kepada unsur-unsur kesyaitanan. Maka Marrs menyimpulkan simbol ini sebagai membawa maksud 'I love U, Satan'.

Hellen Keller walaupun dikenali sebagai penyumbang besar kepada bahasa isyarat tangan orang-orang bisu dan pekak tetapi latar belakangnya sebagai seorang pencipta isyarat tersebut menimbulkan pelbagai persoalan dan kecurigaan tentang tujuannya.

Para penyelidik konspirasi cuba menyimpulkan bahawa isyarat 'I love U" yang dicipta *Helen* (kanan) sebenarnya adaptasi dari isyarat yang berunsur kesyaitanan. Kesimpulan ini dibuat berasaskan satu kenyataan beliau di dalam bukunya yang bertajuk *Light in My Darkness* yang diterbitkan pada 1927. Di dalam buku itu, Helen menyebut bahawa beliau amat mengkagumi pandangan-pandangan *Emanuel Swedenborg* dan menjadikan keseluruhan falsafah *Swedenborg* sebagai pegangan dalam mencapai visi hidupnya.

Siapakah *Emanuel Swedenborg* yang dimaksudkan Helen? *Emanuel Swedenborg* (bawah) yang meninggal pada 1772 merupakan ahli akademik dari Sweden yang meminati amalan-amalan mistik dan kerohanian yang bercorak kefalsafahan agama. Malah *Swedenborg* juga mendakwa, dirinya telah diamanahkan oleh tuhan Kristian untuk memperbetulkan semula ajaran Kristian.

Namun hakikatnya, ahli-ahli sejarah mengakui bahawa *Emanuel Swedenborg* tidak lebih dari seorang yang amat fanatik dengan unsur-unsur tahyul, mistik dan kesyaitanan. Buku *Encyclopedia of Religion* yang diterbitkan pada 1987 menggelarkan beliau sebagai *Swedish Scientist and Mystic* kerana gemar mencampur-adukkan sains dan amalan mistik.

Marrs percaya bahawa isyarat ini diguna pakai oleh individu-individu berpengaruh tertentu sebagai menunjukkan isyarat mereka adalah golongan yang melakukan kerja berdasarkan pihak-pihak tertentu yang cukup rahsia dan tidak diketahui masyarakat antarabangsa.

Namun begitu, syukur kepada Allah di Malaysia isyarat 'tanduk Syaitan' hanya popular dikalangan peminat muzik Rock dan tidak diamalkan oleh orang-orang awam mahupun golongan politik.

Kulit album *OzzFest* (atas, kiri) yang dinyanyikan oleh penyanyi terkenal, *Ozzy Osborne* menunjukkan gambar Syaitan sedang memberikan isyarat 'I love U' ciptaan *Helen Keller*. Pada sebelah kanan adalah gambar lukisan ahli sihir dengan isyarat tanduk Syaitan. Ahli sihir itu juga memakai rantai leher yang berkalung bintang Israel atau *Megan David*.

Ronald James Padanova (bawah, kanan) merupakan penyanyi bagi kumpulan *Heavy Metal* terkenal DIO. Gambar di bawah menunjukkan Ronald dengan isyarat tanduk syaitan dan begitu juga salah satu gambar kulit album (bawah, kiri) yang diterbitkan pada 1983 bertajuk *Holy Diver*. Pada album tersebut ditunjukkan seekor syaitan membuat simbol tanduk Syaitan ketika memukul seorang paderi yang jatuh di dalam laut.

Siri kartun popular yang difilemkan iaitu *Spiderman* juga mempamerkan simbol 'tanduk Syaitan' di dalam lagak aksi-aksinya. Watak yang dicipta oleh *Stanley Martin Lieber* atau lebih dikenali sebagai *Stanley Lee* ini mula bertapak di persada antarabangsa pada 1962. *Stanley* yang juga berbangsa Yahudi sudah pasti tidak akan melepaskan peluang untuk menerapkan simbol-simbol yang bersifat keyahudian dalam kartunnya.

Apabila watak hero komik ini dibaca dan ditonton oleh kanak-kanak maka sudah tentulah segala perilaku aksi watak tersebut mudah sahaja ditiru oleh mereka. Jadi, tidak hairanlah kanak-kanak yang menonton filem *Spiderman* seringkali cuba meniru aksi-aksi uniknya khususnya dalam gaya tangan seperti di bawah.



Charlie Bell dan *Jim Cantalupo* (atas, kiri) merupakan CEO bagi syarikat makanan segera *McDonald's*. Manakala *John Lennon* (atas, kanan sekali) dari kumpulan legenda *The Beatles* mempamerkan isyarat tanduk Syaitan. Pengurus kumpulan yang popular era 1960-an ini ialah *Brian Epstein* yang berbangsa Yahudi.

Raja Abdullah II dari Jordan (bawah, kiri) memberi isyarat tanduk syaitan ketika berjumpa dengan Presiden Rusia, *Vladimir Putin*. Sesuatu yang memeranjatkan, mengapa mesti Raja Abdullah berbuat demikian di depan Putin. Ia adalah simbol yang bermaksud "I love U" bagi orang bisu. Adalah suatu yang luar biasa apabila seorang lelaki menyatakan *I love U* kepada lelaki lain tambahan pula di depan wartawan yang ramai.

Karla LaVey held the hand of a wax statue of her father, Anton LaVey, who died last week in San Francisco of heart disease

Satanist's Daughter To Keep the 'Faith'

Famed devil-worshiper died last week

By Susan Sward
Chronicle Staff Writer

LaVey preached

Pengamal dan pengasas Gereja Syaitan di Amerika, *Anton Szandor LaVey* menunjukkan isyarat 'tanduk Syaitan' sambil memegang tangan anak perempuannya, *Karla LaVey*. Gambar di atas adalah keratan berita akhbar *San Francisco Chronicles* terbitan Oktober 1997. Lavey amat terkenal sebagai pengamal ajaran penyembahan Syaitan di Amerika. *Lavey* yang dilahirkan pada 11 April 1930 juga berbangsa Yahudi dan menulis sebuah buku kontroversi yang bertajuk *Injil Syaitan*.

Di antara pengamal simbol kesyaitanan yang paling kontroversi selain daripada *Lavey* ialah *George W. Bush* sendiri. Presiden Amerika Syarikat ke-43 ini semenjak hari pertama perlantikannya sebagai presiden sentiasa diselubungi pelbagai tanggapan negatif. Beliau dikatakan menjadi jambatan mudah kepada pelobi-pelobi Israel menjalankan dasar-dasar negara secara autokrasi tanpa sebarang sekatan.

Bush yang dahulunya pernah menyertai *Pasukan Keselamatan Udara Texas* juga dikatakan antara presiden yang ketagihan alkohol dan sering mabuk dalam beberapa sesi rasmi kerajaan. Ketagihan alkohol Bush yang tidak mengira tempat telah mencemarkan imejnya sebagai seorang presiden negara kuasa dunia.

Kejadian yang memalukan rakyat Amerika itu berlaku di Beijing, China ketika beliau bersama isterinya menyaksikan salah satu acara sukan Olimpik. Kelihatan Bush (gambar kiri) sedang dipapah oleh pengawal-pengawal peribadinya ketika ia hampir jatuh dari tempat duduk penonton akibat mabuk.

George W. Bush (atas) mengisyaratkan simbol tanduk Syaitan atau *I Love U, Satan* ketika menghadiri suatu majlis. Manakala isterinya, *Laura Bush* (bawah) bergambar bersama staf-staf dapur di White House yang kebanyakannya adalah berbangsa Yahudi.

Ketika *Bush* menjawat jawatan presiden Amerika Syarikat, beberapa muka Yahudi yang berpengaruh telah diberi kepercayaan untuk menerajui bersama di dalam pentadbirannya. Antaranya ialah;

1. **Richard Perle** - Dilantik sebagai penasihat Polisi Luar Negara, disyaki juga sebagai agen perisik kerajaan Israel dan pernah ditangkap pada 1970-an oleh pihak keselamatan Amerika kerana cubaan menyeludup dokumen-dokumen rahsia kerajaan ke kedutaan Israel.
2. **Paul Wolfowitz** - Dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Pertahanan, antara ahli tertinggi di dalam pertubuhan Yahudi yang bernama *Jewish Institute for National Security Affairs* (JINSA) dan *Wolfowitz* juga antara pelobi yang merancang terhadap peperangan Iraq.
3. **Lawrence Ari Fleischer** - Dilantik sebagai setiausaha akhbar *George Bush*, ibu bapanya adalah pendatang Yahudi dari Hungary dan juga menganggotai pertubuhan pelampau Yahudi yang dikenali sebagai *Chabad Lubavitch Hassidic*.
4. **Dauglas Feith** - bertugas di bawah Setiausaha Pertahanan di Pentagon. *Feith* adalah rakan rapat *Richard Perle*, dikenali juga sebagai ekstremis Yahudi dan bersikap anti-Arab yang melampau. Feith juga menganggotai JINSA dan Pertubuhan Zionis Amerika (ZOA).

Selain dikelilingi orang-orang Yahudi, *Texe Marrs* juga mendedahkan bahawa ketaksuban *Bush* terhadap agama Judais (gambar bawah) telah terbongkar apabila berita *Bush* menghadiri kelas pengajian kitab *Talmud* (salah satu kitab agama Judais) telah didedahkan di internet.





Gambar-gambar di atas menunjukkan *George Bush* adalah antara pemimpin yang paling kerap mengulangi perbuatan membuat simbol tanduk Syaitan. Mengulang-ulang simbol ini di khalayak ramai sudah pasti me -ngundang pelbagai tafsiran kerana ia boleh jadi suatu mesej tentang peranannya yang sebenar di dalam masyarakat selain tugas presiden. Tindakannya ini sama seperti tindakan Perdana Menteri Britain iaitu *Sir William Churchill* yang kerap mengulang isyarat 'kejayaan Syaitan'.

Simbol 11 : Tanda OK

Simbol OK dilakukan dengan cara menyentuhkan hujung jari telunjuk dengan hujung ibu jari secara membulat manakala jari tengah, jari manis dan kelengkeng berada di dalam keadaan terbuka (seperti gambar). Simbol OK membawa pelbagai maksud seperti *baik, ya, sudah siap, sudah bersedia* dan sebagainya. Tetapi kesemua maksud itu kelihatan lebih menjurus kepada situasi menerima arahan. Perlu kita ketahui bahawa tanda OK tidak akan dibuat oleh seseorang (termasuk kita) jika tiada pihak kedua bertanyakan sesuatu.

Di dalam ilmu konspirasi, pengkaji seperti Texe Marrs cuba merungkaikan bahawa simbol ini mempunyai kaitan yang langsung terhadap kelompok Freemason dan Illuminati. Mereka melakukannya sama seperti mana simbol-simbol lain. Mereka mengaplikasi simbol ini dari sesuatu yang kuno dan menggunakannya sebagai alat komunikasi rahsia yang sukar diketahui oleh masyarakat umum.

Simbol OK juga membawa pelbagai maksud mengikut sesuatu kepercayaan. Bagi kalangan pengamal *Tantra Yoga* (ritual seks), simbol OK membawa maksud keghairahan. Bagi masyarakat zaman Pagan, tiga jari yang terbuka (tengah, manis, kelengkeng) membawa maksud 3 ahli triniti (3 tuhan sembahan). Manakala masyarakat Hindu mempercayainya sebagai simbol kesempurnaan yang paling suci atau dipanggil *revered mudra*.

Berlainan pula dengan golongan Freemason, simbol OK membawa maksud simbol alat kelamin perempuan atau juga disebut *yoni*. Bagi pengamal-pengamal ajaran kesyaitanan, tiga jari yang terbuka merujuk kepada tiga tuhan sembahan iaitu *Iblis*, *Dewa Babyon* dan *Antichrist* (Dajjal). Manakala di dalam Illuminati, simbol ini membawa maksud *The Divine King* atau Antichrist.

Walaupun terdapat pelbagai persepsi tentang maksud sebenar simbol OK ini, kami cuba menyimpulkan bahawa simbol yang didedahkan oleh Marrs ini memberi isyarat ke arah objektif yang sama daripada pelaku-pelakunya iaitu simbol Illuminati dan Freemason. Ia juga merupakan simbol tersirat yang sangat berbahaya kepada orang-orang Islam.

Kelima-lima individu (atas) ini kelihatan memberi isyarat OK dalam sesi pengucapan mereka kecuali *Rasputin* yang mana isyarat OK nya dibuat dengan cara mengusap janggut. *Rasputin* atau nama sebenarnya *Grigori Yefimovich Rasputin* hidup di zaman sebelum Perang Dunia Pertama. *Rasputin* meninggal dunia pada 1914 ketika umur yang masih muda iaitu 47 tahun akibat satu komplot pembunuhan.

Sesetengah orang percaya bahawa *Rasputin* mempunyai kuasa meramal masa depan seperti apa yang akan berlaku terhadap dirinya. Mereka membuktikannya melalui sepucuk surat yang ditulis oleh *Rasputin* sebelum ia mati ditembak. Di dalam surat itu *Rasputin* ada menyebut bahawa beliau akan dibunuh oleh pihak-pihak tertentu. Selain surat tersebut, *Rasputin* dilihat sudah pun memindah wangnya ke akaun anak keduanya

iaitu *Matryona Grigorievna Rasputina* (1898-1977) atau lebih dikenali sebagai Maria. Selepas kematian ayahnya, Maria berhijrah ke Perancis dan meneruskan kelangsungan hidup sebagai penari dan pelatih harimau sarkas.

Keempat-empat individu lagi iaitu *Benjamin Netanyahu*, *Pat Robertson, Bill Clinton* dan *George HW Bush* masih lagi hidup hingga sekarang. Keempat-empat tokoh ini juga terlibat secara langsung dengan pertubuhan-pertubuhan rahsia seperti Freemason, Illuminati dan *Skull & Bones* dan *Council on Foreign Relation* (CFR).

Paul McCartney (gambar) dari kumpulan *The Beatles* sedang memberikan isyarat OK ketika bergambar bersama ahli-ahli kumpulannya.

Keratan daripada akhbar utama Israel, *The Jerusalem Post* (bawah) edisi 28 Mei 1999 menunjukkan beberapa penyokong tegar parti *Shas* menari-nari meraikan parti beberapa kerusi Parlimen Israel pada pilihanraya umum 1999. Kelihatan salah seorang dari mereka (duduk) sedang melakukan isyarat OK.

NEWS FEATURE

Those unsinkable Shasniks

Aryeh Deri called the elections a referendum on his trial – and in this referendum he did supremely well, but not well enough to save him politically. Herb Keinon reports.

Simbol 12 : Kejayaan Untuk Syaitan

vulcanism ● wadmol

Gambar tangan di atas adalah keratan dari kamus Webster terjemahan Inggeris-Inggeris. Menurut *Texe Marrs*, kamus versi Webster hanya menyatakan simbol tangan itu sebagai simbol V tetapi tidak pula menerangkan maksud V seperti perkataan *vulcanism, vulcanize* dan *vulgar* yang terdapat pada sebelah kiri gambar. Namun begitu, perkataan *Vulcan* sendiri adalah bermaksud dewa purba berkaitan Tuhan Api dan kemusnahan.

Dr. Cathy Burns menerangkan di dalam bukunya yang bertajuk *Masonic and Occult Symbols Illustrated* (1998), bahawa dua jari yang terbuka ke atas merujuk kepada amalan-amalan dalam ajaran *Freemason* dan *Gnostic Law of Oppasites*. Menurutnya lagi, dua jari itu menggambarkan dua ciri yang ditonjolkan iaitu baik dan jahat, syurga dan neraka. Selain itu, simbol ini juga dianggap sebagai perlambangan kepada tanduk *Baphomet* (rujuk bab 4) iaitu tuhan berkepala kambing yang dipuja golongan pengamal ajaran kesyaitanan.

Penjelasan *Dr. Cathy* berkenaan simbol Freemason dan kerahsian simbol-simbol itu juga didedahkan di dalam bukunya yang lain yang lebih ringkas iaitu *Hidden Secrets of Masonry*.

Di dalam perbahasan simbol *'kejayaan untuk Syaitan'* ini, *Texe Marrs* lebih memfokuskan persoalannya terhadap presiden Britain ketika zaman Perang Dunia ke-2 iaitu *Sir Winston Leonard Spencer-Chruchill* atau lebih dikenali sebagai *Winston Churchill*.

Mengikut pandangan Marrs, simbol kejayaan Syaitan atau simbol V ini kerap dilakukan oleh *Churchill* tanpa mengira masa dan tempat terutamanya ketika mengetahui gambarnya diambil juru kamera. Kesan dari sikap luar biasanya itu menyebabkan penyelidik-penyelidik konspirasi seperti *Marrs* mengesyaki bahawa *Churchill* melakukannya dengan bersebab dan di atas tujuan-tujuan yang sangat rahsia.

Lelaki yang lebih dikenali dengan nama *Churchill* ini berasal dari Oxfordshire, England. *Churchill* yang dilahirkan pada 30 November 1874 merupakan seorang pelajar (gambar kanan - ketika berumur 7 tahun) yang sangat malas ke sekolah walaupun bapanya iaitu *Lord Randolph Churchill* seorang ahli politik yang disegani malah datuk sebelah ibunya pula iaitu *Leonard Jerome* adalah seorang jutawan Amerika yang terkenal.

Pada 1893 *Churchill* menyertai kolej tentera diraja England manakala sepanjang penyertaannya itu beliau telah pun berkhidmat di Cuba, Malakand, Sudan, India dan Afrika Selatan.

Churchill meninggal dunia pada 24 Januari 1965 di rumahnya akibat penyakit jantung dan *alzheimer* (mudah lupa) yang kronik. Bagi mengenang jasanya, kerajaan British telah membina dua tugu peringatan untuk beliau di kota London. Yang pertama diletakkan di *Parliament Square* manakala satu lagi diletakkan di *New Bond Street* bersama patung *Franklin D. Roosevelt*.

Kelihatan *Churchill* (semua gambar di atas) tidak lekang dengan simbol V walau di mana beliau berada. Kekerapan *Churchill* memperagakan simbol menimbulkan kecurigaan sesetengah pihak.

Potret hakim zaman Athens purba iaitu *Dionysius the Areopagite* (gambar kiri) sedang menunjukkan isyarat V atau kejayaan untuk Syaitan. Menurut sejarah, *Dionysius* telah memeluk agama Kristian selepas mendengar syarahan-syarahan agama daripada paderi berbangsa Yahudi iaitu *Apostle Paul.*

Menurut Marrs, *Dionysius* merupakan pembawa ajaran mistik di dalam Kristian dan dia juga dikatakan penulis kepada buku mistik yang bertajuk *The Mystical Divinity*. Perkara ini didedahkan sendiri oleh *Manly P. Hall*, ahli Freemason peringkat 33^0 di dalam bukunya yang bertajuk *Mystics and Mysterious of Alexandria (1988).*

Simbol *Per Benedectionen* (bawah, kiri) yang dilukis oleh golongan tertentu sudah pasti mempunyai makna yang tersirat dan sukar ditafsirkan oleh orang awam biasa. *Texe Marrs* mengandaikan bahawa simbol tangan dengan isyarat V ini menggambar dua jenis keadaan atau sifat yang mewakili ciri-ciri berlawanan iaitu baik-jahat dan luaran-dalaman. Begitu juga dengan logo pertubuhan *Gls and Vets for Peace* (bawah, kanan) yang terdapat simbol tangan V berserta bayang-bayangnya. Simbol pertubuhan ini dipetik dari akhbar *The Daily World* tahun 1969.

Simbol 13: Tanda Hormat Komunis



Isyarat tangan seperti ini kami namakan ia sebagai tanda hormat komunis kerana mengikut pendapat Marrs, kelompok fahaman yang paling kejam, ditakuti, berpengaruh dan mempunyai jutaan pengikut ialah komunis.

Isyarat seperti ini juga terdapat di dalam buku Freemason yang bertajuk *Richardson's Monitor of Freemasonry* Isyarat pertama (atas, kiri) yang dibuat dengan menggenggam kedua-dua belah tapak tangan dan dihalakan ke atas dinyatakan pada muka surat 84. Isyarat ini dilakukan oleh ahli peringkat *Select's Master Degree*. Manakala isyarat cara kedua (sebelah tangan) dinyatakan pada muka surat 93 yang dilakukan oleh ahli peringkat *Secret Monitor Degree*.

Simbol tangan dengan cara di atas dilihat banyak dilakukan oleh pemimpin-pemimpin politik dunia seperti isyarat-isyarat lain termasuklah beberapa orang terkenal dalam pelbagai bidang. Kesamaan cara isyarat tangan dengan apa yang terkandung di dalam buku panduan Freemason membuatkan isyarat Tanda Hormat Komunis ini menjadi salah satu isyarat yang dipersoalkan.

Sekiranya isyarat seperti ini tiada kaitan dengan Freemason, mengapa pula cara perilaku simbol sama dengan isyarat-isyarat di dalam buku mereka? Adakah ia masih di dalam kategori kebetulan? Dan mengapa pula perkara kebetulan itu dilakukan pula oleh tokoh-tokoh politik yang kontroversi?

Seperti mana juga *Jeneral Wesley Clark* (atas, kiri) dan *John Kerry* (atas, kanan). Kedua-duanya adalah ahli politik di Amerika yang sangat terkenal berkempen di atas tiket Demokrat. *Clark* atau nama sebenarnya *Wesley Kanne Clark* adalah pegawai tentera bersara berbangsa Yahudi dari sebelah bapanya. Dia pernah terlibat di dalam perang Vietnam dan Kosovo sebelum bersara pada 2000.

Manakala *John Kerry* yang sentiasa mendapat sokongan dari *Clark* adalah calon presiden yang bersaing bagi menentang *George W. Bush* pada pilihanraya Amerika 2004. Seperti juga *Clark, Kerry* pernah berkhidmat dengan pasukan tentera Amerika sebagai Leftenan skuadron tentera laut yang dikenali sebagai *USS Gridley* ketika Perang Vietnam.

Apa yang mencurigakan banyak pihak tentang politik Amerika ialah *John Kerry* (Parti Demokrat) yang menentang *George Bush* (Parti Republikan) adalah ahli dalam pertubuhan rahsia yang sama iaitu *Skull and Bones* (rujuk bab 14).

Tokoh komunis dalam Perang Vietnam iaitu *Vo Nguyen Giap* (kiri) dengan isyarat komunisnya. *Nguyen* adalah bekas pelajar Universiti Hanoi dan dikatakan amat mengkagumi diktator gila perang dari Perancis iaitu *Napolean Bonaparte*.

Earl Browder (atas, kiri) dari Parti Komunis Amerika, *Senator John Edwards* (atas, kanan), *Bill Clinton* (bawah, kiri) bekas Presiden Amerika dan *John Kerry* (bawah, kanan) mempamerkan isyarat komunis dalam aktiviti-aktiviti kempen politik mereka. Semua mereka dari parti-parti yang berlainan tetapi tetap membawa misi yang sama iaitu misi yang ditetapkan oleh perancang-perancang dari Illuminati.

Black Power (kiri) adalah slogan yang diguna pakai oleh kebanyakan masyarakat Afrika-Amerika. Slogan ini mula diperkenalkan oleh *Stokely Carmichael* iaitu pemimpin pertubuhan *Student Nonviolent Coordinating Committee* (SNCC). Organisasi yang ditubuhkan pada 1960 ini memperjuangkan hak asasi dan kebebasan bersuara untuk masyarakat kulit hitam yang bermastautin di Amerika Syarikat.

Simbol 14 : Separuh Syaitan, Separuh Malaikat



former degrees, the penalty being to have the hands nailed to the breast, &c.

The candidate is now instructed in the sign, token, and words, &c., viz.: Cross the arms on the stomach, the fingers clenched, and thumbs elevated, and raise the eyes upward. It alludes to the penalty of having the hands nailed, &c.

The token is exactly the same as that in Intimate Secretary. The pass-words are Stolkyn, Emerh, Emeth, and Amurtah. The sacred word is Adonia.

This ends the initiation.

The closing ceremonies are similar to those in previous degrees. Master raps five and inquires about the duties of the officers: he then raps eleven and inquires of the Inspector—What is the hour?

Inspector—Low six.

Master raps twelve, and brethren rise, the signs are given, &c.

Master again raps twelve, the officers twelve, and the brethren all clap twelve with their hands, when the Master declares the Chapter to be duly closed.

cal instruments delineated on each side.

In the opening, Most Potent Master raps one, and Grand Marshal rises, Master inquires if the Chapter is duly guarded, &c., the same as in the former degrees.

Master raps two, when the Grand Inspector rises.

Master—What is the hour?

Inspector—A star indicates the first instant, the first hour, and the first day in which the Grand Architect commenced the creation of the Universe.

Master raps one and two, when the companions all rise.

Master—Companions, it is the first instant, the first hour, the first day, the first year, when Solomon commenced the Temple; the first day, the first hour, the first instant for opening this Chapter. It is time to commence our labors.

Master raps one and two, the other officers do the same, and the companions clap one and two with their hands, when the Master declares the Chapter duly opened for the dispatch of business.

When a companion is to receive this degree he is prepared outside by the Master of Ceremonies, who conducts him to the door of the Chapter and raps one and two, which is answered by the same from within. He is admitted through the door by the same ceremonies as in the former degrees, and conducted to the east, where

Isyarat ini lebih kepada tingkahlaku gaya bercekak pinggang yang dilakukan oleh golongan Freemason. Ianya menerangkan berkenaan ahli Freemason peringkat *Sublime Knight of Elected Degree* di dalam buku *Richardson's Monitor of Freemasonry* (muka surat 147).

Pakar konspirasi seperti Marrs menghuraikan bahawa gaya ini dilakukan bagi menampilkan imej segitiga Piramid Illuminati pada bahagian tangan yang mencekak pinggang itu. Sebelah tangan yang membengkok seperti bucu segitiga akan membawa suatu maksud yang sangat rahsia bagi golongan Freemason.

Pada pandangan kami, gaya cekak pinggang ini membuktikan bahawa agen-agen Illuminati (yang bersimbol Piramid) telah mempengaruhi sepenuhnya pertubuhan Freemason semenjak tercetusnya perjanjian pergabungan Illuminati-Freemason pada pertengahan 1779. Kemungkinan juga selepas penggabungan itu, golongan Illuminati yang menyertai Freemason mula menokok tambah dan mengubahsuai simbol-simbol amalan ritual yang diamalkan Freemason selama ini.

BOOKS

Part Devil, Part Angel

Robert Caro's massive and magisterial *Master of the Senate* charts Lyndon Johnson's cunning rise

By LANCE MORROW

WHEN I WAS A SENATE PAGE boy long ago in the 1950s, my boss was Lyndon Johnson's young pet lizard, Bobby Baker. Senator Johnson would snap his fingers softly, and I would hustle to the cooler in the Democratic cloakroom to bring him a glass of White Rock sparkling water or dash down the marble back stairs to the Senate restaurant to fetch a dish of vanilla ice cream, which he ate at his desk on the Senate floor as he played his mighty legislative Wurlitzer.

In those days, a distinctive cast of characters populated the Senate. The spectacle seemed like continuous American Shakespeare, with a more interesting regional variety than homogenized America offers today.

The Southerners, flamboyant or saturnine, came from another age. Hoey of North Carolina wore wing collars. Freshman John Kennedy of Massachusetts, thin and glamorous, the millionaire's dreamboat boy, hobbled at the rear of the chamber, on crutches from his back operation. Joe McCarthy of Wisconsin, remembered now as a dark cloud shadowing America, could show, in private, an unexpected sweetness and charm. Always, front and center (first desk, middle aisle, the Democratic leader's spot) stood Lyndon Johnson, almost handsome then, in his 40s, leaner than history remembers him, narrow-eyed, his hair sleek with Stacomb, alert in a vaguely dangerous way—an impresario, a genius of nuances, a wolf in his prime.

THE WOLF IN HIS PRIME: Johnson, the natty Senate majority leader and legislative magician, in 1959

in four short years. Caro, whose great gifts are indefatigable legwork and a sense of historical drama and character, has a fine protagonist for his life's work. His Johnson, a man of Manichaean contraries, is now familiar—by turns Caligula and Lincoln, a narcissistic monster capable of immense personal cruelty and breathtaking political cynicism who now and then metamorphoses into an angel of compassion and statesmanship.

Part of the key, Caro writes, lay in Johnson's astonishing ability to talk himself into anything, including, sometimes, the right thing. (Bill Clinton also possessed the trait.) "[Johnson] had a remarkable capacity," Caro observes, "to convince himself that he held the principles he should hold at any given time, and there

Gaya bercekak pinggang ini juga digelar sebagai *Separuh Syaitan dan Separuh Malaikat.* Istilah ini digunakan oleh *Texe Marrs* berdasarkan artikel bertajuk *"Part Devil, Part Angel"*, tulisan *Lance Morrow* dalam majalah TIME, edisi 29 April 2002 (gambar muka surat sebelah).

Marrs percaya bahawa gaya bercekak pinggang yang dilakukan oleh *Lyndon Baines Johnson* bukanlah suatu gaya kebetulan, ia mempunyai maksud yang tersirat. Ini berdasarkan latar belakang *Lyndon* sendiri yang merupakan ahli Freemason peringkat 3^0.



Lyndon yang terkenal dengan sikap kuat mabuk dan kuat merokok ini pernah dikaitkan sebagai antara orang dalam yang terlibat dalam komplot pembunuhan presiden *John F. Kennedy* pada 1963. Hasil-hasil siasatan yang sangat cenderung mengesyaki keterlibatan *Lyndon* ini menyebabkan sebuah filem dokumentari mengenainya dihasilkan pada 25 Oktober 1988 melalui siaran *History Channel* dengan tajuk *The Men Who Killed Kennedy*, (kanan) dan juga dijual dalam bentuk DVD.



Raja bank Amerika era Perang Dunia Kedua, *Winthrop William Aldrich* (kiri, berdiri) melakukan gaya cekak pinggang atau separuh syaitan separuh malaikat. *Aldrich* yang menjadi Pengerusi *Chase of National Bank* ini juga disyaki sebagai individu yang berperanan menyumbang dana rahsia dalam Perang Dunia. Ini berdasarkan hubungan kekeluargaannya dengan raja bank Yahudi ketika itu iaitu *John D. Rockefeller* di mana adik perempuan *Aldrich* iaitu *Abby Greene Aldrich* telah berkahwin dengan *John D. Rockefeller* pada 9 Oktober 1901.

2003: Year of the woman among the 'Fortune' 500?

Small number of CEOs deliver outsized results

By Del Jones
USA TODAY

The smart money was on the women in 2003.

Eight Fortune 500 companies have female CEOs, and as a group they outperformed the broader market by a substantial margin. An $8,000 investment Jan. 1 in the S&P 500 index would be worth $10,130 as of the close of stock trading Monday. The same $8,000 invested equally in the eight companies with women at the helm would be worth $12,130, including a loss in energy company Mirant, which has been under bankruptcy protection since July. That's a 52% gain for the women vs. a 27% gain for the index of all large companies.

Cover story

One explanation is that 2003 was a fluke. When the women's performance is examined for the entire tenure they've been CEOs — which ranges from six months to 40 years — results are more mixed.

Nevertheless, 7-for-8 in 2003 is impressive enough to give rise to a Darwinian theory. The glass ceiling has been so difficult to crack that women who reach the top are, on average, [illegible]

Turnaround artist: Lucent Technologies CEO Patricia Russo led the company to its first profitable quarter since 2000.

chain of 143 supermarkets in the Northeast.

Another explanation proposed by Marion Sandler, co-CEO of Golden West Financial since 1963, is that many recently promoted women were [illegible] that were on the [illegible]

Akhbar *USA Today* bertarikh 30 Disember 2001 telah mengeluarkan suatu artikel berkaitan *Patricia F. Russo* (atas) iaitu Pengerusi bagi syarikat *Lucent Technologies*. Syarikat ini menjalankan urusniaga berteraskan kejuruteraan pada 1 Disember 2006, ia telah bergabung bersama syarikat telekomunikasi dari Perancis iaitu *Alcatel*.

Apa yang ingin ditekankan di sini ialah gaya *Russo* di dalam artikel akhbar *USA Today*. Gaya bercekak pinggang yang diperagakan oleh Russo sudah pasti atas cadangan jurugambar *USA Today*. Sama ada Russo adalah ahli Freemason atau jurugambar *USA Today* itu sendiri tidak dapat dikenal pasti. Apa yang pastinya gaya tersersebut membawa maksud yang sama dengan gaya *Lyndon B. Johnson* di dalam majalah TIME.

Pada 2007, majalah *Forbes* telah menyenaraikan Russo sebagai wanita ke-10 paling berpengaruh dalam dunia. Russo juga pernah menjadi pengerusi syarikat KODAK pada 2002 dan kini beliau telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah General Motors pada 23 Julai 2009.

Pamela Churchill Harriman (atas, kiri) memberikan gaya yang sama seperti *Patricia Ross* di dalam buku autobiografinya, *Life of the Party* (1994). Pamela adalah ahli politik berpengaruh dari Parti Demokrat dan pernah berkahwin dengan billionaire bank Yahudi, *Baron Elie de Rothschild.* Pamela meninggal dunia pada 5 Februari 1997 ketika berumur 76 tahun akibat pendarahan dalaman otak.

Will Rogers (atas, tengah) adalah pelakon komedi popular filem koboi Amerika era 1920-an hingga 1930-an. Rogers atau nama sebenarnya *William Penn Adair Rogers* juga seorang Freemason yang berpangkat Master Mason. Beliau menerima anugerah darjah Mason itu pada 13 Mac 1906 di *Claremore Lodge*, Oklahoma, Amerika Syarikat.

Richard Andrew Gephardt (atas, kanan) dari Parti Demokrat pernah dipertandingkan untuk calon presiden Amerika pada 2008 lalu. Menurut Marrs, Gaya Gephardt dari majalah TIME edisi September 1996 ini sengaja diberikan gaya bercekak pinggang disamping latar belakang muka pintu.

Marrs mentafsirkan bahawa corak lantai yang licin itu meniru corak lantai Dewan Freemason. Manakala pakaian Gephardt pula adalah hitam putih yang melambangkan gabungan unsur baik dan jahat. Bilangan tiga anak tangga di belakangnya mewakili 3^0 di dalam Freemason.

Berdasarkan gaya ini, Marrs mentafsirkan Gephardt adalah ahli Freemason yang memainkan peranan yang sangat rahsia dan tersembunyi di dalam politik Amerika. Tafsiran ini dikira tepat kerana Gephadt adalah salah seorang yang bersetuju dalam kutipan undian bagi memutuskan pencerobohan tentera Amerika terhadap Iraq pada 2002. Tetapi tiga tahun kemudian, Gephardt tiba-tiba beralih mengatakan tindakan menceroboh Iraq adalah salah dan satu kesilapan besar.

Potret *Elias Ashmole* (atas, kiri) dengan gaya bercekak pinggang dilukis oleh *John Riley* pada 1683 dan ianya tersimpan di Muzium Ashmolean, Oxford yang diberikan nama sempena namanya. Penyertaan Ashmole di dalam Freemason didedahkan melalui tulisan diarinya bertarikh 16 Oktober 1646. Di dalam diarinya beliau menyatakan, *"I was made a Free Mason at Warrington in Lancashire, with Coll: Henry Mainwaring of Karincham in Cheshire."*

Pegawai tentera Amerika berbangsa Yahudi, *Robert Edward Lee* (atas, kanan) dengan gaya yang sama pernah memegang jawatan Kolonel dan Jeneral ketika menyertai Perang Amerika-Mexico (1845).

Briged Jeneral Albert Pike (kanan) juga pegawai tentera Amerika era 1840-an adalah seorang Freemason. Albert Pike dikatakan antara pemimpin Illuminati selepas kematian *Giuseppe Mazzini* dari Itali pada 1872.

Selain berpangkat 33^0 di dalam Freemason, Pike juga menghasilkan buku yang sangat berpengaruh kepada ahli-ahli Freemason iaitu *Morals and Dogma* (1871).



Edwin Eugene Aldrin (atas) atau lebih dikenali sebagai *Buzz Aldrin* adalah angkasawan kedua Amerika selepas *Neil Armstrong* (juga berbangsa Yahudi) yang berjalan di atas permukaan bulan. Aldrin yang juga seorang Freemason menunjukkan isyarat bercekak pinggang (atas, kiri) ketika gambarnya diambil di bulan.

Buzz Aldrin adalah ahli Freemason peringkat 33^0 yang berdaftar di *Mothclair Lodge*, New Jersey, Amerika. Identiti Freemasonnya itu didedahkan sendiri oleh Aldrin di dalam buku autobiografinya yang bertajuk *Return to Earth* pada 1974.

Semenjak Aldrin diberi gelaran Buzz, istilah Buzz mula diguna pakai secara tidak rasmi kepada sesiapa sahaja yang pernah menjadi angkasawan. Watak *Buzz Lightyear* di dalam siri kartun animasi *Toy Story* juga dinamakan berasaskan budaya gelaran pada nama Aldrin.

Semenjak bersara pada 1971, kisah Aldrin difilemkan pada 1976 dengan tajuk yang sama dengan bukunya, *Return to Earth*. Watak Aldrin yang ketagihan alkohol dilakonkan oleh aktor *Cliff Robertson*.

Pada 1994, Aldrin muncul sebagai watak animasi di dalam filem kartun *The Simpson* siri *Deep Space Homer* dengan menggunakan khidmat suaranya sendiri.



Kelab Setem Freemason di New York dan Britain juga telah mengeluarkan setem khusus untuk *Buzz Aldrin* (atas). Setem ini dicetak sebagai tanda mengiktiraf ahli-ahli Freemason yang terdiri dari golongan individu-individu terkenal dalam pelbagai lapangan kerjaya.

Gaya bercekak pinggang (sebelah atau kedua-dua belah) ini tidak lebih daripada membawa konsep kejahatan atau kebaikan yang terselindung secara misteri. Konsep ini adalah konsep 'talam dua muka', adakalanya menjadi baik dan adakalanya menjadi jahat. Selain itu, ia juga boleh ditakrifkan sebagai peranan tersembunyi yang dimainkan oleh pelaku isyarat tersebut.



Di Malaysia, unsur-unsur isyarat ini juga boleh didapati pada patung *Francis Light*. Francis Light (atas) yang dikatakan pembuka negeri Pulau Pinang (sebenarnya lebih sesuai digelar penceroboh) adalah penjajah dari *Syarikat Hindia Timur Inggeris* (SHTI). Beliau yang dilahirkan pada 1740 di England adalah seorang Freemason sama seperti pengasas Singapura, *Stamford Raflles*. Patung Francis Light dengan gaya bercekak pinggang itu boleh dilihat di Pulau Pinang dan Muzium Taiping, Perak.

Seperti mana juga patung *Jose Protasio Rizal* di Manila, Filiphina, ia dibina sedemikian rupa (bercekak pinggang) sudah pasti untuk melambang-kan identiti tersembunyi individu tersebut serta perjuangan nasional yang dibawanya. Seperti yang diterangkan sebelum ini, Rizal sememangnya seorang ahli Freemason yang sah dan beliau menyertai pertubuhan tersebut ketika belajar di Sepanyol.

Bagi mengenang jasanya sebagai pejuang bangsa dan Freemason. Golongan Mason Filiphina di Amerika telah menubuhkan sebuah *lodge* khusus bersempena namanya iaitu *Jose Rizal Lodge* di alamat Tingkat 19, American Room, 71 West 23rd Street, New York.

Simbol 15 : Segitiga Seksual



Texe Marrs menamakan isyarat tangan seperti ini dengan nama *triangle up* and *triangle down*. Tetapi kami lebih mengesyorkan kepada nama 'segitiga seksual' kerana ia mewakili perlambangan alat kelamin lelaki dan wanita. Dalam kenyataan Marrs, beliau mendedahkan bahawa isyarat ini segitiga atas dan bawah ini lebih terarah kepada maksud jantina. Segitiga yang bucunya menghala ke atas adalah perlambangan kepada alat kelamin lelaki manakala segitiga yang bucunya menghala ke bawah adalah merujuk kepada simbol alat sulit wanita.

Masyarakat kuno Mesir mempercayai, segitiga adalah bentuk perlambangan bagi wanita. Begitu juga dengan kepercayaan Greek, segitiga dianggap 'pintu suci' wanita iaitu perlambangan alat sulit jantina tersebut. Menurut *Texe Marrs* sendiri, beliau percaya kelompok homoseksual atau gay sekarang ini mengadaptasi simbol kelab mereka daripada perlambangan yang diamalkan oleh Greek atau Mesir. Ia berdasarkan bentuk logo rasmi kelab gay yang menyerupai bentuk segitiga berwarna pink.

Pejuang Gay Antarabangsa dan Identiti Keyahudian

Menurut sejarah, pertubuhan gay asalnya bergerak secara tidak rasmi, ianya bergerak dalam kaedah memperjuangkan hak kesamaratan untuk mereka. Gerakan ini dikatakan bermula pada 1890-an yang diketuai oleh *Magnus Hirschfeld* di Jerman bagi mendesak kerajaan memansuhkan undang-undang *Perenggan 175, German Criminal Code.*

Hirschfeld yang juga berbangsa Yahudi ini telah menubuhkan *Scientifix Humanitarian Committee* pada 1897 bersama *Max Sphor, Eduard Oberg* dan *Max Von Bulow* bagi memperjuangkan hak golongan gay atau homoseksual. Kemudian, pada 1919, Hirschfeld telah menubuhkan *Institut Kajian Seksual* di Berlin dan institut ini lebih dikenali orang ramai sebagai Muzium Seks. Namun demikian, pada 1933, semasa Jerman di bawah pemerintahan Nazi, institut milik Hirschfeld ini telah disita dan semua hasil penulisannya dibakar tentera Nazi.

Walaupun *Hirschfeld* telah mati, kini kelompok laknatullah ini masih bermaharajalela malah lebih luas pengaruhnya. Ini dapat dilihat pada 20 Jun 2009 lalu, satu pesta Gay antarabangsa secara besar-besaran telah berlangsung di Amerika. Pesta tersebut dianjurkan oleh *Nashville Pride* iaitu sebuah kelab khusus untuk golongan gay dan lesbian yang berpusat di Amerika. Pesta yang melibatkan golongan gay, lesbian dan biiseksual ini telah ditaja oleh tiga syarikat terkenal antarabangsa iaitu *Bridgestone, Home Depot* dan *Southwest Airlines*.



Logo Illuminati

Dalam majalah *Report* edisi Januari 1997 (atas), muka depan majalah tersebut telah menampilkan seorang paderi menggayakan isyarat segitiga piramid pada tangannya. Majalah Report adalah majalah khusus tentang berita-berita berkaitan *Kristian Katholik*.

Pada edisi ini, Report telah membangkitkan khusus tentang hal isu 'pemberontakan' dalam agama di Amerika berhubung isu paderi dengan kes homoseksual dan *pedophilia* (masalah gangguan seksual ke atas kanak-kanak) di dalam gereja.



Pada 1996, *Bishop Walter Righter* telah dituduh dengan sengaja melantik Paderi *Barry Stopfel* (gambar kiri) yang juga seorang gay sebagai *deacon* (pembantu Paderi) di Gereja St. George, New Jersey. Namun demikian, tuduhan tersebut digugurkan kerana majoriti juri yang terdiri dari kalangan paderi sendiri bersetuju agar Righter dibebaskan.

Kes berkaitan *Bishop Walter* ini telah membuktikan bahawa budaya gay dan seks luar tabii diterima secara terbuka oleh masyarakat barat dalam pelbagai aspek malah ia juga diterima oleh golongan pemimpin gereja mereka.



(Gambar kiri) Raja media antarabangsa iaitu *Mel Karmazin* (kanan) menunjukkan isyarat segitiga seksual. Beliau adalah presiden *Viacom Incorporation* dan berbangsa Yahudi. Viacom merupakan pemilik kepada syarikat-syarikat media seperti CBS, PLUS, Paramount Pictures dan *United Cinemas International*. Di sebelah Karmazin adalah *Sumner Murray Rothstein* (bertali leher), pengerusi Viacom. *Sumner* juga seorang Yahudi.

Selain syarikat-syarikat perfileman, Viacom juga adalah pemilik kepada rancangan televisyen terkenal seperti MTV, MTV2, VH1, BET, Logo, Nickladeon, TeenNick, Palladia, Comedy Central, TV Land, Nick@Nite, Nick Jr dan CMT. Menjelang tahun 2009, Viacom berjaya mengaut keuntungan kasar terbaru sebanyak lebih USD14 billion.

Selepas Karmazin meletak jawatan pada 2004 sebagai presiden *Viacom*, beliau beralih kepada syarikat radio satelit iaitu *Sirius XM Radio*. Selepas menerajui Sirius, syarikat ini berkembang maju malah berjaya menarik selebriti-selebriti terkenal menyertainya seperti *Eminem, Martha Stewart, Lance Armstrong* (juara lumba basikal), *Tony Hank* (pakar skateboard) dan ramai lagi.

(Gambar kanan) paderi *Donald H. Frew* (kanan sekali) menunjukkan isyarat segitiga piramid ketika menghadiri suatu perhimpunan keagamaan di Chicago. Pada 1997, enam tahun sebelum Amerika menyerang Iraq, *Frew* telah menjalankan kajian terhadap puak minoriti *Kurdish* iaitu *Yazidi* atau *Ezidi* yang tinggal di sempadan Iraq-Syria. Puak *Yazidi* bukan beragama Islam walaupun mereka kelihatan seperti orang Islam, mereka beragama *Yazdan* dan mempunyai kitab rujukan tersendiri iaitu *Meshefa Res* dan *Kitabul Kelwi*.

Sudah pastinya kedua-dua wanita di atas tidak membuat isyarat tangan itu dengan sengaja. *Carly Fiorina* (atas, kiri) adalah ahli politik Amerika dan pernah menjawat jawatan ahli lembaga pengarah *Hewlett-Packard*. Pada 2004, majalah *Forbes* menyenaraikan Carly antara 100 wanita paling berpengaruh di dunia.

Teressa Heinz Kerry (atas, kanan) adalah isteri kepada senator John Kerry. Teressa juga aktif berpolitik seperti suaminya dan merupakan anak kepada hartawan tanah Keluarga *Heinz*. Beliau mempunyai 5 rumah mewah yang bernilai antara USD3 hingga USD9 juta di Boston Beacon Hill, Nantucket, Idaho, Pennyslvania dan Pittsburgh.

Richard B. Buy (kiri) adalah bekas Naib Presiden *Enron Corporation*. Syarikat ini menjalankan perniagaan berkaitan sumber tenaga seperti elektrik, gas asli dan sebagainya. Pada akhir 2001, syarikat Enron telah mengalami kebankrapan akibat suasana ekonomi Amerika ketika itu. Ramai percaya kebankrapan ini sengaja dirancang bagi menampung kos dana peperangan Amerika-Iraq pada 20 Mac 2003.

(Gambar 1) Saintis komputer Amerika, *Marc Andressen* dengan gaya tangan piramidnya adalah individu pertama yang mencipta *Web Browser* dengan menggunakan program ciptaannya sendiri yang dipanggil *Mosaic*. Kemunculan Marc di akhbar dengan gaya tangan tersebut sudah pasti mengundang pelbagai persoalan. Adakah dia berkerja untuk sesuatu pertubuhan rahsia?

(Gambar 2) *Andrew Grove* atau nama sebenarnya *Grof Andras Istvan* adalah usahawan komputer yang sangat berjaya dan pernah bekerja dengan syarikat Yahudi, *Intel Corporation*. Grove yang juga berbangsa Yahudi dari negara Hungary pernah dianugerahkan gelaran *Man of the Year* oleh maja-lah TIME pada 1997. Grove adalah orang yang bertanggungjawab terhadap kejayaan besar syarikat Intel dalam pengeluaran cip pemprosesan komputer dewasa ini.

(Gambar 3) *Alice Cohn Ginott,* wanita Yahudi yang terkenal dengan kesanggupannya ditemuramah oleh *Dr. Kinsey* (Universiti Indiana) berkaitan kajian hal ehwal seksualiti wanita. Texe Marrs menggelarkan kajian pensyarah ini (Dr. Kinsey) sebagai kerja-kerja berunsurkan kesyaitanan yang melampau walaupun ia kelihatan bercorak akademik.

(Gambar 1) *Edwin W. Edwards* adalah gabenor di Louisania, Amerika. Beliau dan isterinya *Eline* pernah terlibat dalam skandal perdagangan berkaitan beras yang melibatkan seorang broker dari Korea Selatan yang bernama *Tongsun Park*. (Gambar 2) Salah satu papan iklan besar di Rusia memaparkan seorang ahli politik dengan gaya tangan simbol segitiga. Paparan wajah dan simbol tangan yang besar pada iklan besar itu sudah pasti membawa maksud yang terselindung untuk masyarakat Rusia dari segi politik.

(Gambar 3) *Vladimir Alexandrovich Kr*yuckov merupakan bekas setiausaha politik bagi Presiden Rusia, *Mikhail Gorbachev* pada 1980-an. Selain berkerja sebagai orang politik, Kryuckov juga berkhidmat sebagai seorang perisik bagi agensi risikan Rusia, KGB. Pada 1991, beliau disyaki terlibat di dalam komplot rahsia bagi menjatuhkan sendiri presidennya iaitu *Mikhail Gorbachev*.

(Gambar 4) Selain bertugas sebagai pensyarah undang-undang di Sekolah Undang-Undang Harvard, *Mary Ann Glindon* juga adalah wanita pertama yang dilantik sebagai presiden bagi *Akademi Sains Sosial Gereja Roman Katholik* pada 9 Mac 2004. Lantikan itu dibuat sendiri oleh *Pope*

John Paul II. (Gambar 5) Kelihatan *Pope John Paul II* mempamerkan simbol segitiga pada tangannya ketika lawatan ke Amerika. Di sebelahnya ialah Presiden *Ronald Reagan.*

Isyarat Tangan dan Amalan Masa Kini

Walaupun isyarat-isyarat yang ditunjukkan ini merupakan isyarat yang biasa dilakukan oleh masyarakat awam, ia bukanlah bermakna kita menjadi haram melakukannya. Ia kadang kala tidak boleh dinisbahkan pada sesetengah orang walaupun pemimpin politik atau pemimpin agama. Ia adalah isyarat yang sangat biasa sehingga kita sendiri juga sudah terbiasa melakukannya tanpa sebarang sebab.

Golongan Freemason atau Illuminati melakukan isyarat ini kemungkinan besar adalah atas sebab mewujudkan kaedah komunikasi tersembunyi dikalangan mereka sendiri dalam menyalurkan maklumat tertentu. Oleh itu, perbezaan latar belakang individu yang melakukan isyarat ini harus diambil kira kerana bukanlah semua orang menganggotai Freemason apatah lagi Illuminati.

Setakat ini tiada fatwa yang mengatakan isyarat amalan Freemason atau Illuminati diletakkan hukum haram penggunaannya. Sebagai umat Islam adalah lebih manfaat (bagi yang mengetahui) jika tidak diamalkan isyarat-isyarat ini kerana ia boleh menimbulkan syak yang sangat tinggi dikalangan masyarakat barat terhadap umat Islam khususnya pemimpin politik Muslim dan pemimpin agama.

Bab 8

Simbol Petir

Pengenalan

Simbol petir ini amat popular bagi suatu rancangan kartun era 1980 -an dahulu iaitu *The Flash* yang mana ia menunjukkan seorang lelaki yang boleh berlari sepantas kilat. Simbol ini juga menjadi suatu simbol yang sinonim dengan kanak-kanak apabila menonton siri tersebut kerana pada era tersebut, banyak baju-baju di pasaran yang dijual bercorak *'flash'*.

Memandangkan buku ini memfokus kepada persoalan simbol-simbol entiti Yahudi, maka simbol *Flash* (petir/kilat) yang diminati oleh kanak-kanak itu sebenarnya mempunyai rahsia tersendiri disebaliknya. Simbol ini mempunyai sejarah tertentu yang berkemungkinan membuatkan si pelukis kartun Flash mengambil inisiatif menggunakan simbol petir.

Kini kartun *The Flash* masih lagi ditayangkan di kaca TV dan mempengaruhi kanak-kanak yang menontonnya. Bagi ibu bapa yang kurang berpengetahuan, kemungkinan mereka berpendapat simbol itu hanyalah sekadar kartun tetapi bagi Yahudi, kartun mestilah berfungsi sebagai agen yang mampu menerapkan unsur-unsur keyahudian di dalam pemikiran kanak-kanak.



Dewa petir dalam mitos agama

Masyarakat zaman dahulu amat taksub akan keadaan sekeliling sehingga mereka memuja unsur-unsur tersebut dan menganggap ia sebagai tuhan. Mereka melebih-lebih dalam mengkagumi unsur alam sehingga mereka-reka cerita tentang pelbagai dewa-dewa yang wujud untuk setiap satu unsur. Manakala unsur alam yang dianggap mempunyai dewanya yang tersendiri ialah Dewa Petir.

Masyarakat zaman awal yang mempunyai mitos berkaitan petir ialah masyarakat Greek dengan *Dewa Zeus*, masyarakat Hindu dengan *Dewa Indra* dan masyarakat Norse dengan *Dewa Thor*.[1] Bagi masyarakat zaman *Norse* misalnya, Dewa Thor akan menggunakan tukul saktinya untuk berlawan dengan musuh. Apabila tukul itu dipukul pada musuh maka cahaya petir akan terpancar menandakan kehebatan kuasanya. Di dalam lukisan lama tahun 1872 karya *Mårten Eskil Winge* ditunjukkan bagaimana Dewa Thor melawan *Jotnar* (musuh) dengan menggunakan tukul saktinya.

Kartun 'The Flash'
Watak kartun ini dicipta oleh *Gardner Fox* dan *Harry Lampert* pada 1940-an. Watak *The Flash* menerima perubahan dalam rekaan dan setiap filemnya.[2] Filem-filem kartun terbaru yang kini ditayangkan Astro menampilkan *Flash* di dalam beberapa siri kartun seperti *Justice Society of America, Teen Titan* dan *Justice League*. Semenjak diperkenalkan pada 1940-an, *The Flash* telah menerima lima anugerah iaitu dua kali pada 1961, pada 1963, 1964 dan akhir sekali pada 2008.[3]

Di dalam Freemason, tukul Dewa Thor digunakan oleh *Master Mason* di dalam upacara penganugerahan darjah kepada ahli. Tukul yang dipegang oleh *Master Mason* kemungkinan memberi maksud tersirat yang tidak diketahui oleh orang awam oleh pencipta gerakan ini.



Ironiknya, pengaruh simbol tukul Yahudi ini juga merebak sehingga di Russia walaupun jarak Greek dan Russia terlalu jauh. Di Russia, parti komunis yang menguasai bumi itu telah menggunakan simbol tukul Dewa Thor dalam logo parti mereka. Jika diperhatikan, bendera *Soviet Union* juga mempunyai simbol tukul Dewa Thor ini yang sering kita andaikan mewakili golongan petani.

Pertubuhan Belia Hitler (Hitler's Youth Organization)

Simbol petir yang jelas juga boleh kelihatan pada bendera pertubuhan Belia Hitler di Jerman pada era 1920-an. Pertubuhan ini ditubuhkan pada 8 Mac 1922 dan merupakan salah satu cabang daripada Parti Nazi pimpinan *Adolf Alfred Hitler*.

Bendera-bendera 'Hitler Youth'

'Hitler Youth' ditubuhkan untuk tujuan mendidik semangat patriotik dikalangan remaja-remaja di Jerman khususnya dalam hal-hal keselamatan dan pertahanan negara. Kebanyakan ahli-ahlinya diambil dalam linkungan umur 14 hingga 18 tahun. Pada 1930, dianggarkan seramai 33,000 remaja telah menganggotai *Hitler Youth*.[4]

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh HY ini ialah menjalani latihan memadam kebakaran, rawatan kecemasan, mengurus bilik kawalan radio, perkhidmatan pos dan membantu pasukan penangkis kapal terbang.



Namun begitu, pada 1943, sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua, pemimpin Parti Nazi telah menukar corak akitiviti *Hitler Youth* kepada latihan ketenteraan yang sebenar. *Hitler Youth* dibentuk menjadi satu divisyen ketenteraan yang baru yang diberi nama *12th SS Panzer Division Hitlerjugend*. Menurut sejarah, divisyen ini berfungsi sebagai benteng terakhir yang akan mempertahankan kota Berlin ketika tercetusnya Perang Dunia Kedua.[5]

Sesetengah pendapat mengatakan *Adolf Hitler* sangat mengambil berat tentang *Hitler Youth* ini berbanding lain-lain perkara. Antara sebabnya ialah Hitler adalah seorang ahli politik berlatar belakang ketenteraan. Oleh itu, mendidik golongan muda agar menyokong perjuangan adalah penting kerana golongan inilah yang akan menjadi pelapis perjuangan Nazi apabila dewasa kelak.[6]



British Union of Fascist (BUF)

Selain negara Jerman, simbol petir juga merebak ke Britain dalam sebuah organisasi politik yang diberi nama *British Union of Fascist* (BUF). Parti berfahaman fasis ini ditubuhkan pada 1932 oleh *Sir Osweld Mosley* yang juga menteri kerajaan konservatif di Britain ketika itu. Dipercayai, *Mosley* mengambil idea pertubuhan ini berdasarkan parti fasis pimpinan diktator *Benito Mussolini* di Itali.[7]

Pada gambar di sebelah dapat dilihat *Sir Osweld Mosley* berdiri di hadapan sepanduk bendera partinya. Pengaruh simbol petir ini yang digunakan dalam parti politik menunjukkan bagaimana kekaguman terhadap mitos-mitos lama iaitu Dewa Thor amat mempengaruhi setiap masyarakat barat walaupun ia sekadar dongeng purba. Masyarakat barat mempunyai sifat taksub yang tinggi terhadap sesuatu perkara walaupun ia sekadar mitos. Ketaksuban mereka sentiasa ditonjolkan dalam pelbagai cara sama ada secara terang atau tersembunyi. Bendera BUF merupakan contoh terbaik pengaruh kesaktian Dewa Thor.

Filem Harry Potter dan pengaruh petir

Pengaruh petir Dewa Thor ini paling ketara boleh dilihat pada watak utama *Harry Potter* yang sangat popular di televisyen sekarang. Kebanyakan penonton tidak perasan akan simbol ini pada dahi *Harry Potter*. Tanda petir pada dahi *Harry Potter* hanya kelihatan jelas pada komik atau kartun animasinya yang dilakonkan oleh *Daniel Radcliffe*.

Tetapi ramai yang tidak mengetahui bahawa pelakon remaja popular sebenarnya berbangsa Yahudi sebelah ibunya iaitu *Marcia Jeannine Gresham*.[8] *Radcliffe* juga mengaku dirinya berfahaman *ateis* iaitu tidak mempunyai agama walaupun ibu bapanya beragama Kristian Protestan. Di dalam akhbar *The Guardian* bertarikh 4 Julai 2009, *Radcliffe* menegaskan, *"I'm very proud of being Jewish."*(saya berbangga menjadi Yahudi).[9]



Berbalik kepada simbol petir, adalah mustahil untuk meyakinkan penonton khususnya golongan ibu bapa yang membiarkan anak-anak mereka menonton filem kanak-kanak ini. Namun hakikatnya, berapa ramaikah ibu bapa yang perasan dan ambil peduli akan simbol petir yang ada pada dahi *Harry Potter*, apatah lagi untuk menyelidik maksud disebalik simbol tersebut. Simbol petir jelas digunakan pada gambar kartun animasi *Harry Potter* yang dijadikan muka depan majalah TIME keluaran 20 September 1999.



Dalam artikel yang ditulis oleh *Melvin Sickle* yang bertajuk *Beware of Harry Potter: A sneaky way to promote the occult*, beliau menegaskan filem *Harry Potter* merupakan salah satu cara untuk mendidik kanak-kanak mencintai dunia kesihiran dan ilmu hitam. Menurutnya, filem tersebut menunjukkan *Harry Potter* dan rakan-rakannya belajar ilmu sihir (Black Magic) di sebuah se-

kolah sihir yang terpencil dari orang ramai. Setiap hari pada semua kelas ditunjukkan Harry sentiasa berlatih menyebut mentera sihir bagi melaksanakan sesuatu keinginan.[10]

Di dalam artikel itu juga, *Melvin* melaporkan presiden *Italian International Association of Exorcists* (INAE) iaitu paderi *Gabriel Amoth* telah melarang para ibu bapa beragama Kristian dari membeli buku-buku cerita *Harry Potter* kepada anak-anak mereka. Menurutnya, cerita yang terkandung di dalam buku tersebut sarat dengan unsur-unsur kesyaitanan. Tambahnya lagi, tiada istilah ilmu hitam atau ilmu putih, semuanya adalah sama dan menjurus kepada pemujaan amalan syaitan.[11]

Penggabungan simbol petir yang ada pada dahi *Harry Potter* dan penyerapan unsur-unsur kesihiran di dalam jalan ceritanya sudah jelas menunjukkan bagaimana filem ini amat berbahaya kepada kanak-kanak.

Secara tidak langsung kita dapati pembikin filem *Harry Potter* cuba mempromosikan dua perkara kepada kanak-kanak iaitu simbol petir Dewa Thor dan juga pendidikan kesihiran.

Bayangkan jika anak anda (gambar) tiba-tiba melukis simbol petir pada dahi mereka untuk meniru gaya *Harry Potter*, adakah mereka sedar bahawa simbol yang dilukis itu adalah simbol Dewa Thor yang menjadi unsur pemujaan masyarakat *Nordic*. Kita bimbang jika tidak dicegah, ia akan mencetuskan minat anak-anak secara tidak sedar di dalam hal-hal ilmu hitam dan kesihiran.

Bukan sahaja simbol petir dan kesihiran yang cuba diterapkan bahkan logo sekolah sihir (gambar kiri) yang dihadiri oleh Harry juga mempunyai gambar Singa Judah. Penggunaan gambar Singa Judah pada logo sekolah *Hogwart* ini jelas membuktikan pembikin filem *Harry Potter* cuba menerapkan unsur-unsur keyahudian terhadap kanak-kanak disamping memperkenalkan pula ilmu kesihiran yang bertentangan dengan agama.

Bab 9

Simbol Helang

Pengenalan

Di Amerika Syarikat, burung helang merupakan maskot kebangsaan yang menjadi kebanggaan rakyat Amerika. Burung helang yang diadaptasi sebagai maskot di sana adalah burung helang jenis *Bald Eagle* atau nama sainsnya *Haliaeetus leucocephalus*. Habitat burung ini banyak dijumpai di kawasan Amerika Utara termasuklah di beberapa kawasan di Kanada dan Alaska.[1]

Persoalannya mengapa kerajaan Amerika menjadikan burung helang sebagai simbol kebangsaan? Adakah ia sekadar burung yang dilihat garang dan berani atau ia mempunyai maksud-maksud tersembunyi yang tidak diketahui orang ramai.

Kami ingin menegaskan bahawa simbol helang sebagai maskot adalah benar tetapi kebenaran itu berasaskan satu ciri-ciri tersembunyi yang dirahsiakan oleh pemimpin-pemimpin awal pentadbiran Amerika Syarikat. Kerahsiaan ini sudah pastilah mempunyai keberkaitan yang amat kukuh dengan pengaruh Yahudi Freemason dan Illuminati.

Helang Nazi Jerman

Walaupun Amerika menentang dasar sosialis, fasis dan komunis tetapi logo kebangsaan Amerika tetap mempunyai simbol yang sama dengan Parti Nazi di Jerman. Penggunaan simbol yang sama adalah disebabkan kedua-dua negara dikuasai oleh sekumpulan pemimpin yang terdiri dari ahli Freemason dan Illuminati.

Amerika

Nazi Jerman

Di Jerman, Parti Nazi merupakan parti yang mendominasi pemerintahan Jerman pada era sebelum demokrasi. Parti Nazi ini ditubuhkan pada 1919 dengan nama *The National Socialist German Workers' Party* . Pada 1920, nama parti ini ditukar kepada *German Worker's Party* selepas perbincangan berlaku di antara empat orang pemimpin utama iaitu *Anton Drexler, Gottfried Feder, Dietrich Eckart* dan *Karl Harrer*. Manakala nama *Nazi* pula adalah singkatan dari perkataan Jerman iaitu *Nationalsozialist* .[2]

Konflik Palsu Nazi Jerman dan Amerika

Menurut *Anthony C. Sutton*, penulis buku *"Wall Street and The Rise of Hitler*, konflik yang berlaku di antara kerajaan Amerika dan Nazi Jerman pimpinan *Adolf Hitler* pada era Perang Dunia Kedua adalah palsu semata-mata. Menurutnya, kerajaan Amerika melalui ahli-ahli ekonominya berkerjasama secara halus dengan orang-orang politik di Jerman disamping beberapa lagi jutawan-jutawan Yahudi untuk mewujudkan konflik palsu Jerman-Amerika. Matlamat konflik tersebut adalah memastikan Perang Dunia Kedua berlaku mengikut seperti yang dirancang.

Sutton mendedahkan antara syarikat-syarikat Amerika dan Jerman yang menyumbangkan peranan dan kewangan secara rahsia kepada projek Perang Dunia Kedua ketika itu ialah *Standard Oil, Ford Motor, Siemens, General Motor, Shell, Skoda Motor, National City Bank of New York, Bank of Manhattan, Osram, Firman Guaman JP Morgan* dan *Schneider-Creuzot Group*. Semua organisasi-organisasi ini dimiliki oleh orang-orang Yahudi.[3]

Helang berkepala dua Freemason

Simbol helang berkepala dua dengan jelas terdapat di dalam pertubuhan Freemason. Simbol yang dijadikan kalung bagi ahli-ahli Freemason ini adalah simbol bagi ahli yang berpangkat 32 darjah (32^0) atau yang bergelar *Sublime Prince of Royal Secret* atau *Master of Royal Secret*.

Texe Marrs melalui buku terkenalnya iaitu *Codex Magica* menghuraikan dengan jelas tentang persoalan burung dua kepala ini. Menurutnya, adakah logik seekor burung helang mempunyai dua kepala dengan satu badan? Hal demikian sudah pasti direka-reka oleh golongan Freemason bagi mewakili suatu maksud tersirat yang perlu diamalkan oleh ahli-ahli Mason.[4]

Marrs menegaskan ini adalah konsep 'tidak masuk akal' yang diamalkan oleh ahli-ahli Freemason atau Illuminati. Konsep tidak masuk akal ini ialah setiap ahli yang mendapat anugerah 32^0 haruslah berfikir di luar kotak pemikiran logik seperti satu tambah satu boleh menjadi sepuluh, setiap warna hitam itu ialah putih dan setiap buah epal adalah burung.

Jika ahli tersebut mampu berfikir pada tahap ini maka ia sudah keluar dari pemikiran orang biasa dan boleh juga melaksanakan tugas-tugas yang luar biasa. Menurut Marrs lagi, Illuminati-Freemason mempunyai konsep tersendiri dalam mendokong konsep *'tidak masuk akal'* ini. Mereka memegang konsep pemikiran sains yang gila dan tidak masuk akal.

Pada pandangan kami, dua kepala burung yang bersifat tidak masuk akal ini direka untuk memberitahu masyarakat bahawa ahli-ahli Freemason atau Illuminati sebenarnya mempunyai sifat tersembunyi lain yang sukar dikesan oleh orang awam melainkan mereka sendiri menyertai gerakan rahsia itu.

Menurut Texe Marrs lagi, seorang ahli Mason terkenal, *Manly P. Hall* yang bertaraf 33^0 telah menulis satu buku yang bertajuk *The Teaching of All Ages*. Di dalam buku tersebut, terdapat satu tajuk yang menerangkan tentang kehebatan helang dua kepala ini.[5]

Marrs juga berpendapat, konsep dua kepala burung helang ini telah pun terlaksana di Amerika apabila negara itu kini yang banyak dimonopoli oleh ahli-ahli Freemason telah mewujudkan corak demokrasi dua parti iaitu Parti Demokrat dan Parti Liberal. Kedua-dua parti ini walaupun

bersaing antara satu sama lain tetapi tetap dengan pendirian yang sama dan didalangi oleh Illuminati. Rakyat Amerika sekian lama tertipu dengan permainan dua kelompok ini di mana pemerintahan sentiasa bertukar dari Demokrat kepada Liberal kemudian sebaliknya. Tetapi hakikatnya rakyat Amerika tetap tertekan dengan dasar-dasar perang gila presiden mereka sejak sekian lama.

Dewa Kekayaan Mammon Ra

Di dalam amalan penyembahan masyarakat Mesir Purba dan Babilon, dewa *Mammon Ra* merupakan dewa yang memberikan kekayaan dan kemewahan kepada penyembah-penyembahnya.

Menurut kepercayaan masyarakat tersebut, dewa *Mammon Ra* ini adalah dewa kesyaitanan yang terbesar dan merupakan salah satu daripada empat putera syaitan dari neraka. *Mammon Ra* digunakan di dalam upacara mistik pengamal ajaran *Kabbalah* bagi mendapat kekayaan dan kemewahan.[6]

Pemujaan pelbagai dewa dikalangan pengikut Kabbalah adalah suatu kemestian bagi mereka. Pendewaan untuk mendapat kekayaan dan popularity berjaya menarik ramai selebriti-selebriti terkenal Hollywood agar menyertai Kabbalah.

Konsep Atas-Bawah Illuminati

Menurut Marrs, doktrin Atas-bawah adalah misi akhir bagi Illuminati dalam mencapai wawasan mereka. Doktrin Atas-bawah melambangkan tingkah laku; jika ingin memusnahkan bumi, rendahkan ketamadunan, selewengkan nilai-nilai kerohanian, huru-harakan dunia dan membawa masuk nilai-nilai kesyaitanan di dalam kehidupan masyarakat dunia.

Apabila kita melihat foto-foto atau gambar yang menunjukkan dua wajah seperti helang berkepala dua, ia adalah satu *signal* kepada kita daripada orang tersebut. Signal itu memberitahu ada tuhan tersembunyi yang disembah mereka dan perancangan rahsia yang sedang mereka usahakan selama ini bagi mempengaruhi masyarakat.

ATAS
Sifat luaran / tingkah laku zahiriah

BAWAH
Sifat sebenar / dalaman / rahsia / tersembunyi

Gambar di atas menunjukkan rajah *Head of Zohar* yang digunakan oleh Rabbi di dalam pengajaran Kabbalah. Manakala gambar di bawah ialah *Charles Moose* iaitu Ketua Polis Daerah Montgomery, Maryland. *Moose* menjadi popular kerana Berjaya menyelesaikan 1,000 kes dalam masa 22 hari. Menurut Texe Marrs, *Moose* juga disyaki sebagai boneka kepada sebuah pertubuhan Yahudi yang bernama *Anti-Defamation League* (ADL).[7] Lihat pada kedudukan tangan Moose, ia juga memperagakan simbol Freemason. (Rujuk bab 7).

ATAS
Sifat luaran / tingkah laku zahiriah

BAWAH
Sifat sebenar / dalaman / rahsia / tersembunyi

Selepas kejatuhan kerajaan monarki Rusia iaitu *Czar Nicholas II*, ketua revolusi ketika itu *Alexander Kerensky* telah menukar corak wang kertas Rusia dengan rekaan baru iaitu simbol helang berkepala dua. *Kerensky* juga seorang ahli Freemason. Selepas itu, pemerintahan kerajaan revolusi diserahkan pula kepada dua orang ahli Freemason yang berbangsa Yahudi iaitu Lenin dan Trotsky. *Kerensky* tidak lagi tinggal di Rusia, dia terbang ke Paris dan menyertai *Grand Orient Lodge* di sana.[9]

Simbol raja bermahkota di sebelah didapati daripada buku rujukan Freemason yang bertajuk *A Bridge to Light*, karangan seorang Mason iaitu *Rex Hutchens* yang juga ahli bertaraf *Grand Master 33 darjah*. Buku Hutchens ini membincangkan beberapa perkara di dalam buku *Moral and Dogma* karangan Jeneral *Albert Pike* seorang *Grand Master* Freemason.

Sebenarnya Freemason tidak mempunyai buku khusus sebagai rujukan tetapi setelah *Jeneral Albert Pike* menyertai Freemason, beliau telah menulis buku khusus yang menceritakan tentang Freemason. Buku tersebut diberi nama *Moral and Dogma* dan diterbitkan pada 1872. Walaupun buku itu tidak dinyatakan ditulis untuk tujuan rujukan ahli-ahli Mason tetapi semenjak terbitnya buku tersebut, pihak kepimpinan Freemason seluruh dunia terus menggunakan *Moral and Dogma* sebagai salah satu kitab rujukan utama. Segala maklumat tentang latar belakang Freemason dan pelbagai upacara amalan pertubuhan itu diterang dengan jelas oleh Albert Pike bersama dengan sebab musabab sesuatu ritual itu dilakukan.

Di dalam *Moral and Dogma*, Pike juga menyebut tentang keperluan seseorang Mason itu menghormati *Sabbath* (Sabtu), memuliakan *Baphomet* (rujuk bab 4), tuhan *Goat of Mendes*. Kesemuan ini mempunyai kaitan secara langsung dengan ritual ajaran Kabbalah dan Bintang Nabi Daud.



Kesan Pengamalan Helang Berkepala Dua

Kesan pengamalan konsep helang berkepala dua ini paling jelas dilihat pada kerajaan Amerika Syarikat. Semenjak tercetusnya perang dunia kedua, kuasa besar Amerika telah mula dilihat mempromosikan pengaruhnya di serata dunia melalui campur tangan-campur tangan secara paksa dan propaganda pengusaha-pengusaha filem Hollywood.

Pada 1945, Amerika Syarikat dengan nada baiknya di bawah Presiden *Franklin Roosevelt* telah menyeru akan perlunya satu pertubuhan yang menyatukan semua negara-negara dunia di bawah satu bumbung agar persengketaan dapat dibendung.

Tetapi hakikatnya pada 1948, Majlis Keselamatan PBB bersama duta-duta asing di Palestin telah membantu pertubuhan Zionis Antarabangsa mencuri hak penempatan tanah Palestin dan seterusnya menubuhkan sebuah negara haram yang bernama Israel. Dalam erti kata lain, dalam masa kurang tiga tahun sahaja selepas penubuhan PBB, kapitalis Zionis sudah mula bernyawa dan berjaya mengembangkan sayap perjuangan mereka hasil bantuan PBB.

Konsep perjuangan PBB yang bertentangan dengan polisi-polisi moral yang sepatutnya diutamakan ini amat bersesuaian dengan konsep Atas Bawah yang diamalkan oleh kelompok Illuminati dan Freemason ini. PBB bolehlah di anggap konsep Zahiriah (atas) manakala perjuangan untuk menyelamatkan Yahudi adalah konsep tersembunyinya (bawah).

Bab 10

Simbol Antichrist



Apakah itu Antichrist?

Simbol yang digunakan untuk melambangkan *Antichrist* ialah sejenis salib yang diterbalikkan. Menterbalikkan salib bermakna mempamerkan tanda protes atau penentangan secara total terhadap ajaran Kristian kepada pengguna simbol ini.

Perkataan Antichrist adalah gelaran dalam bahasa Inggeris yang diberikan oleh masyarakat Kristian terhadap Dajjal. Menurut kepercayaan penganut Kristian, Antichrist merujuk kepada seorang lelaki berketurunan Yahudi yang akan muncul dikalangan bangsa tersebut dengan tujuan memusnahkan bangsa-bangsa lain di dunia.

Ramai masyarakat Kristian sekarang mengakui bahawa Antichrist adalah individu yang sama seperti yang juga dipercayai oleh semua umat Islam. Cuma ianya berbeza dari segi gelaran, di mana masyarakat Kristian menggelarnya Antichrist manakala umat Islam menggelarnya Dajjal.

Perkataan Dajjal mula dikenali oleh umat Islam apabila baginda Rasulullah SAW mendedahkan nama tersebut di dalam hadith-hadithnya yang sahih. Menurut Rasulullah SAW, setiap Nabi sejak dari Nabi Adam a.s. tidak pernah terlepas dari mengingatkan umat mereka tentang bahayanya fitnah Dajjal atau Antichrist.

Namun begitu, perkataan Antichrist tidak popular di kalangan umat Islam di Malaysia ini khususnya golongan ibu bapa. Kami percaya masih ramai ibu bapa, guru dan kebanyakan orang dewasa tidak mengetahui tentang perkataan Antichrist apatah lagi maksud disebalik simbol salib terbalik itu.

Takrifan tentang Antichrist

Takrifan Antichrist seperti yang disebutkan tadi adalah takrifan berdasarkan perkembangan pemahaman umat Kristian sekarang jika dilihat kepada buku-buku dan artikel-artikel tulisan mereka.

Namun demikian, takrifan Antichrist digambarkan dalam keadaan yang berbeza jika dirujuk kepada kamus Injil. Menurut kamus Injil, Antichrist merujuk kepada orang, pejabat atau perkumpulan orang (organisasi) yang menentang ajaran-ajaran *Jesus Christ* (Nabi Isa).

Perkataan Antichrist sebenarnya berasal dari perkataan Greek iaitu *Anti* dan *Christos*. Selain itu, penganut Krisitan juga menggelar Antichrist atau Dajjal ini dengan beberapa perkataan lain seperti *False Messiah*, *Beast 666* dan *Anti Christ-Dajjal*.[1]

Bagi masyarakat Yahudi, penyelamat yang ditunggu-tunggu mereka diberi gelaran *Messiah* dalam bahasa Hebrew. Messiah di dalam Bahasa Arab bermakna al-masih. Ahli sejarah mentafsirkan bahawa Messiah Yahudi merujuk kepada *Raja Israel* yang bakal muncul di muka bumi untuk menyelamatkan umat Yahudi.

Manakala seluruh umat Islam dan Kristian sependapat bahawa Messiah Yahudi adalah Dajjal (Antichrist) yang sering disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam hadith-hadith sahihnya.

Pengaruh Perkataan Dajjal Dalam Masyarakat Kristian

Sejak tercetusnya kejadian keruntuhan *World Trade Centre* (WTC) pada ***11 September 2001***, fakta-fakta dalam Al-Quran dan al-Hadith mula dipelajari dan diselidiki oleh kebanyakan cerdik pandai masyarakat barat.

Antara golongan yang paling aktif mengkaji ialah pelajar universiti, pensyarah dan wartawan-wartawan.

Bermula dari situ, perkataan Dajjal mula dikenali dan kini ianya tersebar luas dan ditulis pula di dalam buku-buku atau artikel-artikel yang diterbitkan. Masyarakat barat khususnya beragama Kristian mula melihat akan kehebatan Islam dalam menerangkan kejadian-kejadian masa depan. Oleh itu, jika anda terjumpa mana-mana orang putih di Malaysia dan cuba memanggil mereka Dajjal, hati-hatilah kerana kemungkinan besar mereka faham maksud perkataan itu.

Syarikat *EnigmaTV* di Amerika yang mengkhusus dalam menerbitkan filem-filem konspirasi Yahudi juga sudah menggunakan perkataan "Dajjal" dalam filem-filem mereka. Antara filem mereka yang paling popular ialah *The Antichrist Conspiracy*.

Di mana simbol Antichrist ini boleh dilihat?

Simbol salib terbalik ini tidak popular dikalangan orang-orang dewasa khususnya ibu bapa, guru dan orang-orang tua di kampung. Tetapi jangan pula kita terkejut, kemungkinan besar anak-anak kita mengetahui tentang dan pernah terjumpa dengan simbol Antichrist ini.

Kebanyakan remaja sekarang pernah melihat simbol ini dan mengetahui juga nama simbol ini. Cuma apa yang mungkin membezakan mereka dengan orang lain ialah mereka tidak mengetahui asal-usul simbol Antichrist ini.

Sekali lagi kami ingin mengulangi persoalan di atas, *di mana simbol Antichrist ini boleh dilihat?* Jika di Malaysia, simbol ini biasanya di bawa oleh kumpulan-kumpulan muzik rock jenis Black Metal, Death Metal, Skinhead dan Punk.

Sebahagian anak-anak muda yang bermain muzik di Malaysia bukan sahaja meniru rentak lagu dan gaya pakaian golongan muzik ganas ini. Malah mereka juga meniru sebarang simbol-simbol yang dilukiskan oleh pemuzik-pemuzik barat. Tetapi hakikatnya mereka kurang mengetahui bahawa irama muzik barat ini kebanyakannya dipelopori oleh golongan Yahudi misalnya irama muzik Punk.

Tidak ketahui apa yang menyebabkan anak-anak muda begitu fanatik tentang hal ehwal budaya barat ini. Menurut *Prof Diraja Ungku Aziz*, kebanyakan remaja di negara ini mengalami krisis identiti yang menyebabkan golongan ini tidak tahu membuat sesuatu keputusan dengan tepat.

Salah faham penggunaan simbol Antichrist dikalangan umat Islam

Kebanyakan anak-anak muda yang cetek pengetahuan agama amat berbangga memakai simbol salib terbalik (Antichrist) ini. Mereka menyangka maksud Antichrist yang digelarkan pada simbol ini ialah Anti-Kristian pada makna zahiriah tetapi sebenarnya mereka tersilap. Walaupun ia bermaksud menentang Kristian tetapi ungkapan perkataan Antichrist bagi masyarakat Kristian merujuk kepada Dajjal atau Raja Israel.

Muzik Punk Berasal Dari Yahudi



PUNK mula diperkenalkan sejak 1976 di Amerika, Britain dan Australia. Ketika itu kebanyakan pemuzik jenis punk melakukan sendiri pembikinan album mereka bermula dari penciptaan lagu, rakaman, hinggalah kepada percetakan album.

Antara kumpulan yang dikatakan pengasas PUNK ialah *Ramones*. Kumpulan yang berasal dari Amerika ini diasaskan oleh pemain drumnya iaitu *Tommy Ramones*. Kejayaan kumpulan Ramones pada eranya lebih menonjol walaupun ketika itu diasak oleh kepopularan band-band lain seperti *Sex Pistol* dan *The Clash*.

PUNK dikatakan berasal dari Yahudi kerana pengasas kumpulan muzik *The Ramones* iaitu *Tommy Ramones* adalah keturunan Yahudi yang berhijrah dari Budapest, Hungary. Tommy bukan sahaja seorang Yahudi tetapi kini aktif dalam aktiviti-aktiviti komuniti Yahudi seperti *YIVO Institute for Jewish Research* di Manhattan, Amerika. Penglibatan *Tommy* di dalam YIVO sedikit sebanyak mendedahkan kepada peminat-peminatnya sejauh mana sifat pro-yahudinya.

Selain *Tommy Ramones*, antara pelopor PUNK era 1970-an yang lain ialah *Lenny Kaye* yang dahulunya gitaris kepada kumpulan *Patti Smith Group*. Kini lagenda-lagenda PUNK era 1970-an bukan lagi bermuzik seperti lagenda-lagenda pemuzik di Malaysia, mereka bersatu di bawah YIVO Institute dan berbincang tentang hal ehwal politik dan halatuju muzik PUNK mereka.

Menurut akhbar Israel, Haaretz pada 21 Julai 2009, satu forum yang dianjurkan oleh YIVO telah membincangkan akan isu-isu berkaitan PUNK. Antara perbincangan yang hangat ialah berapa banyak pengaruh budaya Yahudi di dalam muzik PUNK. Forum itu dipengerusikan sendiri oleh *Lenny Kaye* manakala ahli-ahli panelnya ialah bekas-bekas pemuzik PUNK era 1970-an seperti *Tommy Ramones, Chris Stein* dan *Manitoba*. Selain persoalan masa depan Punk, forum tersebut juga membincangkan berkenaan satu artikel *Steeven Lee Beeber* yang bertajuk *"The Heebie-Jeebies at CBGB's: A Secret History of Jewish Punk"*.[2]

Amatlah malang bagi golongan muda yang memakainya tanpa sebarang ilmu pengetahuan. Apabila memakai simbol Antichrist, mereka sering menganggap diri mereka sudah cukup sifat sebagai pembela Islam dan menghina umat Kristian tetapi mereka sebenarnya telah menghina diri sendiri tanpa disedari.

Perkataan Antichrist sebenarnya diambil dari manuskrip-manuskrip kitab Injil berupa surat-surat yang ditulis *Yohanes* (Nabi Yahya). Perkataan Antichrist juga tidak disebut secara jelas dalam keempat-empat kitab Injil Kristian sekarang iaitu Matthew, John, Luke dan Mark.

Namun begitu, mengikut pentafsir-pentafsir kitab Injil, beberapa perkataan yang disebut di dalam keempat-empat Injil muktabar bagi Kristian itu merujuk dengan jelas kepada makhluk bernama Antichrist (Dajjal) tetapi menggunakan perkataan-perkataan lain yang sama maksud seperti *Man of Sin, Little horn* atau *false messiah*.[3]

Simbol Antichrist pada program Windows

Simbol Antichrist juga amat jelas pada beberapa program keluaran syarikat *Microsoft Corporation* iaitu *Microsoft Office*. Kemungkinan kita tidak menyedari bahawa perisian-perisian pengurusan pejabat yang selalu kita gunakan telah diletakkan simbol Antichrist oleh pengeluar perisian tersebut.

Perisian pejabat pertama yang boleh kita jumpai simbol Antichrist ialah pada *Microsoft Office Powerpoint*. Pada program *Powerpoint* ini, pengguna akan dapat melihat simbol Antichrist pada 'anak panah' (cursor) tetikus yang digunakan untuk klik pada mana-mana butang (button). Cursor hanya akan bertukar jika pengguna memilih menu *text box* pada bahagian atas tetingkap (windows).



Cursor yang digerakkan oleh pengguna tidak akan bertukar kepada simbol Antichrist melainkan pengguna memilih *text box*. Apabila simbol ini bertukar maka pengguna menentukan tempat dan saiz *text box* yang ingin dilakarkan di atas *slide document* (lihat rajah sebelah). Setelah ditentukan tempat dan saiz *text box*.



Rajah di sebelah adalah menu *text box (bersimbol abjad A)* pada program *Microsoft Office Powerpoint* versi 2007. Simbol ini kemungkinan juga didapati pada Powerpoint versi tahun-tahun sebelum ini. Kami tidak pasti apakah motif syarikat Microsoft menggunakan simbol Antichrist pada menu text box. Banyak lagi simbol-simbol lain yang boleh digunakan malah menu-menu lain tidak pula diletakkan simbol Antichrist ini.

Apa yang boleh diyakini tentang penggunaan simbol ini ialah mengenai Microsoft sendiri. Syarikat ini adalah antara berpuluh-puluh syarikat yang menyumbang dana kepada kerajaan Israel. Microsoft juga tersenarai di dalam syarikat-syarikat yang perlu diboikot oleh umat Islam semasa kempen perang Israel-Palestin Disember 2008.

Simbol Antichrist pada kerusi Pope John Paul II

Sesuatu yang paling mengejutkan semua pihak khususnya penyelidik konspirasi adalah berkenaan simbol Antichrist yang jelas terpampang pada kerusi *Pope John Paul II* ketika beliau melakukan lawatan ke Israel.



Pada 25 Mac 2000, sebuah artikel bertajuk *"80,000 hear sermon of the mount"* dari akhbar *Telegraph* menunjukkan acara lawatan Pope John Paul II di sebuah daerah berhampiran Laut Mati di Israel. Pada laporan tersebut, terdapat gambar-gambar Pope John Paul II yang duduk di atas kerusi bersimbol Antichrist.[4]

Artikel yang ditulis oleh *Allan Phillips* itu menjadi berita utama laman-laman web konspirasi. Ini kerana Pope sebagai ketua paderi tertinggi di dalam agama Kristian telah duduk di atas kerusi yang jelas mempunyai simbol penentangan terhadap agama Kristian.

Adalah sesuatu yang mustahil Pope tidak menyedari simbol tersebut dan mana mungkin dia tidak mengetahui maksud sebenar simbol Antichrist. Malah, paderi-paderi di kiri kanannya juga langsung tidak mengendahkan simbol tersebut. Situasi ini menunjukkan gereja besar Vatican juga boleh diandaikan menerima pengaruh Yahudi Zionis sejak dahulu lagi



tanpa disedari umat Kristian. Kemuncak pendedahan tersebut adalah lawatan yang dilakukan oleh *Pope John Paul II* di Israel.

Isu pengaruh Yahudi ke atas Vatican bukanlah suatu perkara baru dan kebetulan. Mereka sememangnya telah lama merancang untuk menghancurkan Kristian khususnya dengan cara mewujudkan penghinaan ke atas gereja melalui propaganda perfileman, media dan teater.

Malah pusat agama Katholik iaitu Vatican sendiri secara rasminya boleh dikatakan telah jatuh ke tangan golongan Yahudi walaupun terdapat sebahagian ahli akademik mempertikaikan kenyataan itu. Antara individu yang lantang meyakinkan masyarakat bahawa Gereja Vatican dikuasai Yahudi ialah *Grey Szymanski, Sherman Skolnick* dan *Eric Jon Phelps*.

Ketiga-tiga mereka mengeluarkan kenyataan bahawa kebanyakan korupsi dan komplot yang berlaku di dunia adalah hasil perancangan jahat Pope dan gereja-gereja Katholik. Manakala individu yang bertanggungjawab di Vatican dan dianggap perancang utama di dalam segala macam komplot ialah **Black Pope** iaitu gelaran kepada seorang paderi lain yang memegang jawatan tertinggi dalam kumpulan *Jesuit*. Menurut *Skolnick*, Vatican merupakan organisasi yang mempunyai hubungkait secara langsung dengan sebuah pertubuhan NGO Yahudi iaitu *Council on Foreign Relation* (CFR) dari aspek kepimpinan CFR.

Bandar Vatican dan Pope.

Di dalam institusi keagamaan Kristian mazhab Katolik, gereja terbesar mazhab ini terletak di Bandar Vatican, Itali. Ia merupakan tempat suci bagi masyarakat Kristian Katholik dari seluruh dunia. Pemimpin agama tertinggi di dalam gereja ini digelar Pope. Istilah Pope adalah perkataan Latin yang bermaksud *Father* atau Bapa bagi seluruh masyarakat Kristian.[5] Sejarah yang tidak dapat dilupakan oleh masyarakat dunia tentang gereja Vatican ialah ketika perlantikan John Paul Pope 1 atau nama sebenarnya Albino Luciani. John Paul 1 yang dilantika pada 26 Ogos 1978 hanya sempat memegang jawatan Pope selama sebulan sahaja. Beliau telah ditemui mati bersendirian pada 28 September 1978 di pejabatnya. Menurut bedah siasat, John Paul 1 mati akibat serangan jantung tetapi menurut kebanyakan pemerhati, beliau dibunuh kerana cuba menyiasat penyelewengan wang Gereja Vatican. Paderi-paderi yang menyeleweng itu pula dipercayai ahli Freemason.[6]





Pope John Paul 1

Pengaruh Yahudi ke atas gereja Vatican juga dapat dibuktikan apabila kita meneliti logo rasmi Gereja Vatican yang digunakan oleh *Pope John Paul 1*. seperti kebiasaannya setiap Pope akan memiliki logo rasminya sendiri dan jika dilihat pada logo rasmi untuk *Pope John Paul 1* (atas) maka terdapat gambar singa Judah dan bintang di atasnya. Manakala pengaruh Freemason ke atas kebanyakan gereja Katholik adalah perkara yang tidak dapat disangkal lagi kerana ianya telah pun didedahkan oleh sebuah akhbar Perancis pada tahun 1970-an dahulu.

Rahsia Simbol PEACE

Simbol PEACE seperti gambar sebelah adalah simbol paling popular dikalangan artis-artis rock dan juga peminat-peminat irama muzik ini. Simbol ini sudah amat sinonim dengan imej rockers (pengamal muzik

Pengaruh Freemason di dalam Gereja Besar Katolik

Pada Julai 1976, sebuah akhbar Perancis iaitu *Bulletin de l'Occident Chrétien* telah mendedahkan senarai seramai 116 paderi-paderi tertinggi di seluruh Eropah yang dipercayai menjadi ahli Freemason secara rahsia. Hampir 90 peratus mereka adalah berpangkat *Bishop* dan *Archbishop*. Salah seorang mereka iaitu *Paderi Jean-Marie Villot* adalah ketua gereja tertinggi Katolik di Perancis dan beliau sendiri disyaki terlibat di dalam konspirasi pembunuhan **Pope John Paul 1** (Albino Lucianni). Paderi Villot adalah ahli Freemason yang menggunakan nama kod Freemason sebagai 'Jeanni'. Paderi *Jean-Marie Villot* juga dipercayai menganggotai pertubuhan Yahudi itu pada 6 Ogos 1966 di Bandar Zurich, Switzerland.[7]

rock). Pada era 1980-an dahulu di Malaysia, pengaruh muzik ini menjadi kegilaan golongan muda dalam melayan irama rock yang juga digelar rock kapak atau Rock N Roll.

Simbol PEACE juga biasanya akan dibuat oleh pelaku dalam bentuk isyarat tangan. Isyarat ini biasanya dilakukan dengan menggenggam ibu jari, jari manis dan jari kelengkeng manakala jari telunjuk dan jari tengah dinaikkan ke atas yang akan membentuk simbol dua. Isyarat sebegini menjadi kebiasaan bagi kebanyakan orang awam setiap kali bergambar dengan tujuan melahirkan ungkapan PEACE (kedamaian).



Dalam perbahasan isu konspirasi, kebanyakan pengkaji bersetuju tanda dua (2) yang ditunjukkan dengan jari telunjuk dan jari tengah itu lebih kepada mempamerkan simbol abjad 'V'. Simbol 'V' pula adalah lambang kepada angka lima (5) di dalam kaedah huruf Roman.

Pengasas Illuminati iaitu *Prof. Adam Weishaupt* menggunakan simbol di dalam salah satu doktrin gerakannya yang diberi nama *Law of Fives* (Hukum Lima). Jadi, penggunaan simbol ini oleh kelompok-kelompok Zionis tertentu bukanlah merujuk kepada maksud 'Perdamaian' tetapi memberitahu bahawa mereka berpegang kepada *Law of Fives*. (gambar bawah)

Jika dilihat pada tulisan Yahudi, huruf V (Van) bermaksud 'Nail' (Kuku). *The Nail* adalah salah satu tanda rahsia Syaitan yang digunakan dalam upacara penyembahan berhala. Salah seorang pengamal ajaran kesyaitanan, *Anton Lavey*, pengasas *Church of Satan* (Gereja Syaitan), telah menggunakan simbol PEACE ini sebagai latar belakang mimbar upacara penyembahannya.

Selain itu, terdapat juga pendapat bahawa simbol PEACE adalah simbol kumpulan Yahudi yang anti Kristian (Antichrist). Kelompok ini dikatakan menterbalikkan salib ke bawah dan membengkokkan cabang kiri dan kanan ke arah bawah (lihat gambar). Perubahan pada salib ini akan menampakkan seperti lambing PEACE.

Manakala tiga palang yang menghala ke bawah itu diandaikan-membawa tiga jenis maksud iaitu *Past* (Palang kanan), *Present* (Palang tengah) dan *Future* (Palang kiri). Pendapat ini kemungkinan adalah konsep-konsep pelbagai kefahaman gerakan anti agama Kristian yang berbeza.



Simbol Pope pada permainan catur

Kebiasaan kita orang Islam apabila membeli permainan catur, kita akan mematahkan simbol salib pada buah *'King'*. simbol ini dipatahkan dengan tujuan tidak mahu menampakkan imej Kristian pada permainan tersebut.

Namun ada satu lagi buah catur yang perlu dipatahkan oleh kita sebelum bermain iaitu buah 'Bishop'. Di dalam permainan catur, buah Bishop hanya boleh bergerak secara 45^0 dari kedudukannya. Walaupun ia boleh ke atas dan ke bawah tetapi pergerakannya mestilah pada kadar 45^0 dari tempat asal. Buah Bishop juga merupakan buah yang terletak setaraf dengan *King* dan *Queen* pada bahagian bawah sekali dan jika pemainnya seorang yang mahir, ia mampu menjadi perangkap kepada *King* bagi melakukan *Checkmate*.

Simbol Pope (gambar bawah) boleh kelihatan pada buah Bishop jika dilihat pada bahagian kepalanya atau atasnya. Bahagian kepala buah Bishop itu sebenarnya adalah topi yang dipakai oleh Pope ketika upacara-upacara keagamaan Kristian. Di dalam agama Kristian Katholik, topi yang digunakan Pope itu dipanggil *Papal Tiara*. Antara nama-nama lain bagi *Papal Tiara* ialah *Mitre, Triple Tiara, Triregnum* (bahasa Latin) atau *Triregno* (bahasa Itali).[8]

Walaupun begitu, penggunaan simbol-simbol catur yang menyerupai unsur Kristian oleh umat Islam tidaklah sampai ke tahap jatuh aqidah. Mematah-matahkan unsur Kristian pada buah catur adalah usaha menampilkan sifat sensitif umat Islam terhadap persekitaran sosial.

Simbol Antichrist dan Persoalan Aqidah Remaja Kini

Kebanyakan simbol-simbol Antichrist dipakai oleh golongan remaja yang mentaksubi irama-irama muzik Punk, Skinhead, Black Metal, Heavy Metal dan seangkatan dengannya. Simbol Antichrist dipakai secara meluas melalui peminat-peminat muzik kerana mereka mengikuti apa yang diperagakan oleh artis-artis kesayangan mereka.

Tanpa berfikir panjang dan mengetahui latar belakang simbol ini, ia seolah-olah sudah menjadi satu imej yang standard dan amat membanggakan kepada si pemakainya. Amatlah mendukacitakan kerana pemakaian tersebut boleh menyebabkan seseorang itu jatuh kepada sifat yang membelakangkan aqidah Islam dan mengagungkan aqidah kafir.

Ibu bapa yang kurang prihatin kebiasaannya selalu tertipu dengan karenah anak-anak sebegini. Mereka selalu memujuk diri sendiri dengan menganggap ia sekadar muzik dan mungkin minat terhadap muzik itu akan hilang ditelan umur yang semakin meningkat. Pandangan itu sangat salah dan boleh menyebabkan seseorang anak kufur aqidah sepanjang hayat.

Seseorang yang melakukan sesuatu yang boleh menjatuhkan aqidahnya seharusnya ia mengucap semula dua kalimah syahadah sebagai memperbaharui aqidah yang telah lama rosak. Sekiranya si anak telah berubah tetapi tidak sedar bahawa perbuatannya suatu masa dahulu telah menyebabkan ia jatuh aqidah maka kefasikan itu berterusan sehinggalah akhir hayat.

Ia bukanlah persoalan 'tidak apa' atau tabii remaja tetapi ia persoalan aqidah yang sentiasa diperingatkan Rasulullah SAW tentang bahaya mengabaikannya. Sekiranya persoalan aqidah bukan perkara berat maka tidaklah sampai Rasulullah SAW memberikan sabda demikian;

"Perbaharuilah iman kamu; para sahabat bertanya : Bagaimana caranya memperbaharui iman kami? Jawab Rasulullah, "perbanyakkanlah membaca Laailahaillallah."

Bab 11
Simbol Nazi

Pengenalan

Semua orang mengenali perkataan NAZI dan semua orang juga tahu apa itu NAZI. Orang ramai sudah biasa dengan perkataan ini malah apabila menyebutnya pastinya teringatkan negara Jerman dan pemimpin diktatornya iaitu *Adolf Hitler*.

Di Jerman, perkataan Nazi merupakan panggilan akronim bagi *Nationalsozialismus* atau Nasional Sosialis yang merupakan fahaman parti politik *National Socialist German Worker Party (NSGWP)* pimpinan *Adolf Alfred Hitler*. Sehingga sekarang, parti pimpinan Hitler ini disebut sebagai Nazi yang melambangkan kegemilangan zaman pemerintahan diktator itu.[1]

Namun amat menghairankan, simbol yang sinonim dengan Hitler ini merebak ke seluruh dunia dengan pantas. Terdapat pula sebilangan masyarakat yang mengagung-agungkan simbol ini dan dilekatkan pada pakaian. Tindakan seperti ini kebiasaannya dilakukan oleh golongan anak-anak muda yang mentaksubi dunia muzik Punk, Skinhead, Rock, Alternatif Rock dan seangakatan dengannya.

Teori Asal Usul Perkataan NAZI

Walaupun perkataan NAZI adalah jelas akronim (kependekan) kepada perkataan *Nationalsozialismus,* namun masih ada pendapat-pendapat lain bahawa Nazi itu diadaptasi dari sumber-sumber yang berlatarkan identiti Yahudi. Menurut sesetengah pendapat, perkataan NAZI yang diguna pakai parti NAZI Jerman adalah diambil dari suatu perkataan purba yang merujuk kepada sebuah suku Yahudi iaitu *Ashkenazi.*

Menurut pendapat tersebut, perkataan NAZI diambil dari 4 huruf di hujung perkataan Ashkenazi. Perkataan ini dipercayai dikeluarkan oleh 'seseorang' dan dibangunkan input-inputnya sehingga menjadi suatu bentuk ideologi yang *ekstrem* walaupun ia hanyalah singkatan nama bagi sebuah pertubuhan politik di Jerman.

ASHKENAZI = ASHKE + NAZI

Apa itu Ashkenazi?

Menurut *Wessthea* iaitu Pengarah *Black Solidarity* Terdapat dua kontradiksi di sini membabitkan asal-usulnya. Fakta sejarah dari karangan sarjana Oxford dan juga PBB sendiri mengiktiraf *Ashkenazi* sebagai salah satu suku dari bangsa Yahudi Kuno.

Manakala para ilmuan sejarah era moden sekarang tidak mengiktiraf dan tidak mengesahkan fakta tersebut kerana fakta menyatakan Ashkenazi adalah seorang lelaki yang bukan dari keturunan Nabi Ibrahim tetapi dia adalah berasal dari keturunan *Yafith* anak Nabi Nuh a.s.

Perkara ini didedahkan sendiri oleh *Dr. Arthur Koestler* di dalam bukunya yang bertajuk *The Thirteen Tribe.* Pendedahan Koestler menarik perhatian ramai pakar-pakar sejarah kerana beliau sendiri adalah berketurunan Ashkenazi maka sudah pasti pertikaiannya terhadap bangsanya sendiri menjadi perhatian masyarakat antarabangsa. Secara faktanya juga Ashkenazi bukanlah golongan Sematik dan Hematik, Arab atau Parsi tetapi dari Eropah iaitu Jerman.[2]

Menurut *Gregory Cochran, Jason Hardy, Henry Harpending* dalam kajian mereka yang bertajuk *National History of Ashkenazi Intelligence,* mereka mendapati Yahudi suku Ashkenazi adalah yang terbijak di dunia. Kajian yang diterbitkan dalam *Jurnal Biososial Sains* pada bulan Jun 2005 menyebut bahawa 27% pemenang hadiah Nobel peringkat antarabangsa adalah dari kalangan Yahudi Ashkenazi.[3]

Setakat ini, masih tiada sesiapa mempertikaikan fakta kajian ini walaupun dari pakar-pakar penyelidik konspirasi Yahudi sendiri. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa kebanyakan cerdik-pandai di Eropah dan Amerika adalah berketurunan Yahudi Ashkenazi misalnya *Albert Eistein, Sigmund Freud, Benjamin Franklin, Adolf Hitler, Karl Marx* dan sebagainya.

Pembentukan simbol Nazi

Simbol NAZI jika dilihat betul-betul, ia seperti kipas yang dibengkokkan di setiap hujungnya. Namun sebenarnya ia adalah hasil gabungan dua huruf dari perkataan Nazi iaitu N dan Z.

Huruf N jika diterbalikkan akan kelihatan seperti Z dan begitu juga sebaliknya. Huruf **'N'** diambil daripada suku kata **'NA'** manakala huruf **'Z'** diambil dari suku kata **'ZI'**. Gabungan kedua-dua huruf ini akan membentuk suatu simbol seperti kipas yang bengkok jika ia diletak secara bertindanan antara satu sama lain.

Selain teori di atas, terdapat juga sebahagian pendapat mengatakan simbol NAZI itu berasal daripada salib yang dipatah-patahkan hujungnya. Kemudian terbentuklah suatu simbol yang seperti mana yang digunakan sekarang ini.

Karl Marx (1818-1883)



Beliau merupakan pengasas kepada ideologi ekstrem Komunis. Marx dilahirkan di dalam keluarga orang berada di Taier, Jerman. Kedua-dua ibu bapanya merupakan *rabbi* (paderi Yahudi). Marx juga dipercayai beragama Judais seperti mana ibu bapanya.

Namun begitu, semasa bertugas sebagai peguam, dia telah memeluk agama Kristian Prostestan sebelum berkahwin dengan *Jenny Von Westphalen.* Isterinya adalah anak kepada *Baron Von Westphalen,* iaitu seorang jutawan Yahudi terkenal di Jerman.

Selepas berpindah ke London pada 1849, dia mula bekerja sebagai wartawan dengan akhbar *New York Tribune* dan selepas itu menyertai pertubuhan sosialis iaitu *International Workingmen's Association* atau *First International.*

Tulisan *Karl Marx* yang paling terkenal ialah *The Communist Manifesto* yang diterbitkan pada 21 Februari 1848.[4] Karya yang menghuraikan tentang konsep pemikiran baru ini telah mengundang pengikut yang sangat tinggi bilangannya. Fahaman komunis yang dipromosikan berkembang dengan pantas sehingga ia menguasai hampir keseluruhan masyarakat Jerman dan beberapa negara luar.

Namun begitu, pendapat paling kukuh setakat ini ialah simbol NAZI adalah hasil daripada tindanan huruf SS yang menjadi lambang bendera sebuah pertubuhan (gambar). Huruf SS merujuk kepada singkatan dari perkataan *SchutzStaffel* (SS) iaitu sebuah organisasi utama di bawah kekuasaan Adolf Hitler dan Parti Nazi di Jerman pada era 1930-an.[5]



SchutzStaffel dibentuk pada 1925 sebagai satu unit khas untuk menjaga keselamatan pemimpin Parti Nazi ketika itu iaitu Adolf Hitler. Pemimpin pertama unit ini diketuai oleh *Berchtold* iaitu wartawan dari akhbar *Völkischer Beobachter* (Pemantau Rakyat). Tempat Berchtold kemudiannya diganti oleh *Erhard Heidien*, iaitu seorang tentera dan juga komanden ketiga dalam organisasi *SchutzStaffel*.[6]



Di mana simbol ini boleh dijumpai?

Tidak akan ada orang Islam di Malaysia ini akan memakai simbol ini atau diletakkan simbol ini di mana-mana tempat di pakaian, kereta atau di rumah. Tetapi itu tidak bermakna tidak ada orang yang sanggup memakainya.

Satu-satunya golongan Islam yang sanggup memakai simbol ini dan dibawa ke hulu ke hilir ialah golongan remaja. Daripada golongan remaja ini ada tiga kumpulan yang biasa memakainya, tiga kumpulan tersebut ialah remaja *Skinhead*, pelajar sekolah dan mat rempit.

Pemerhatian kami mendapati golongan paling banyak mempamerkan simbol NAZI ini ialah golongan remaja yang terlibat dengan muzik dan taksub dengan fahaman *Skinhead*. Golongan ini adalah golongan yang paling ramai kerana simbol NAZI adalah salah satu simbol muzik jenis Skinhead.

Golongan kedua ialah golongan remaja yang bersekolah menengah. Bagi yang tidak menyertai kumpulan-kumpulan Skinhead, biasanya remaja biasa ini akan melukis simbol NAZI di beg-beg sekolah mereka atau di kotak-kotak pensil mereka.

Remaja sekolah yang mempamerkan simbol ini bukanlah bermakna mereka taksub dengan fahaman NAZI. Sebenarnya mereka mempamerkannya dalam keadaan mereka sendiri tidak sedar apa maksud di sebalik simbol itu. Remaja jenis ini tidak merbahaya dan tidak kritikal. Tingkahlaku mereka hanya sekadar ikutan biasa bukan ketaksuban.

Golongan ketiga iaitu mat-mat rempit pula gemar melekatkan stiker berlogo NAZI ini di motor-motor mereka. Apabila stiker itu dilekatkan, ia sama juga seperti golongan remaja sekolah tadi. Mereka melekatkan dalam keadaan mereka tidak tahu maksud sebenar simbol tersebut.

Bab 12
Nombor 666

Pengenalan

Nombor 666 biasanya kita lebih kenali sebagai nombor syaitan. Ini kerana kebanyakan filem-filem barat khususnya yang bercorak seram dan mistik sering menggunakan nombor ini bagi menonjolkan imej syaitan dalam filem mereka.

Manakala masyarakat kita pula sama ada Malaysia atau Indonesia, misteri nombor 666 dianggap sama seperti masyarakat barat. Nombor 666 lebih popular dikaitkan dengan unsur-unsur kesyaitanan dalam apa jua keadaan.

Kepopularan nombor ini sebagai simbol syaitan bukan sahaja dikalangan orang dewasa malah ia juga tetap diyakini oleh golongan kanak-kanak dan remaja. Nombor misteri 666 ini sudah sebati dengan jiwa orang Islam yang meminati dunia misteri. Namun tidak ramai yang mengetahui akan bagaimana wujudnya nombor ini khususnya di tengah-tengah masyarakat Islam.

Kewujudan nombor syaitan ini di tengah-tengah masyarakat Islam di Malaysia dan Indonesia dipercayai dibawa oleh filem-filem barat. Masyarakat barat majoritinya Kristian yang juga penerbit filem percaya bahawa nombor 666 adalah salah satu daripada unsur-unsur Syaitan.

Filem-filem barat sudah bertapak di Malaysia sejak sebelum merdeka lagi iaitu semenjak penjajahan pihak Inggeris. Memandangkan sifat masyarakat Melayu yang lebih mudah dipengaruhi budaya barat maka apa sahaja yang dipamerkan dalam filem diambil sebagai sumber pemikiran. Faktor inilah juga yang mempopularkan nombor 666 di Tanah Melayu.

Asal-Usul Nombor 666

Berbalik kepada persoalan asal-usulnya adalah penting untuk kita ketahui dari mana datangnya nombor ini? Siapa yang mula-mula memperkenalkannya? Dan bila ia diperkenalkan?

Nombor ini asalnya adalah bersumberkan kepercayaan masyarakat Kristian terhadap agama mereka. Nombor 666 diperoleh daripada salah satu ayat dalam kitab Injil agama Kristian. Daripada ayat inilah maka masyarakat Kristian mula mengenali akan unsur-unsur kesyaitanan pada nombor 666 itu.

Berikut ialah ayat di dalam kitab Injil yang menyebut tentang nombor 666.[1]

"Here is wisdom. Let him that hath understanding count the number of the beast: for it is the number of a man; and his number is Six hundred threescore and six."

(Bab 13 Revelation, ayat 18)

Sebelum timbulnya ayat ini yang memperkatakan tentang nombor 666 ini, Injil terlebih dahulu menerangkan tentang manusia yang membawa unsur-unsur nombor ini dalam ayat 16 dan 17 dalam bab yang sama.

And he causeth all, both small and great, rich and poor, free and bond, to receive a mark in their right hand, or in their foreheads"

(Bab 13 Revelation, ayat 16)

"And that no man might buy or sell, save he that had the mark, or the name of the beast, or the number of his name."

(Bab 13 Revelation, ayat 17)
(sumber : Injil versi King James IV)[1]

Kita sebagai umat Islam tidak diwajibkan beriman dengan sebarang maklumat dari kitab Injil, ini kerana pihak gereja Vatican seringkali mem-

perbaharui ayat-ayat dalam kitab mereka dalam pelbagai versi. Jadi kesalahan dan ketulenan maklumat dari Injil sebenar yang diturunkan kepada Nabi Isa a.s. amat diragui.

Namun begitu, sebagai umat Islam juga kita harus mempercayai Injil itu wujud dan ia adalah kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Bani Israel. Walaupun terdapat keraguan dalam ketulenan ayat, harus juga bagi kita mengkajinya agar kita mengetahui rahsia tersirat yang mungkin berguna untuk kita kemudian hari kelak.

Kaitan nombor 666 dengan Yahudi

Memandangkan nombor 666 adalah diketahui daripada Injil, maka, di mana pula kaitan Yahudi dengan nombor ini 666 ini sedangkan telah kita ketahui bahawa nombor ini berasal dari kitab Injil agama Kristian.

Kita semua sedia maklum bahawa asal keturunan Nabi Isa ialah Bani Israel dan Israel itu sendiri adalah gelaran bagi Nabi Yaakub a.s. semenjak ia dilantik menjadi rasul. Secara tidak langsungnya kita juga mengetahui bahawa semua Rasul bermula dengan Nabi Yaakub adalah berketurunan Yahudi kecuali Nabi Muhammad SAW. Itu adalah kaitan pertama 666 dengan Yahudi.

Bagi kebanyakan penyiasat konspirasi dari barat mereka akan mengaitkan nombor 666 ini dengan Antichrist atau Dajjal. Nombor ini lebih sinonim dengan Antichrist kerana ia membawa simbol kesyaitanan dan kejahatan yang terselindung disebaliknya. Sedangkan kita sendiri sebagai umat Islam lebih cenderung untuk mempercayai bahawa Dajjal itu adalah dari keturunan Yahudi.

Nombor 666 dan Walt Disney

Walt Disney sebagai individu yang bertanggungjawab di dalam dunia perfileman kartun adalah orang yang disyaki cuba menerapkan nilai-nilai kesyaitanan, homoseksual, lesbian dan seks bebas di dalam filem-filem keluaran syarikatnya.

Ramai penyiasat konspirasi barat mempercayai bahawa *Walt Disney* atau nama sebenarnya *Walter Elias Disney* [2] adalah berasal dari keturunan *Disney* yang merupakan salah satu daripada 13 keturunan Yahudi Illuminati. Keturunan keluarga *Disney* dianggap memainkan peranan khusus dalam menerapkan nilai-nilai penyembahan syaitan dan pendidikan seksual terlampau kepada kanak-kanak melalui medium hiburan televisyen.

Penerapan ini dilakukan dengan cara berselindung disebalik jalan-jalan cerita kartun yang direka khusus untuk menarik perhatian kanak-kanak.

Di dalam logo syarikat Walt Disney di atas, kita dapat melihat dengan jelas akan kewujudan tiga nombor 6 (seperti yang dibulatkan). Ini bukanlah sesuatu yang disengajakan tetapi ia adalah hakikat sebenar akan misi rahsia syarikat perfileman Zionis ini di dalam mempengaruhi masyarakat menerima agenda-agenda mereka.

Nombor 666 dan NOKIA

Syarikat dari Finland ini juga merupakan salah satu produk yang menyumbang kepada dana Zionis. NOKIA ditubuhkan pada 1865 di bandar Tampered, Finland oleh seorang jurutera perlombongan, *Frederick Idestem*. Istilah Nokia adalah diambil daripada nama sebuah bandar kecil bernama Nokia yang terletak di Sungai Nokianvirta, Finland.[3]

Pada Julai 2009, produk telekomunikasi NOKIA menghadapi boikot yang teruk daripada rakyat Iran. Kempen boikot produk NOKIA adalah berpunca daripada kekecewaan kerajaan Iran terhadap syarikat ini yang didakwa menipu dan tidak memenuhi perkhidmatan sebagaimana yang terkandung dalam perjanjian antara Iran dan NOKIA Siemens AG.[4]

Kini syarikat sekutu Zionis ini adalah antara yang paling popular di Malaysia malah kesemua produk-produk telefonnya adalah yang terlaris



dikalangan rakyat Malaysia. Produk NOKIA sudah pun bertapak sejak Januari 1985 lagi.[5]

Gambar di sebelah adalah logo tiga anak panah kecil yang dibesarkan. Jika diteliti dan dikira pada setiap anak-anak panah kecil itu maka didapati bahawa setiap darinya mempunyai 6 garisan yang disusun selari secara bertindan-tindan. Bilangan garisan itu jelas membuktikan bahawa terdapat unsur-unsur Antichrist pada syarikat sekutu Zionis ini.

Nombor 666 pada logo Illuminati

Kita telah pun mengetahui bahawa Illuminati itu punca bagi segala masalah dunia dan ia juga merupakan kerajaan rahsia yang mempelopori agenda konspirasi Yahudi sejak ratusan tahun dahulu. Jika Illuminati adalah perancang utama dalam konspirasi Yahudi maka sudah pastilah pada logonya juga mempunyai unsur-unsur kesyaitanan atau Antichrist. Rajah di

menunjukkan bagaimana nombor 666 tersembunyi disebalik logo Illuminati.

Nombor 666 dapat dilihat apabila kita mengeluarkan angka-angka roman yang terdapat pada bahagian bawah piramid tersebut. Kemudian angka-angka itu diringkaskan kepada huruf roman DCLXVI yang apabila diterjemahkan kepada nombor maka ia menjadi 666.

Kerusi kosong bernombor 666

Semasa persidangan negara-negara Eropah pada 20 Julai 1999, terdapat satu kerusi VIP yang dibiarkan kosong. Kesemua wakil-wakil negara Eropah cuba mengelak untuk duduk di kerusi tersebut. Pada persidangan tersebut, jumlah keseluruhan wakil yang hadir ialah 679. Kesemua mereka disediakan kerusi peribadi masing-masing.

Namun tidak semua kerusi yang disediakan itu mahu diduduki oleh mereka. Kerusi yang cuba dielak oleh wakil-wakil Eropah itu adalah kerusi bernombor 666 yakni wakil yang ke-666. Persidangan yang berlangsung di Strastburg, Perancis itu menyaksikan kesemua wakil enggan digelar sebagai Antichrist atau Dajjal kerana nombor berkenaan sudah sedia terkenal akan rahsianya di seluruh dunia.

Berikut ialah senarai wakil-wakil dari nombor 655 hingga 679 yang hadir ketika persidangan tersebut: [6]

659 - De La Perreare
660 - Marchiani
661 - Montfront
662 - Quiero
663 - Souchet
664 - Thomas Mauro
665 - Zissener
666 - .....?
667 - Cappato
668 - Turco
669 - Bonino
670 - Pannella

Kerusi ke-666 yang kosong tersebut mungkin menunggu ketibaan Dajjal atau ianya sengaja dikosongkan oleh pihak penganjur persidangan untuk memberi isyarat tertentu. Sekiranya pihak pengurusan sudah mengetahui bahawa wakil-wakil Eropah tidak mahu mengambil tempat tersebut, jadi mengapakah ianya diwujudkan?

Sedangkan kita sendiri mengetahui bahawa pihak penganjur persidangan boleh sahaja menghilangkan kerusi tersebut dan meletakkannya dengan nombor berikutnya iaitu 667. Ini bermakna wakil yang ke-665 akan terus duduk di sebelah wakil ke-667.

Misteri kematian Pope John Paul II dan 666

Pendapat lain tentang misteri nombor ini ialah berkaitan kematian *Pope John Paul II* atau nama sebenarnya *Karol Józef Wojtyła* dari Poland. Beliau dilahirkan pada 18 Mei 1920 di Bandar Widowice, Poland dan semasa remajanya pernah menjadi atlet bola sepak. Wojtyla mula dilantik ke jawatan Pope (Ketua Agama Kristian Sedunia) pada 16 Oktober 1978 dan akhirnya meninggal dunia pada 2 April 2005 hari Sabtu.[7]

Pandangan sesetengah pihak yang mengkaji tentangnya mendapati bahawa tarikh kematian *Wojtyla* ada kaitannya dengan nombor 666. Keberkaitan ini diperoleh melalui pengiraan berikut.

Waktu kematian : 9.37 malam
Tarikh kematian : 02.04.2005

Pengiraan:

$$9 \times 37 \times 2 = 666$$
$$9 \times 37 \times (2/4) \times 200/5 = 6660$$
$$9 \times 37 \times (4/2) \times 200 \times 5 = 666000$$

Terdapat tiga jenis pengiraan di atas dan keputusan pengiraan tersebut menghasilkan tiga jenis jawapan iaitu 666, 6660 dan 666000. Tetapi apa yang menimbulkan pertanyaan mengapa wujud nombor 666 pada ketiga-tiga pengiraan tersebut? Apakah tarikh kematian dan masa kematian *Pope John Paul II* sengaja dirancang untuk mengisyaratkan sesuatu? [8]

Presiden Amerika dan 666

Presiden Amerika Syarikat ke-40 iaitu *Ronald Reagen* dikatakan juga mempunyai kaitan dengan nombor 666. Keberkaitan ini dapat dilihat pada bilangan huruf pada nama sebenarnya yang mempunyai tiga perkataan iaitu *Ronald Wilson Reagen*.



Presiden
AMERIKA SYARIKAT
(1911 - 2004)

Ronald Wilson Reagen

6 6 6

Semasa pentadbiran *Ronald Reagan*, kerajaan Amerika Syarikat telah meluluskan satu dana khas untuk kerajaan Israel sebanyak USD1.5 billion pada 1 Mei 1985.[9]

Selain memberi bantuan kepada Israel, polisi pentadbiran Reagan juga dilihat telah meningkatkan pengaruh golongan elit Yahudi di Amerika melalui pelbagai dasar politik dan ekonomi. Kecenderungan ini, para penganalisis menyimpulkan kemungkinan dari hubungan beliau dengan orang-orang Yahudi yang sudah terjalin lama sejak beliau menyertai Hollywood pada 1960-an.[10]

Komputer Apple dan 666

APPLE-1
Harga USD666.66

STEVE WOZNIAK

Sesuatu yang agak mengejutkan dunia konspirasi ialah komputer pertama keluaran Apple yang bernama Apple I telah dijual dengan harga bernombor USD666.66 pada Julai 1976.[11] Komputer peribadi pertama bernama Apple I (gambar) ini adalah rekaan tangan salah seorang pemilik syarikat Apple iaitu *Steve Wozniak*. Pelancaran pertama Apple I dibuat pada April 1976 di Kelab Komputer Homebrew, Palo Alto, California.[12] Namun begitu, jualan komersialnya hanya dimulakan pada Julai 1976.

Tidak dapat dipastikan mengapa syarikat Apple memilih angka berkenaan sebagai harga permulaan jualan. Angka bagi harga tersebut amat sinonim dengan unsur nombor kesyaitanan iaitu 666. Cuma apa yang boleh dikaitkan ialah *Steve Wozniak* telah menyertai pertubuhan Freemason pada 1980 dan dianugerahkan peringkat darjah ke-3 (3^0). Beliau mendaftarkan keahliannya sebagai Mason di Charity Lodge, California. Menurut sumber, isterinya *Alice* juga seorang ahli Freemason.[13]

Adolf Hitler dan 666

Satu persamaan yang agak menarik yang dikaji sesetengah orang ialah tentang nama pemimpin diktator Jerman sendiri iaitu *Adolf Alfred Hitler*.[14] Kajian sesetengah individu mendapati namanya juga mempunyai unsur-unsur kesyaitanan iaitu nombor 666. Keberkaitan ini dapat dilihat apabila kita mencampurkan bilangan huruf-huruf bagi perkataan HITLER.

Nama HITLER terdiri dari 6 abjad manakala setiap abjad jika dikira susunannya bermula dengan nombor 100 akan diperoleh seperti di bawah:

100 (A), 101 (B), 103 (C), 104 (E) dan seterusnya.

H	I	T	L	E	R
107	108	119	111	104	117

Hasil tambah

= 107 + 108 + 119 + 111 + 104 + 117
= 666

Barkod Produk dan 666

Setiap barangan yang kita beli akan mempunyai barkod yang tersendiri dan apabila kita membelinya pekedai akan mengimbas barkod pada barangan tersebut bagi melihat harganya. Teori konspirasi membuktikan bahawa barkod yang digelar sebagai *Universal Product Code* (UPC) pada 1970-an telah diselitkan nombor 666 pada barkod tersebut. Nombor itu diletakkan pada bahagian depan, tengah dan belakang yang mana ketiga-tiga palang itu mewakili nombor 6.[15]

Pada gambarajah di sebelah ditunjukkan kedudukan nombor 666 pada barkod produk. Palang-palang yang dibulatkan pada bahagian bawahnya adalah palang yang mewakili nombor enam (6). Palang bahagian depan, tengah dan akhir adalah simbol standard yang dapat dilihat pada semua produk.

Bab 13

Simbol Pengakap

Sejarah Pengakap

Antara persatuan paling popular di peringkat sekolah ialah Pengakap. Persatuan jenis unit beruniform ini dikira antara persatuan yang paling banyak dianggotai kerana ia telah pun dimasukkan di dalam ko-kurikulum sekolah sejak peringkat sekolah rendah.

Unit ini mempunyai tiga peringkat keahlian iaitu Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap Muda dan Pengakap Dewasa. Setiap peringkat mempunyai gaya, penampilan dan peraturan yang tersendiri tetapi ia masih tidak lari dari objektif sedia ada pengakap.

Di Malaysia, pertubuhan Pengakap telah pun datang seawal 1910 sebelum Perang Dunia Pertama lagi. Kemudian, pertubuhan ini berkembang dengan pantas di seluruh Tanah Melayu bermula dengan Pulau Pinang dan Selangor (1910), Sabah (1913), Sarawak (1915), Kedah (1922), Perak (1926), Melaka (1926), Negeri Sembilan (1926), Terengganu, Kelantan dan Pahang (1927), Johor (1928) dan Perlis (1931).[1]

Adakah Pengasas Pengakap Ahli Freemason?

Banyak pihak termasuk ahli Freemason sendiri mempersoalkan tentang perkara adakah pengasas Pengakap Sedunia, *Lord Baden Powell* seorang Freemason?.

Pertubuhan Freemason di Kanada iaitu *Grand Lodge of British Columbia and Yukon* telah mengeluarkan artikel tentang *Lord Baden Powell* serta identiti Freemasonnya. Menurut lodge tersebut, Powell bukan ahli Freemason dan perkara itu berasaskan daripada pengakuan isterinya, *Lady Olive Baden Powell*. Isteri Powell menegaskan, anggota keluarga mereka yang menyertai Freemason adalah adik iparnya iaitu *Major David Baden-Powell*.[2]

Namun begitu, dalam kenyataan sebuah lodge Freemason yang berasaskan Pengakap pula yang bernama *The Scout Lodge*. Mereka mendakwa bahawa *Baden Powell* memang ahli Freemason dan ianya diakui oleh isterinya sendiri *Lady Olive* dan anak perempuan mereka, *Betty*.[3]

Perbezaan kedua-dua kenyataan tentang identiti sebenar Baden-Powell ini menyebabkan sesetengah pihak beranggapan *Baden-Powell* adalah ahli Freemason.

Di dalam perbezaan ini, kami lebih cenderung untuk menyokong pendapat kedua bahawa *Lord Baden-Powell* adalah ahli Freemason. Sokongan ini adalah berdasarkan ciri-ciri pada beberapa elemen Pengakap sendiri yang kelihatan lebih mirip kepada elemen-elemen di dalam Freemason.

Unsur Freemason dalam Ikrar Pengakap

Antara elemen yang jelas menunjukkan *Baden-Powell* menyerapkan unsur-unsur Freemason di dalam Pengakap ialah pada bahagian ikrar setia ahli. Pendedahan ini dibuat oleh *Bro. George W. Kerr* dari *The Scout Lodge* melalui laman web rasmi mereka. *The Scout Lodge* adalah cawangan organisasi Freemason yang ditubuhkan oleh ahli-ahli Pengakap.[4]

Ikrar Pengakap	Ikrar Freemason
Promise duty of God	Beleived in Supreme Being
Accepted loyalty to the Queen	Obey the Laws of God and Man
Help other people at all time	Extend Charity and Brotherly Love

Logo Pengakap dan Unsur Keagamaan Kristian

Memandangkan buku ini memfokuskan hal berkaitan simbol maka kami ingin menarik perhatian pembaca mengenai logo yang digunakan oleh Pengakap. Penelitian kami mendapati logo ini mempunyai unsur-unsur keagamaan khususnya Kristian yang dilihat diserapkan melalui identiti sesuatu pertubuhan.



Logo Pengakap Malaysia

Logo Pengakap Dunia

Pada dua logo di atas, unsur yang dikira cenderung kepada simbol-simbol keagamaan kafir ialah simbol tiga kelopak bunga lili atau dikenali sebagai *Fluer de lis*. Manakala di bawah adalah lakaran asal bagi simbol bunga yang bernama *Fleur de lis* (bawah, kanan).

Fleur de Lis

Fleur de lis Dan Ketua Paderi Kristian

Fleur de lis adalah ungkapan di dalam bahasa Perancis yang bermaksud Bunga Lili iaitu *Fleur* (Bunga) dan *lis* (Lili). Bunga lili menjadi satu pengaruh yang unik kepada simbol-simbol kerajaan beraja di negara-negara Eropah khususnya Perancis dan Sepanyol.[5]

Penggunaan simbol *Fleur de lis* juga merangkumi simbol-simbol rasmi yang diguna pakai oleh Ketua Paderi Kristian yang bergelar Pope bagi gereja besar Katholik di Vatican, Itali. Penggunaan simbol *Fleur de lis* bagi sebahagian Pope dapat dilihat pada logo-logo rasmi mereka seperti yang ditunjukkan di bawah.



Giovanni Antonio Montini
(1897 - 1978)



Angelo Geuseppe Roncalli
(1881 - 1963)

Selain *Giovanni* dan *Angelo*, terdapat juga sebahagian Pope lain yang mengguna pakai lakaran Fleur de *lis* pada simbol rasmi mereka.[6]



Alessandro Farnese
(1468 - 1549)



Giovanni Battista Pamphilj
(1574 - 1655)



Girolamo Masci
(1227 -1292)



Jacques Pantaleon
(1195 - 1264)



Pierre de Tarentaise
(1225 - 1276)



Vincenzo Raffaele Pecci
(1810 - 1903)

Penjenamaan Semula Pengakap - Cadangan

Walaupun di dalam aktiviti Pengakap terdapat ilmu-ilmu yang sangat berguna seperti kaedah mengikat tali, teknik perkhemahan, pembuatan gadget dan sebagainya, tetapi ia tidak boleh dijadikan alasan untuk kita menyerap masuk budaya Pengakap tanpa menapisnya terlebih dahulu.

Mungkin ada di antara kita yang mengatakan *"ambil yang elok, yang tidak elok jangan tiru"*, hujah tersebut tidak kukuh untuk dijadikan alasan untuk kita mengguna pakai keseluruhan budaya Pengakap.

Jika alasan itu digunakan, ia bukan sahaja sesuai untuk Pengakap, malah golongan yang tidak faham agama juga akan mengambil kesempatan menggunakan alasan yang sama untuk menerap budaya lain seperti muzik Punk, Black Metal dan sebagainya.

Jika dilihat pada muzik Punk juga bukanlah semua kumpulan Punk menampilkan keganasan dan unsur *ateisme* (fahaman tidak percaya wujudnya tuhan) yang melampau. Ada sesetengah kumpulan yang menulis lirik memperjuangkan golongan bawahan dari ditindas golongan politik dan kapitalis. Bagaimana pula jika peminat Punk menggunakan alasan yang sama seperti di atas?

Dalam ruang yang amat terhad ini, dalam erti kata mengambil perkara yang baik sahaja dari budaya Pengakap, adalah lebih baik sekiranya Pengakap dibuat 'penjenamaan semula' dari semua elemen. Di dalam penjenamaan semula itu, nama pengkap hendaklah diubahsuai kepada nama lain, logo direka semula dan budaya-budaya dalaman diubahsuai agar sesuai untuk disertai oleh pelajar-pelajar Islam.

Perkara ini tidak sukar dilakukan kerana sebuah pertubuhan unit beruniform baru ala-kadet telah pun ditubuhkan iaitu *Kadet Remaja Sekolah* (KRS). Ia boleh dijadikan contoh terdekat untuk penjenamaan semula Pengakap. KRS yang ditubuhkan ini mempunyai sistem yang tersendiri dan penjenamaan sendiri walaupun sekilas pandang kelihatan ia seperti unit beruniform Kadet Bersatu.

Adakah sanggup kita melihat simbol agama kafir melekat di baju anak-anak kita dan diusung ke merata tempat tanpa si pemakai mengetahui asal-usul simbol tersebut?

Namun begitu, pendedahan ini bukanlah bermaksud mencadangkan pengakap diharamkan tetapi perlunya penapisan yang sangat halus terhadap elemen-elemennya agar kebaikan dan manfaat daripadanya dapat diserap manakala kekurangan dan mudarat yang tidak kelihatan dapat dielakkan.

Bab 14
Tengkorak dan Tulang

Pengenalan

Simbol ini lebih terkenal dikalangan masyarakat kita sebagai simbol 'Lanun'. Ianya selalu dikaitkan dengan lanun hatta jika kita diarahkan melukis kapal lanun sekalipun kita pasti meletakkan bendera bersimbol tengkorak dan tulang ini. Tujuan meletakkan simbol ini pada bendera ialah kerana ingin memberitahu ianya kapal lanun.

Persoalan sekarang bagaimana kita mengenali simbol ini? Dan juga bagaimana ia sampai ke Malaysia atau kepada masyarakat Islam? Pada pandangan kami, simbol ini sampai ke Malaysia selari dengan datangnya filem-filem barat ke pawagam-pawagam di Tanah Melayu pada masa penjajahan British dahulu. Ketika bertapaknya British di Tanah Melayu dan Singapura, pawagam-pawagam mula di buka dan diuruskan sendiri oleh pihak British melalui rakyat Tanah Melayu bangsa asing.

Kedatangan pawagam dan filem-filem klasik barat memberi suatu impak yang kuat kepada amalan agama, budaya dan ekonomi masyarakat Melayu ketika itu. Amat menghairankan, masyarakat Melayu dengan cepat-

nya berubah dan terus berkembang budayanya meniru rapat segala bentuk kelakuan orang barat.

Apabila bercambahnya filem-filem di pawagam, maka secara tidak langsung simbol-simbol yang terdapat pada filem akan diingati oleh para penonton. Sesuatu simbol itu akan lebih mudah diingati apabila filem itu ditabalkan sebagai popular dan sentiasa melekat lama di pawagam.

Misalnya simbol kelawar *Batman* dan huruf "S" pada *Superman*. Kedua-dua simbol ini amat terkenal dan dikenali di seluruh dunia. Tanyalah kepada orang yang tidak pernah peduli tentang hal televisyen sekalipun seperti tok guru-tok guru pondok, pasti mereka juga mengetahui.

Cuma bezanya simbol *Batman*, *Superman* dengan simbol tengkorak dan tulang ialah, kita semua tahu bahawa simbol *Batman* dan *Superman* kita kenali ia melalui filem. Tetapi bagi simbol Tengkorak dan tulang pula kita sendiri tidak pasti di mana kita mula mengenalinya.

Berkenaan Skull and Bones

Dalam bahasa Inggeris, simbol ini disebut *Skull and Bones* dan semua orang yang mengkhusus dalam kajian konspirasi Yahudi akan memanggil dengan nama itu. Selain itu, *Skull and Bones* juga dikenali dengan satu nama lain iaitu *The Brotherhood of Death* (Persaudaraan Kematian).

Skull and Bones adalah suatu pertubuhan rahsia golongan siswazah berbangsa Yahudi dari *University of Yale*, Connecticut, Amerika Syarikat. Tarikh penubuhan yang tepat tidak diketahui tetapi segala peraturan organisasi rahsia ini dipercayai telah siap pada tahun 1832.[1]



Namun yang jelasnya ialah organisasi rahsia ini dipercayai ditubuhkan oleh *Jeneral William H. Russel* dan *Alfonso Taft* yang mana kedua-dua mereka adalah bekas rakan sekelas di Universiti Yale. Russel kemudiannya pada 1852, menubuhkan sebuah perniagaan bernama *Russel Trust Association* bersama *Daniel Coit Gilmen*.[2]

Apa yang unik tentang organisasi ini ialah pemilihan ahli dilakukan pada kadar waktu yang tertentu sahaja. *Skull and Bones* membuat pemilihan ahli hanya setahun sekali iaitu pada musim bunga. Manakala pada setiap kali pemilihan hanya 15 orang lelaki dan wanita dipilih. Pemilihan ini masih berjalan sehingga sekarang dan yang terbaru adalah pada 16 April 2009. Kesemua ahli-ahli *Skull and Bones* diberi istilah khusus iaitu digelar sebagai *bonesman*.

Teori simbol Skull and Bones



Mengapa organisasi ini memilih tengkorak dan tulang sebagai logo rasmi mereka masih menjadi tanda tanya kebanyakan orang awam. Walaupun begitu, nombor 322 yang tertera pada simbol ini dipercayai membawa maksud yang tersendiri dengan pelbagai teori.

Alexandra Robbins penulis buku *Secrets of the Tomb: Skull and Bones, the Ivy League, and the Hidden Paths of Power* berpendapat nombor tersebut bermaksud tahun 32, kor ke-2 iaitu kor rahsia dari sebuah universiti di Jerman.

Manakala pendapat lain pula mengatakan 322 merujuk kepada *Demosthenes* iaitu ahli politik dan pemikir terkenal dari Greek yang meninggal pada tahun 322 sebelum masehi. Pendapat ini dirujuk pada buku bertajuk *Cyclopedia of Fraternities* yang ditulis *Albert C. Steven* dan diterbitkan pada 1907.[3]

Skull and Bones Adalah Freemason

Jika merujuk kepada buku panduan Freemason, simbol *Skull and Bones* ditunjukkan pada muka surat 158 di bawah tajuk *Knight of the East and West*. Tajuk ini merujuk kepada ritual ahli Freemason yang memerlukan mereka menyebut perkataan *Abaddon*. Menurut Texe Marrs, *Abbadon* adalah gelaran kepada ketua kepada berjuta-juta Syaitan.[4]



158 RICHARDSON'S MONITOR OF FREE-MASONRY.

Master raises candidate, and then instructs him in the signs, tokens and words of this degree, as follows:

First Sign—Extend the right arm horizontally at the height of the shoulder. This is termed the sign of command.

First Token—Each places his left hand on his left hip, and the right hand on his brother's left shoulder.

Second Token—Join left hands, placing the thumb on the second joint of the little finger; with the thumb strike five times on that joint.

Pass-word—TEBETH. The name of the Jewish month in which the Ambassadors entered Jerusalem.

Sacred Word—ADAR. The name of the month in which thanks were given to God for the completion of the Temple.

In some Councils the following sign is given, viz.: Present yourself before your brother with your sword advanced, and your left hand resting on your hip, as if to commence a combat. He will answer the sign by extending his arm at the height of the shoulder, the right foot forming a square with the toe of the left.

The March—Five steps on the diagonal of the square towards the throne.

Age—The age of a Prince of Jerusalem is 5 times 15.

Master to candidate—I now appoint and constitute you, with your four companions, Princes and Governors of Jerusalem, that you may render justice to all the people. I decorate you with a yellow sash, to which is attached a gold medal. The Balance on it is to admonish you to make equity and justice your guides. The Hand of Justice is a mark of your authority over the people. The Emblems of the Apron with which I now invest you, have reference to the works and virtues of Masons, and to your duty in the high office with which you are invested. As Princes of Jerusalem, you will assemble in two chambers of the Temple. Be just, merciful, and wise.

The Lecture is now given, and is a re-

Master—What is signified by the five stars on the sash?

Senior Warden—They are emblematic of the five Knights who journeyed from Jerusalem to Babylon.

Master—What is the age of a Prince of Jerusalem?

Senior Warden—Five times fifteen.

In closing the Council the Master raps five, and says—Most Enlightened Junior and Senior Wardens, please to announce to your respective columns that I am about to close this Grand Council by five times fifteen.

Senior Warden (raps five)—Attention, Valiant Princes: it is the will of our Most Equitable Sovereign Grand Master that this Grand Council be now closed.

Junior Warden raps five and repeats the same order.

Master (rising)—Attention, Valiant Princes, we will now give the signs.

The signs are given backward.

Master raps five times fifteen, which is repeated by the two Wardens.

Master—Be just, merciful and wise! I declare this Grand Council duly closed.

KNIGHTS OF THE EAST AND WEST.

This degree originated in Palestine, and was brought to the west by the Knights, eleven of whom made their vows of secrecy, friendship and discre-

Bagi penyelidik konspirasi seperti Texe Marrs, simbol *Skull and Bones* lebih cenderung sebagai isyarat Faktor X atau tanda kematian (rujuk Bab 7, simbol ke-6). Isyarat ini menunjukkan individu yang mempamerkan simbol ini melalui isyarat tangan adalah individu yang sanggup menggadaikan nyawanya dalam sebarang agenda rahsia Freemason.





Simbol ini akan lebih jelas kelihatan perkaitannya dengan Freemason apabila dilakukan sedikit lakaran tranformasi pada sesuatu gambar. Rajah di atas menunjukkan bagaimana *Stephen King* dan mumia Firaun mempamerkan simbol Faktor X yang dalam masa yang sama juga boleh dianggap sebagai simbol *Skull and Bones*.

Perkaitan ini dapat dilihat kerana cara persilangan tangan yang dilakukan *Stephen King* adalah sama dengan gambar tengkorak dan tulang yang dilukis secara terus.

Rasional Penggunaan Simbol Tulang dan Tengkorak

Apa yang mencurigakan kebanyakan pemerhati ialah mengapa sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh siswazah-siswazah universiti Yale ini memilih untuk menggunakan simbol tulang dan tengkorak? Perkara ini seringkali menjadi perdebatan hangat di internet khususnya dalam mencari rasional penggunaan unsur-unsur tersebut.

Kebanyakan pemerhati dari barat amat mempercayai kumpulan Skull and Bones ini mengamalkan upacara penyembahan syaitan sebagai suatu amalan tetap kumpulan rahsia ini. Tujuan pengamalan itu juga ditafsirkan sebagai salah satu usaha untuk mengikat tali kesetiaan antara ahli-ahli kumpulan. Namun makna disebalik digunakan simbol-simbol itu dan sebab-sebab menggunakannya masih lagi kabur.

Apa yang dapat dikenalpasti ialah simbol tengkorak dan tulang itu dipercayai diambil dari beberapa monumen lama yang berada di Eropah dan Amerika Syarikat. Simbol ini telah dijumpai di kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan lama gereja.

Simbol tengkorak dan tulang ini kebiasaannya dilihat pada bendera-bendera kapal lanun yang banyak dipamerkan dalam filem dan buku. Bendera lanun ini sebenarnya mempunyai istilah sendiri iaitu *Jolie Rogue*. Nama *Jolie Rogue* pula dipercayai diambil dari *Knight Templer*.[5] Simbol ini digunakan oleh golongan *Knight Templer* dalam upacara pengkebumian mereka.

Selain itu, simbol tengkorak dan tulang juga telah dijumpai digunakan di bangunan *Sedlec Ossuary* di Republik Csez.[6] Didapati sekelompok tulang-tulang dan tengkorak disusun membentuk salib dengan cara yang sangat estetik (unik).

Simbol ini juga dijumpai digunakan dalam upacara-upacara penyembahan bagi pengamal ajaran Kabbalah (rujuk bab 3). Bagi golongan Freemason pula simbol ini melambangkan alam materialistik. Mereka juga menggunakan simbol ini dalam permulaan amalan-amalan penyembahan khususnya dalam upacara-upacara menyambut kelahiran semula.

Misteri George Bush Dalam Skull and Bones

Terdapat suatu misteri yang menjadi tanda tanya tentang pertubuhan rahsia *Skull and Bones* ini iaitu berkaitan individu yang sangat terkenal di dalam pentadbiran Amerika Syarikat, *George HW Bush*. Persoalannya apakah peranan *George H.W. Bush* dalam pertubuhan ini dan mengapa beliau menyertainya?

Seperti yang kita sedia maklum, *George H.W. Bush* (anak panah) adalah bapa kepada *George W. Bush* yang menjadi Presiden Amerika dari 2001 hingga 20 Januari 2009. Semenjak keterlibatannya di dalam politik, Bush tidak memperkatakan hal penglibatannya dengan *Skull and Bones*.

Tetapi pada tahun 2004, anak *George H.W. Bush* iaitu George W. Bush telah menulis dalam buku autobiografinya berkenaan pertubuhan *Skull and Bones*. Dalam buku itu, beliau menyatakan bahawa beliau telah mengikut jejak bapanya menganggotai *Skull and Bones* ketika menjadi pelajar senior Universiti Yale. Beliau juga mengaku dalam buku autobiografi itu bahawa *Skull and Bones* adalah sebuah pertubuhan rahsia tetapi mereka tidak akan sesekali mendedahkan kerahsian aktiviti-aktiviti kumpulan itu.[7]

Seorang bekas Ketua Arkib di Universiti Yale iaitu *Judy Schiff* mendedahkan bahawa nama-nama ahli *Skull and Bones* tidak lagi menjadi rahsia sejak tahun 1970-an. Tetapi semua aktiviti dan mesyuarat-mesyuaratnya tetap dirahsiakan daripada pengetahuan umum.

Sehingga sekarang nama-nama ahli *Skull and Bones* telah disimpan rapi oleh perpustakaan Universiti Yale. Semuanya dianggap sebagai bahan sejarah dan boleh dirujuk oleh sesiapa. Namun begitu, ia bukanlah bermakna *Skull and Bones* sudah mati dan tidak berfungsi, ianya masih kekal hingga sekarang tetapi dalam 'fesyen' yang berbeza.

Kerahsiaan *Skull and Bones* sangat ketara dan mungkin mencapai tahap sensitif di Amerika khususnya dalam sesetengah perkara yang melibatkan imej orang-orang politik. Hal ini dibuktikan pada suatu kejadian yang berlaku di Universiti Florida pada 2007 lalu.

Dalam satu sesi dialog yang dihadiri oleh *John Kerry* (ahli Skull and Bones dan ahli politik Parti Demokrat), seorang mahasiswa lelaki bernama *Andrew Meyer* bertanyakan tentang penglibatan beliau dengan *Skull and Bones*. Malangnya, soalan beliau dianggap sensitif dan sangat menganggu kerahsiaan ahli politik tersebut. Akhirnya beliau dihalang dengan kasar oleh pihak keselamatan dari menghabiskan soalannya (gambar bawah).

Semenjak kejadian itu, *Meyer* menjadi terkenal dikalangan generasi muda Amerika. Penangkapan beliau di atas satu kesalahan yang tidak diduga telah mengakibatkan pelajar-pelajar Universiti Florida melancarkan demonstrasi bagi membantah tindakan pihak berkuasa universiti. Selain mendapat sokongan rakan-rakan mahasiswa dari Universiti Florida, Meyer dan ibu bapanya telah dijemput menyertai rancangan bual bicara bernama *Today Exclusive* terbitan CNBC yang dihoskan oleh *Matt Lauer* bagi menerangkan perkara sebenar yang berlaku disebalik kejadian tersebut.[8]

Ancaman Skull and Bones Kepada Masyarakat Dunia

Sesuatu yang menjadi kesangsian masyarakat ialah tentang peranan dan ikatan setiap ahli-ahli *Skull and Bones* itu sendiri. Walaupun sejarahnya mengatakan ia adalah pertubuhan bekas pelajar-pelajar Universiti Yale tetapi kerjaya masa depan setiap ahli *Skull and Bones* amat mencurigakan.

Masyarakat dunia melihat semua ahli-ahli *Skull and Bones* adalah pemimpin-pemimpin besar dunia sekarang. Antara mereka bukan sahaja menjadi ahli-ahli politik peringkat tertinggi malah ada yang menjadi penguasa-penguasa ekonomi dunia.

Kesangsian tentang perkara ini membuatkan masyarakat merumuskan kesimpulan bahawa bekas-bekas pelajar Universiti Yale mempunyai suatu pertubuhan yang 'mengajar' mereka bagaimana menguasai dunia di masa depan. Manakala pertubuhan itu pula amat rahsia aktivitinya dan terselit dengan pelbagai agenda tersembunyi.

Kesangsian ini juga akan memberi amaran kepada kita sebagai umat Islam akan bahayanya pelajar-pelajar univerisiti di barat khususnya *Universiti Yale*. Mereka bukan sekadar belajar untuk mendapatkan ijazah tetapi mereka disediakan sebuah organiasasi sulit untuk merealisasikan agenda tersembunyi yang ditetapkan oleh pemimpin-pemimpin tersembunyi mereka.

Bab 15
Hormat Vulcan



Pengenalan

Isyarat tangan *Hormat Vulcan* ini dilakukan dengan cara mengangkat sebelah atau kedua-dua belah tangan ke atas sambil merenggangkan jari manis ke arah jari kelengkeng dan jari tengah ke arah jari telunjuk. Kedudukan yang direnggangkan dengan cara berikut akan menjadikan jari-jari tersebut kelihatan seperti tiga jari besar.

Isyarat seperti ini tidak popular dikalangan umat Islam kerana ia sendiri tidak digunakan secara meluas oleh mana-mana orang kenamaan, ahli politik dan selebriti di dalam sebarang majlis-majlis rasmi. Namun begitu, isyarat ini amat dikenali di negara barat sebagai isyarat yang berkait rapat dengan amalan di dalam agama Judais.

Vulcan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada nama dewa mitos kepercayaan masyarakat Rom purba. Menurut kepercayaan mereka, dewa Vulcan adalah tuhan penghalang api termasuklah api yang dikeluar dari gunung berapi. Bagi masyarakat Greek purba pula, dewa Vulcan dipanggil sebagai *Hephaestus* anak kepada *Hera*.[1]

Pengaruh Yahudi dalam Star Trek

Perkaitan antara isyarat ini dengan pengaruh Yahudi sangat meyakinkan apabila paderi Yahudi sendiri iaitu *Rabbi Yonassan Gershom* menerangkannya di dalam artikel beliau yang bertajuk *The Jewish Origin of the Vulcan Salute.*

Rabbi Yonassan menjelaskan bahawa isyarat yang dilakukan oleh *Leonard Nemoy* (bawah, kanan) dalam filem *Star Trek* (1966) jelas meniru dari gaya berdoa orang Yahudi yang menggunakan isyarat tangan Kohanim. Tetapi isyarat yang ditunjukkan oleh *Nemoy* hanya sebelah tangan dan Nemoy juga mengaku bahawa isyarat yang dibuatnya itu adalah diambil dari cara doa Kohanim. Pengakuan itu dibuat di dalam buku autobiografinya yang bertajuk *I am Spock* (1995).[2]

Rabbi Yonassan Gershom


Mr. Spock @ Leonard Nemoy

Walaupun isyarat tangan ini tidak popular dikalangan umat Islam di Malaysia dan juga hampir tidak diketahui penggunaannya namun isyarat ini terdapat dengan banyaknya di dalam filem-filem Hollywood sama ada dalam filem biasa atau kartun.

Sebenarnya ramai umat Islam di Malaysia pernah melihat isyarat ini secara tidak langsung di dalam filem-filem yang ditayangkan di televisyen atau panggung wayang. Namun begitu, disebabkan ia tidak popular dan hampir tidak diamalkan seperti simbol PEACE, OK dan sebagainya maka ia mungkin kurang diberi perhatian.

Drama bersiri Heroes

Di dalam filem fiksyen bersiri *Heroes*, watak utamanya iaitu *Hiro Nakamura* kerap membuat isyarat seperti ini dalam pelbagai keadaan. Isyarat ini dibuatnya ketika dia sedang berjumpa seseorang atau sedang menghadapi sesuatu masalah. Di dalam gambar di bawah, isyarat ini dibuat ketika *Hiro Nakamura* sampai di Bandar New York secara ghaib bersama sahabatnya iaitu *Ando Masahashi*.[3]

Penerapan unsur-unsur keyahudian seperti isyarat Vulcan ini kemungkinan ada kaitan rapat dengan proses pembikinan filem ini. Filem *Heroes* mula ditayangkan pada 25 September 2006 melalui siaran NBC. Drama bersiri ini adalah idea *Tim Kring* dan diarahkan oleh 12 orang pengarah termasuk *Tim Kring* sendiri.[4]

Jika untuk mengaitkan drama bersiri ini dengan pengaruh Yahudi adalah sesuatu yang relevan dan sangat rasional kerana pencipta drama *Heroes* iaitu *Tim Kring* adalah rakyat Amerika berbangsa Yahudi.

Selain Heroes, *Tim Kring* juga terkenal sebagai penulis skrip bagi filem fiksyen *Knight Rider* yang popular pada tahun 1980-an. *Knight Rider* mengisahkan seorang penyiasat dengan sebuah kereta pintarnya yang mampu bercakap.[5]

Pengaruh Hormat Vulcan Dalam Filem

Simbol Vulcan juga boleh dilihat dalam filem *Total Recall* yang ditayangkan pada 1990. Filem lakonan *Arnold Swarzenegger* yang juga bekas Juara Dunia sukan bina badan ini menjadi antara filem sains fiksyen yang sangat diminati ketika itu. Kini Arnold merupakan Gabenor California selepas memenangi pilihanraya pemilihan Gabenor pada 6 Ogos 2003.

Di dalam filem *Toy Story 2* (1999), simbol ini dilakukan oleh watak *Buzz Lightyear* iaitu sahabat kepada *Woody*. Buzz memperagakan isyarat ini ketika mengucapkan selamat tinggal kepada seorang lagi sahabatnya yang juga mempunyai imej yang sama dengannya ketika mereka berdua cuba mengejar Woody yang dicuri oleh *Al McWhiggin*.

Filem *Monsters VS Aliens* yang ditayangkan pada Mac 2009 telah berjaya mengaut keuntungan $383 juta dollar. Isyarat Vulcan dapat dilihat pada babak Presiden Amerika gagal memainkan sebuah irama dari filem *Close Encounters of the Third Kind* pada sebuah keyboard elektrik.

Simbol Kohanim Pada Perkuburan Yahudi

Isyarat hormat Vulcan yang menyerupai isyarat tangan Kohanim ini tidak sahaja dapat dilihat pada filem-filem. Masyarakat Yahudi telah pun menggunakan isyarat yang menjadi sebahagian amalan agama mereka ini sebelum ia popular di dunia perfileman.

Simbol seperti ini juga boleh didapati pada batu-batu nisan yang terdapat di tanah-tanah perkuburan Yahudi. Kohanim adalah singkatan daripada *Koe-hah-NEEM* yang juga berasal dari perkataan *Kohen* atau *Cohen*. Ia merujuk pada gelaran yang diberikan kepada Yahudi yang mempunyai talian nasab daripada keturunan Nabi Harun a.s.[6]

Baranovichi, Belarus

Berlin, Jerman


Furth, Jerman

Simbol tangan kohanim kelihatan terukir jelas pada batu nisan milik *Menachem Yoel Hacohen Kaplan* (1868-1936) di Bandar Baranovichi, Belarus. Menurut masyarakat Yahudi setempat, *Menachem Kaplan* dipercayai mempunyai nasab yang sampai kepada Nabi Harun.[7]

Antara tempat lain yang terdapat simbol ini ialah di Berlin, Jerman milik *Emil Cohen* (1855-1909)[7] dan batu nisan milik *Rabbi Meschullam Kohn* (1739-1819) di Bandar Furth, Jerman.[8]

Bab 16
Konspirasi Dollar Amerika

Walaupun simbol bagi sesetengah orang hanya sekadar simbol tetapi di dalam dunia konspirasi simbol membawa maksud penguasaan manakala perluasaan penggunaannya adalah kayu ukur kepada pengaruh organisasi tersebut di dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.

Bertitik tolak dari itu, kewujudan wang satu dollar Amerika merupakan landasan yang kukuh bagi membuktikan bahawa pengaruh sesuatu kelompok rahsia yang sangat ekstrem telah wujud sekian lama dan semakin mencapai matlamatnya.

Pelancaran wang satu dollar boleh dikatakan bermulanya hebahan secara tersembunyi kelompok Illuminati kepada masyarakat dunia tentang kewujudan dan penguasaan mereka. Walaupun ia sekadar simbol tetapi hakikatnya sekarang dunia dari segala macam segi sama ada politik, ekonomi dan sosiobudaya dipengaruhi sepenuhnya oleh pemikiran-pemikiran kelompok Illuminati ini.

Illuminati pada 1 Dollar

Sebagai menghebahkan kepada kemuncak kemunculan dan penguasaan mereka ke atas masyarakat dunia, maka *Illuminati* telah memberikan beberapa tanda berkaitan ciri-ciri organisasi mereka di atas wang kertas dollar Amerika khususnya wang satu dollar.



Illuminati

Anggota-anggota pertubuhan rahsia Yahudi ini tidak memberitahu kepada orang awam bahawa ini adalah logo organisasi mereka tetapi berdasarkan kefahaman ramai penyiasat-penyiasat konspirasi, mereka percaya inilah logo yang mewakili pertubuhan itu. Kepercayaan ini berasaskan kepada ciri-cirinya yang sangat kompleks dan penuh makna.

Pada bab 6 (Illuminati) telah kami terangkan tentang maksud disebalik ungkapan *Annuit Coeptis, Novus Ordo Seclurum*, mata piramid dan nombor MDCCLXXVI dan 13 lapis batu yang terdapat pada piramid tersebut.[1] Menurut sejarah, logo Illuminati yang dinamakan *The Great Seal* ini telah pun direka bentuk sejak 1782 oleh *Charles Thompson* dan hanya dimasukkan di dalam kertas satu dollar pada 1935 bersama-sama dengan logo kebangsaan Amerika yang bercirikan burung helang.

Kerahsiaan Freemason

Pada logo Illuminati ini jika diletakkan Bintang Nabi Daud (Star David) pada bahagian tengahnya maka setiap bucunya (kecuali bucu tengah atas) akan mengenai 5 huruf iaitu A-S-N-O-M. Kelima-lima huruf ini jika disusun semula sudah pasti akan menjadi satu perkataan yang sangat bermakna iaitu MASON (lihat bab 5).

MASON adalah gelaran kepada individu yang menyertai pertubuhan Freemason. Manakala kewujudan perkataan Mason di dalam mata wang kertas satu dollar membuktikan bahawa perancangan *Dr. Adam Weishaupt* sejak 1776 dahulu sudah menjadi kenyataan.

Perlu kita ingat bahawa pada 1777, setahun selepas penubuhan Illuminati di Jerman, Weishaupt telah mengambil keputusan untuk menyertai Freemason diikuti oleh pembantunya *Zwack* pada 1778. Penyertaan Weishaupt dan *Zwack* ke dalam Freemason adalah bertujuan bagi mempengaruhi kepimpinan gerakan itu agar menerima dasar perjuangan Illuminati yang menumpukan ke arah penguasaan seluruh kerajaan dunia melalui dasar *One World Government* (Satu Kerajaan Dunia).[2]

Rumusan Logo Illuminati @ The Great Seal

Setelah meneliti logo *The Great Seal* atau Illuminati ini, dapat kita keluarkan beberapa elemen dari dalam logo tersebut supaya dapat dihasilkan satu rumusan lengkap bagi menafsirkan hakikat sebenar logo tersebut. Logo ini mempunyai dua jenis elemen iaitu elemen kelihatan (yang dapat dilihat) dan elemen tersembunyi.

ELEMEN KELIHATAN	ELEMEN TERSEMBUNYI
Perkataan Annuit Coeptis	Logo Illuminati
Perkataan Novus Ordo Seclorum	Perkataan M-A-S-O-N
Nombor MDCCLXXVI	Tahun 1776
Bangunan Piramid 13 lapis	Bintang Nabi Daud
Mata Satu (*All-Seeing-Eye*)	Pemimpin Rahsia
Gambar Lautan	Minyak @ Laut Mati @ Israel

Elemen Kelihatan bermaksud ciri-ciri yang terzahir pada logo Illuminati manakala Elemen Tersembunyi adalah ciri-ciri yang hanya dapat dikenal pasti setelah beberapa penelitian dibuat ke atas logo sehingga menghasilkan satu maklumat yang sangat bermakna misalnya perkataan MASON terhasil apabila diletakkan *Star David* di atas piramid.

Maka rumusan yang dapat kami simpulkan di sini tentang The Great Seal ialah Illuminati yang ditubuhkan pada 1776 sekarang ini telah bertapak di Amerika dengan kukuhnya. Mereka melaksanakan berbagai bentuk konspirasi yang pada luarannya kelihatan seperti mengikut undang-undang tetapi sebaliknya ia hanyalah untuk menguntungkan kelompok-

kelompok tertentu. Kerja-kerja konspirasi itu pula dilakukan oleh agen-agen Illuminati yang dalam masa yang sama adalah ahli Freemason yang mana seluruh kehidupan mereka diabadikan agar matlamat *One World Government* (Satu Kerajaan Dunia) yang dibentuk sejak 1776 dahulu dapat dicapai. Manakala cara terbaik untuk mencapai matlamat *One World Government* itu adalah dengan melaksanakan dasar *Dunia Orde Baru* (Novus Ordo Seclorum).

Apabila semua kerajaan dunia sudah dicengkam dengan dasar *Novus Ordo Seclorum* maka sebuah negara haram dapat ditubuhkan iaitu Israel tanpa sebarang bantahan dari mana-mana kerajaan dunia kerana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah organisasi palsu yang ditubuhkan untuk membawa gagasan *One World Government* (Satu Kerajaan Dunia) secara rahsia.

Kini dapat dilihat dengan jelas bahawa semua dasar-dasar kerajaan Amerika Syarikat sangat terdorong ke arah menyokong segala keputusan kerajaan Israel. Manakala di dalam kabinet kerajaan Amerika sendiri banyak dikuasai oleh rakyat Amerika yang berbangsa Yahudi.

Gambar lautan yang membelakangi bangunan piramid pada pandangan kami adalah gambaran laut mati yang menjadi sumber ekonomi negara Israel sekarang. Laut mati yang dimasukkan di dalam *The Great Seal* berkemungkinan adalah antara matlamat Illuminati ditubuhkan.

Kini laut mati yang menjadi sumber ekonomi Israel dan tersimpan pelbagai manuskrip rahsia Bani Israel semakin mengering. Akibat daripada masalah itu, kerajaan Israel telah melaksanakan satu projek yang tidak masuk akal pada 1955 iaitu mengepam air dari Laut Merah ke dalam Laut Mati bagi menaikkan semula paras air ke takat yang asal. Projek ini baru bermula pada Mei 2009 dan digelar Projek RED-DEAD.[3]

Manakala semua kerja-kerja di atas akan diperhatikan oleh satu pemimpin yang sangat tersembunyi dan rahsia sehingga ahli-ahli Illuminati sendiri tidak mengetahui siapa pemimpin mereka. Setiap perancangan sejak 1776 dijaga dengan rapi, dunia diubah-ubah dengan pelbagai corak mengikut acuan yang dibentuk oleh Illuminati sendiri.

Maka jelaslah bahawa simbol *The Great Seal* di atas kertas dollar sangat tersirat dengan pelbagai fakta tersembunyi yang menjelaskan bahawa logo itu merujuk kepada satu pertubuhan rahsia yang sangat berpengaruh. Melalui simbol misteri itu, mereka bebas berselindung dengan pelbagai taktik politik bagi mengkaburi mata masyarakat akan kewujudan mereka.

Simbol Tuhan Berhala Kelab Bohemian

Antara simbol tersembunyi yang terdapat pada wang kertas dollar ialah lakaran burung hantu yang sangat kecil dan terselindung di antara corak-corak pada bahagian hadapan wang kertas dollar. Simbol burung hantu tersebut terlalu kecil dan hanya dapat dilihat melalui kanta atau diperbesarkan gambarnya melalui komputer.

Kebanyakan pengkaji konspirasi bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa burung hantu tersebut merujuk kepada maskot bagi Kelab Bohemian di Amerika Syarikat. Kelab yang ditubuhkan pada 1872 beroperasi di sebuah tempat bernama *Bohemian Grove* di California.[4]

Kelab ini menjadi asas kecaman pemerhati konspirasi apabila ia hanya dianggotai oleh golongan elit politik dan keahliannya juga terhad kepada golongan terpilih sahaja. Malah amalan ritual yang diamalkan juga

seakan-akan upacara penyembahan berhala yang sangat mistik dan berunsurkan kesyaitanan.

Keahlian kelab ini hanya terhad kepada golongan lelaki sahaja dan kebanyakannya adalah ahli-ahli kabinet Amerika, pengurus-pengurus bank antarabangsa, pengusaha senjata antarabangsa dan pengarah syarikat antarabangsa. Individu yang menjadi ahli kelab ini digelar sebagai *Bohos* atau *Grovers*.[5]

Kelab ini mempunyai peraturan perjumpaan yang unik di mana ia dilakukan selama 17 hari bagi setiap pertengahan bulan Julai setiap tahun. Di dalam perjumpaan tersebut yang bertempat di Bohemian Grove, beberapa amalan ritual akan dilakukan (gambar bawah).

Antara individu-individu terkenal yang menyertai kelab ini ialah *George HW Bush* dan anaknya *George W. Bush, Ronald Reagen* (bekas Presiden Amerika) dan *Richard Nixon* (Bekas Presiden Amerika)

Rahsia Mohor The Great Seal

Cop mohor yang diguna pakai oleh kerajaan Amerika Syarikat dinamakan sebagai *The Great Seal*. Ia merupakan logo rasmi kebangsaan dan diguna pada semua urusan surat-menyurat, pemfailan, pewartaan dan pentadbiran kerajaan Amerika.

Lambang rasmi ini berupa seekor helang jenis *Haliaeetus leucocephalus* atau *Helang Bald.* Helang ini merupakan maskot kebangsaan bagi negara Amerika Syarikat dan hanya terdapat di Amerika, Kanada, Alaska dan beberapa bahagian di Mexico.

Lambang ini (bawah) juga mempunyai beberapa ciri unik yang sangat mencurigakan dan membawa kepada kita persoalan tentang pengaruh kelompok elit tertentu di dalam pentadbiran Amerika.

Bintang-bintang yang berada di bahagian atas kepala burung adalah berjumlah 13 bintang. Apabila dibuat sambungan dari bintang ke bintang maka didapati ia akan menyerupai simbol bintang bendera Israel iaitu *Megan David* (rujuk bab 4). Manakala ciri-ciri tersembunyi lain yang boleh dilihat pada logo *The Great* Seal ialah

- 13 helai daun zaiton pada kaki helang
- 13 anak panah pada kaki helang
- 13 huruf pada E PLURIBUS UNUM (Out of Many, One)
- 32 helai bulu pada sayap burung helang bermaksud mason 32^0.
- 9 helai bulu pada ekor burung helang

Menurut bekas ahli Freemason peringkat 33^0, *James B. Walker*, beliau mengatakan beberapa bahagian pada *The Great Seal* yang dinyatakan tadi mempunyai hubung kait yang sangat signifikan dengan amalan ritual Freemason. Kenyataan beliau ini dikeluarkan di dalam salah satu majalah Freemason yang bernama *The New Age* pada 1960.[6]

Tragedi 911 Pada Wang 20 Dollar

Selain wang kertas satu dollar, satu kerahsiaan berkenaan perancangan jahat Illuminati juga didapati pada 20 dollar. Maklumat yang sudah tersebar di seluruh dunia melalui internet ini menampilkan satu bentuk bukti yang sangat kukuh walaupun secara faktanya ditolak oleh kebanyakan pelbagai badan siasatan.

Pendedahan yang sangat nyata dan sahih ini dianggap oleh pihak berkuasa sekadar teori, pandangan peribadi, andaian rawak dan kecelaruan pemikiran yang terlalu banyak dibebani teori-teori konspirasi. Keengganan menerima fakta ini mungkin disebabkan individu yang dilantik *George*

Bush bagi menyiasat tragedi 911 sendiri adalah orang yang jelas terlibat dengan pelbagai konspirasi iaitu *Dr. Henry Kissingger*.

Namun realitinya, terbongkarnya perkara ini membuktikan bahawa Illuminati sudah merancang sekian lama akan setiap kejadian yang pada akhirnya membawa kepada suatu keuntungan besar kepada mereka. Ini dapat dilihat pada wang kertas 20 dollar Amerika (gambar sebelah).



Wang kertas 20 dollar jika dilipat pada seperti rajah di atas dalam bentuk kapal terbang akan kelihatan berpadanan dengan gambar bangunan yang seolah-olah sedang terbakar dan berasap.[7]



Begitu juga pada wang kertas 5 dollar, jika dilakukan lipatan dengan bentuk yang sama maka ia akan menunjukkan rajah seperti bangunan yang sedang terbakar sebagaimana wang kertas 20 dollar. Adakah ini layak disebut kebetulan?[8]



Pada tragedi 11 September 2001 lalu, serangan tidak hanya mengenai bangunan *World Trade Centre* (WTC) tetapi kapal terbang juga turut terhempas di bangunan Kementerian Pertahanan Amerika iaitu Pentagon. Wang kertas 20 dollar jika dilipat pada bahagian lain (rajah atas) akan menunjukkan seolah-olah bangunan rendah yang terbakar (bulatan). Gambar ini amat berpadanan dengan kebakaran yang berlaku pada bangunan Pentagon.[9]

Apa yang lebih memeranjatkan ialah padanan nama **OSAMA** pada wang kertas 20 dollar (sebelah) jika dilakukan lipatan secara mengiring. Umum mengetahui bahawa Osama Bin Laden adalah dalang disebalik kejadian dan dia juga adalah agen Amerika yang dijadikan kambing hitam untuk Amerika membuat alasan kukuh bagi menyerang Afghanistan.[10]

Kewujudan nama Osama di dalam wang kertas dollar tidak boleh lagi dianggap kebetulan kerana setiap perancangan Illuminati mempunyai seni rahsia yang sangat sistematik.

Dengan terkumpulnya beberapa siri perancangan konspirasi di dalam mata wang dollar, ia menunjukkan perancangan itu dilakukan dengan amat teliti dan hanya menanti waktu yang sesuai untuk melaksanakannya. Dapatan imej-imej *World Trade Centre* (WTC), Pentagon, Freemason, Osama dan sebagainya di dalam mata wang dollar Amerika tidak boleh dianggap sebagai kebetulan lagi. Dapatan ini harus diletakkan dalam satu sudut kajian politik yang lebih khusus yang menjurus ke arah membongkar komplot para konspirator.

Dollar Simbolik Penguasaan Yahudi

Kesimpulan yang boleh dibuat terhadap rahsia dollar ini ialah walaupun Negara haram Israel tidak menggunakan dollar sebagai tukaran wang rasminya, namun pengaruh Yahudi yang menguasai pentadbiran Amerika membuktikan bahawa dollar adalah pelindung ke atas ekonomi Israel dalam pelbagai aspek.

Selain itu, dollar juga boleh dikatakan sebagai simbolik kepada penguasaan Yahudi ke atas masyarakat dunia. Bermula dengan konspirasi mewujudkan pelbagai revolusi kebangsaan dan perang-perang dunia, sistem mata wang diperkenalkan sebagai satu kaedah perniagaan yang adil dan seimbang antara penjual dan pembeli.

Kini dollar merupakan blok mata wang yang menguasai masyarakat dunia dengan menghiasi nilai-nilai wang kebanyakan kerajaan dunia. Dollar tidak hanya terhad oleh negara Amerika Syarikat tetapi diguna pakai juga oleh negara Islam sebagai nilai tukaran rasmi negara masing-masing misalnya, Brunei Darus Salam.

Namun hakikat yang jarang diketahui oleh masyarakat ialah dunia ini sejak 300 tahun dahulu dunia hanya dikuasai oleh dua buah keluarga Yahudi iaitu keluarga *Rothschild* dan keluarga *Rockefeller*. Kebanyakan penyiasat konspirasi mengandaikan bahawa separuh dari bumi ini milik Rothschild manakala separuh lagi adalah milik *Rockefeller*.

Hanyasanya kedua-dua nama ini tidak popular dan sentiasa tidak tersenarai di dalam majalah *Forbes* yang selalu membariskan individu-individu terkaya di dunia. Ia bukanlah tidak tersenarai tetapi sengaja untuk tidak menyenaraikan kedua-dua ahli keluarga Yahudi ini bagi mengkaburi mata masyarakat dunia.

Kesimpulan

Perencanaan Yahudi Zionis dalam usaha menghancurkan umat Islam dan risalah tauhid para nabi telah diberitakan Allah hampir keseluruhan juz Al-Quran. Kelompok kuffar yang sangat minoriti ini boleh dikatakan berjaya mencengkam dunia dengan kuku-kuku kediktatoran mereka.

Namun begitu, hendaklah kita sedari bahawa simbol-simbol Yahudi yang mempengaruhi keseluruhan kehidupan kita sejak ratusan tahun bukanlah bermakna mereka hebat walaupun zahirnya kelihatan demikian. Simbol-simbol itu juga bukanlah bermakna mereka bijak walaupun dikalangan mereka terdapat ramai tokoh-tokoh bijak pandai.

Hakikatnya, kesemua penonjolan simbol-simbol tersebut dan perancangan genius mereka adalah satu cabaran dan dugaan kepada kaum muslimin agar terus melipat gandakan lagi usaha ke arah menangkis segala bentuk konspirasi Yahudi. Dan sudah pastinya dalam usaha itu, ia memerlukan sifat sabar dan taqwa yang sangat tinggi dikalangan umat Islam sebagaimana firman Allah SWT;

لَن يَضُرُّوكُمْ إِلَّآ أَذًى ۖ وَإِن يُقَٰتِلُوكُمْ يُوَلُّوكُمُ ٱلْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١١١﴾

"Mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) tidak sekali-kali akan membahayakan kamu, kecuali menyakiti (perasaan kamu dengan ejekan-ejekan dan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas). Dan jika memerangi kamu, mereka akan berpaling lari membelakangkan (kalah dengan sehina-hinanya) sesudah itu mereka tidak akan mencapai kemenangan."

(Ali Imran: 111)

إِن تَمْسَسْكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن تُصِبْكُمْ سَيِّئَةٌ يَفْرَحُوا۟ بِهَا ۖ وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْـًٔا ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾